

MAJALAH KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

QIADAH

FOKUS
KELANTAN ISTIQAMAH
MEMARTABATKAN SAHSIAH

TOKOH
HASHIM YAACOB

MAKANAN
CEK MEK MOLEK

***Kelantan Istiqamah
Memartabatkan Sahsiah***



**HARGA BERMULA:
RM428,500**




WADI IMAN

WADI IMAN PMBK II

PASIR GENDA
TANAH MERAH, KELANTAN

Spesifikasi Kediaman

- Struktur** — Rangka Konkrit Tetulang
- Bumbung** — Jubin Konkrit/Kerangka Keluli Ringan
- Dinding** — Bata Merah
- Luas Rumah** — 1,752kp
- Luas Tanah** — 5,605KP



Tawaran Kami



- Percuma Yuran Guaman (tanpa disbursement)
- Percuma Perjanjian Jual Beli
- Deposit Serendah RM500 Sahaja
- Hadiah Misteri Untuk Pembeli Terawal

Kemudahan Kami

- ✓ 4 Bilik
- ✓ 4 Bilik Air
- ✓ Permohonan Pembiayaan Diuruskan
- ✓ Pagar Bata & Dawai
- ✓ Pintu Pagar Lipat Keluli lembut

Hubungi Segera!

011-25469440

013-9810054



Wadi Iman



WadilmanEksklusif



www.pmbk.gov.my/pemasaran



قِسْدَانِ مَنْتَرِي بِنْتَرِكَلَنْتِن

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

www.pmbk.gov.my



KEDAI PEJABAT UNTUK DIJUAL


JALAN PENGKALAN CHEPA

1 UNIT TERAKHIR!

KOTA BHARU

EMASLINK
PACIFIC
HOTEL

PENGKALAN
CHEPA



MAYBANK
BANK ISLAM

KOTA
BHARU

CIMB
BANK

Suci Wedding



- ✓ LOKASI STRATEGIK
- ✓ AKSES KOTA BHARU-PENGKALAN CHEPA
- ✓ SAIZ 20'X70'
- ✓ 2 BILIK AIR SETIAP TINGKAT
- ✓ PEMBIAYAAN DIURUSKAN OLEH PEMAJU
- ✓ ASET PELABURAN



HUBUNGI KAMI

011-25469440 (YUS)
019-9322295 (GEE)



www.pmbk.gov.my/pemasaran

AHLI JAWATANKUASA EDITORIAL

QIADAH EDISI KE-21

Ketua Editor

Hj. Abdul Rashid Mohd Yusoff
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Setiausaha Jawatankuasa Editorial **Zamakshari Muhamad**

Pengurus Kanan Pemasaran &
Komunikasi Korporat Kumpulan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jawatankuasa Editorial

Hjh. Nik Aida Nik Ahmad
Pengurus Kanan Audit Dalaman Kumpulan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Zuraidah Mohd Hussin

Pengurus Kanan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Hj. Mahadi Mokhtar

Pengurus Kanan Pembangunan Korporat
Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd.

Mohd Haikal Rozaini

Eksekutif Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Muhammad Najid Abdullah

Eksekutif Latihan Modal Insan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Penyelaras Editorial

Shariah Derahman
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Pembantu Penyelaras Editorial

Siti Norazami Mohamed Anuar
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Pengarang

Norzana Razaly (Zanazanzaly)

Penulis bersama

Dato' Kepten Prof. Emer. Dr. Hashim Yaacob
Dr. Wan Adi Yusoff • A. Ubaidillah Alias
Ramli Abdul Halim • Zainah Din • Rezan Zamre

Penulis bersama

Mustaqim Amir Azuari Mohamed • Norzainah Nordin
Fadly al-Hafiz • Nik Fauziah Nik Daud • Chu E Liang
Muhna Abdullah • Noorleyne Hamzah
Shariah Derahman • Siti Norazami Mohamed Anuar
Muhammad Najid Abdullah

Pereka Grafik & Layout

Mohd Haikal Rozaini

Eksekutif Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Shariah Derahman

Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Mustaqim Isa

Pembantu Tadbir Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jurugambar

Ahmad Nai'me Muhammad

Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jurugambar bersama

Unit Komunikasi Menteri Besar (UKMB)
Mustaqim Amir Azuari Mohamed
Mustaqim Isa • Air Kelantan Sdn. Bhd.

Pengiklanan, Pemasaran & Promosi

Jabatan Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Diterbitkan oleh

Perbadanan Menteri Besar Kelantan
Tingkat 6, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai,
15150 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-747 4082 Faks: 09-747 7815
Portal: www.pmbk.gov.my

Dicetak oleh

Dinamik Restu Solutions Sdn. Bhd.
PT361, Tingkat Bawah, Belakang Tesco Kota Bharu,
15050 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 013-9587478

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.

Hak cipta majalah korporat PMBK (Qiadah) dan kandungannya yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik, logo, dan susunannya serta bahan-bahannya adalah hak milik PMBK. Tiada mana-mana bahagian paparan ini boleh diubah, disalin, diedar, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan semula, dilesenkan, dipindah, disimpan, dijual atau mencipta karya terbitan daripada mana-mana maklumat atau bahagian majalah ini, serta diuruskan bagi tujuan komersial dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada PMBK.



KOSMETIK JENAMA SENDIRI

PAKAR DALAM BIDANG R&D DAN
PENGILANGAN PRODUK KOSMETIK



☎ 09-976 5280 📞 018-985 4741




www.biotajmeel.com.my

📍 Kilang OEM Kosmetik Bio Tajmeel



ANAK BERSIKUT
SELATAN BIOTECH
CORPORATION SDN BHD

QIADAH



**LAMAN HADAPAN:
KELANTAN ISTIQAMAH
MEMARTABKAN SAHSIAH**

Muka hadapan majalah Qiadah kali ini menunjukkan rakyat Kelantan dan para pimpinan negeri membanjiri stadium bagi menyertai majlis agama yang dianjurkan oleh kerajaan negeri. Ini merupakan situasi biasa yang dapat dilihat di negeri ini, hasil didikan para ulama dan umara dalam memupuk minat mencari ilmu kepada rakyatnya. Sahsiah warga Kelantan telah dididik dengan baik agar menunjukkan contoh yang terpuji kepada umum. Semoga sahsiah terpuji warga Kelantan akan terus teguh dan diwarisi kepada generasi yang akan datang. Insya-Allah.

PERISTIWA



8

**AMANAT
MENTERI BESAR
KELANTAN**

FOKUS



12

**KELANTAN
ISTIQAMAH
MEMARTABKAN
SAHSIAH**

FOKUS



18

**KELANTANESE
GRACING
HUMANITY**

VARIASI



24

**BERBALAS
DDEGHA**

VARIASI



27

POLITIK SUGHO

VARIASI



30

**SEMANGAT
KEBERSAMAAN**

VARIASI



34

**AKHLAK
PEMIMPIN
IKUTAN RAKYAT**

VARIASI



37

**DIALEK
KELANTAN**

VARIASI



40

**RAKYAT
MEMANFAATKAN
CUTI**

VARIASI



44

**PERPUSTAKAAN
AWAM
KELANTAN**

VARIASI



47

**HARI
SAYYIDATINA
KHADUJAH**

PEMIMPIN



50

**USTAZ
WAN ROSLAN**

HERITAGE



54

**KRIS
KELANTAN**

MAKANAN



57

**CEK MEK
MOLEK**

DESTINASI



60

**MASJID
AR-RAHMAN**

TOKOH



64

**HASHIM
YAACOB**

**JENAMA
KELANTAN**



67

**KUMPULAN
TEGOH**

**KELANTAN
SANA SINI**



70

**RESTORAN
KST**

**INSPIRASI
KELANTAN**



74

**MUSTAFA
OTHMAN**

**FOKUS
PMBK**



78

**HARI KELUARGA
PMBK**


**AKTIVITI
PMBK**



82

**SEMINAR AUDIT
PEMATUHAN**

**AKTIVITI
PMBK**



84

**BANTUAN
BANJIR**

**AKTIVITI
PMBK**



85

**ASYURA
MAHABBAH**

**AKTIVITI
PMBK**



86

**BOLING
PMBK**

**AKTIVITI
PMBK**



88

**BOLING
KUMPULAN
PMBK**

**AKTIVITI
PMBK**



90

**TAKLIMAT
INTEGRITI
PMBK**

**AKTIVITI
PMBK**



91

**TAKLIMAT
KESELAMATAN
SIBER**

**TEROWONG
MASA**



92

**TEROWONG
MASA**

**DIALEK
KELANTAN**



94

**DIALEK
KELANTAN**

MAJLIS MENTERI BESAR KELANTAN

PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN 2020



“
Kebesaran sesuatu negara atau negeri, tidak diukur dengan luas daerahnya tetapi diukur daripada watak masyarakatnya.
 ”

أستاذ داتوء بنتارا كانن منتري بسر كلنتن
 مپمفيكّن أمانات سفقنا مجلس أمانات منتري
 سردان فرهمقونن فنجاوت عوام نكري كلنتن
 ٢٠٢٠ دديوان جاموان أوتام، كومفليكس كوت
 دارالتعيم قد ٦ جمادالأول ١٤٤١ برسمان ٢ جانواري
 .٢٠٢٠

دسفق بركوغسي فركمباغن، فنجاقاين دان
 كجياغن نكري سفنجنغ تاهون ٢٠١٩، مجلس
 ترسبوت جوگا مروفاكن فلفنوم اونتوق
 مپمفيكّن فلقسانان داسر، فنيلاين فريستاسي
 سرتا فندوان باكي مفهادفي چابران تاهون ٢٠٢٠.

فلن ايندوق فمباغونن ممغن نكري كلنتن ٢٠٢٣ -
 ٢٠١٩ برداسر كن ستراتجي لأوتن هيچاوت توروب
 دلنچر كن اوله منتري بسر كلنتن يغ مليقوتي نيلاي
 سوسيال، ايكونومي دان علام سكليلغ سباكي
 فرسدياغن مفهادفي چابران كلوباليساسي دان
 ايندوستري ٤,٠ ستروسپ مماچوكجياغن
 فلقسانان فلن ستراتجيك كلنتن ملشكه كهادفن
 .٢٠٢٥ - ٢٠١٦



Pelancaran Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan 2019 - 2023.



Penganugerahan yang cemerlang oleh Jabatan Audit Negara Malaysia.



Penyampaian sijil pengiktirafan kecemerlangan kepada jabatan-jabatan yang terpilih.



Pelancaran buku Ibrah Melalui Kisah Anbiya' & Solehin.

Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan menyampaikan amanat sempena Majlis Amanat Menteri Besar dan Perhimpunan Penjawat Awam Negeri Kelantan 2020 di Dewan Jamuan Utama, Kompleks Kota Darulnaim pada 06 Jamadil Awal 1441 bersamaan 02 Januari 2020.

Di samping berkongsi perkembangan, pencapaian dan kejayaan negeri sepanjang tahun 2019, majlis tersebut juga merupakan platform untuk menyampaikan pelaksanaan dasar, penilaian prestasi serta panduan bagi menghadapi cabaran tahun 2020.

Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan 2019 - 2023 berdasarkan Strategi Lautan Hijau turut dilancarkan oleh Menteri Besar Kelantan yang meliputi nilai sosial, ekonomi dan alam sekeliling sebagai persediaan menghadapi cabaran globalisasi dan industri 4.0, seterusnya memacu kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik Kelantan Melangkah Kehadapan 2016 - 2025. ■



**USTAZ DATO' BENTARA KANAN
HAJI AHMAD BIN YAKOB**
S.J.M.K, D.J.M.K. (KELANTAN)
Menteri Besar Negeri Kelantan

KETERAMPILAN IHTIRAFI

PEMANGKIN SAHSIAH TEKNOKRAT KELANTAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Tahmid dan syukur dipanjatkan kehadiran Allah SWT pemilik kerajaan langit dan bumi. Penguasa mutlak duniawi dan ukhrawi. Selawat dan salam ke atas junjungan baginda Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabatnya, serta seluruh penyambung legasi *nubuwwah* sehingga akhir zaman.

Pada tahun 2019, kerajaan negeri Kelantan memilih tema "Pengurusan Ihtirafi Tunjang Kesejahteraan" demi menuju ke arah pentadbiran teknokrat. Ihtirafi bermaksud profesional yang merujuk bersikap positif secara holistik.

Penekanan utama ditumpukan kepada sifat hafiz (penjaga) dan alim (berpengetahuan); kombinasi personaliti mukmin profesional berkepakaran dan berintegriti serta dipercayai bagi mencapai objektif bercirikan:

- (a) *Hawariyyun*: Pendukung setia perjuangan suci.
- (b) *Kafa'ah*: Pekerti mulia dan integriti sebagai asas sahsiah.
- (c) *Wafa' Bil 'Uqud*: Keterujaan untuk mencapai piawaian yang terbaik.
- (d) *Himmatul 'Amal*: Mengejar peningkatan kualiti dan cita-cita dalam profesion.
- (e) *Hafazah*: Memelihara dan meningkatkan imej kerjaya.

Semua elemen tersebut adalah perkara penting dalam menjulang tiga tonggak utama yang sering dihebahkan oleh kerajaan negeri Kelantan iaitu Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan. Ia merangkumi aspek holistik, spiritual, mental dan fizikal yang akan menyentuh kehidupan semua peringkat umur dan pelbagai latar belakang.

Khususnya kepada penjawat awam di negeri Kelantan yang telah diterapkan nilai Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan (UMI) selama 30 tahun ini, kita bekerja bukan semata-mata kerana upah, tetapi sebagai ibadah kepada Allah dengan berkhidmat kepada masyarakat. Gaji di akhirat berupa pahala haruslah difahami oleh para penjawat awam sebagai pemangkin kepuasan bekerja yang tiada tolok bandingnya.

Dalam menterjemahkan pengurusan ihtirafi dan pentadbiran teknokrat ini ke dalam pentadbiran kerajaan negeri, kita masih berpegang dengan dasar yang sama iaitu "Membangun Bersama Islam" yang telah kita dukungi hampir 30 tahun.

Asas agama Islam ialah membawa kesejahteraan sebagaimana perkataan Islam itu sendiri bermaksud sejahtera. Banyak seruan al-Quran kepada berakhlak mulia diulang berkali-kali. Ia bukti signifikan Allah SWT sentiasa mengajak umat manusia kepada berbuat kebajikan. Hal kebajikan pula berkait rapat dengan pendidikan.

Seruan membina akhlak dan peribadi yang luhur ini bertepatan dengan sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud "Tidaklah aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia". Lantaran itu, Dasar Pendidikan Rabbani (DPR) menjadi tunjang perkembangan pendidikan Islam di Kelantan demi melahirkan generasi yang berjiwa luhur dan berkeperibadian unggul selaku bakal pemimpin di masa hadapan.

Saya percaya dengan dasar Membangun Bersama Islam dan juga kehadiran generasi baharu yang bersahsiah mulia akan lebih memantapkan visi kepimpinan teknokrat ini sekali gus menterjemahkan imej lebih positif pada masa hadapan. Insha-Allah.

Sekian, terima kasih.

**"Pengurusan Ihtirafi Tunjang Kesejahteraan"
"Kebajikan, Keberkatan, Kemakmuran"**



HJ. ABDUL RASHID MOHD YUSOFF
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

TELADAN MURNI MEMUPUK KESEJAHTERAAN

Alhamdulillah. Segala pujian dipanjatkan ke hadirat Allah SWT dan sembah salam buat junjungan besar nabi utusan-Nya, Muhammad SAW, keluarga baginda, para sahabat dan umat Islam keseluruhan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab, ayat 21 bermaksud: *"Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah contoh teladan yang baik bagimu iaitu bagi orang yang mengharap rahmat Allah dan kedatangan hari Kiamat dan banyak mengingat Allah."*

Dalam memahami kegemilangan sesebuah tamadun Islam terdahulu misalnya, tidak sekadar mengenang kehebatan ekonomi, geopolitik mahupun ketenteraan sahaja tetapi sebaliknya adalah aspek yang paling utama iaitu akhlak. Urbanisasi yang bersifat duniawi ini akan hilang atas apa jua faktor fizikal, namun keunggulan akhlak dan kehalusan budi masyarakat akan terus kekal selama-lamanya bahkan menjadi tiang utama yang menjadi tonggak kehebatan fizikal.

Justeru, indikator mudah kepada kemajuan negara atau negeri sebenarnya banyak berkait dengan sikap penduduknya. Nilai murni dan tataetika sosial menjadi sandaran kepada keharmonian masyarakat setempat selain faktor lain yang menongkatnya.

Allah SWT mengiktiraf keperibadian Nabi SAW untuk dijadikan teladan umat Islam. Keperibadian yang terpuji ini dikaitkan dengan rahmat Allah SWT dan persediaan untuk menghadapi hari yang kekal abadi iaitu akhirat nanti.

Sabda Nabi SAW yang bermaksud: *"Sesungguhnya di antara orang-orang yang paling aku cintai dan paling*

dekat tempat duduknya pada hari kiamat denganku iaitu orang-orang yang paling baik akhlaknya." (Hadis riwayat Tirmizi)

Tajuk Qiadah kali ini berkait dengan sikap dan peranan akhlak rakyat negeri Kelantan dalam melestarikan kuasa ekonomi dan geopolitik penduduk. Dalam konteks bernegara, kupasan tajuk-tajuk yang disediakan akan mengisahkan tentang bagaimana kerajaan negeri Kelantan mendidik rakyatnya untuk memperkasa akhlak dan budi dalam memakmurkan masyarakat. Pelbagai kaedah telah diperkenalkan dan pastinya suatu yang ikonik di negeri Cik Siti Wan Kembang ini adalah suburnya majlis ilmu pada setiap hujung minggu dengan nama pengajian mingguan di Medan Ilmu.

Ikonik pengajian Medan Ilmu sebenarnya merujuk pengajian yang disampaikan oleh pimpinan negeri Kelantan bermula pukul 8.30 sehingga 10.30 pagi di dataran terbuka, tengah bandar Kota Bharu yang dinamakan Medan Ilmu. Secara terus rakyat berhimpun dan mendengar nasihat daripada barisan pimpinan kerajaan negeri Kelantan secara bergilir.

Program ilmu sebegini diluaskan melalui penglibatan 14 jajahan di negeri Kelantan dengan mewujudkan majlis ilmu seumpama Medan Ilmu. Kuliah pula disampaikan oleh ustaz-ustaz dan pimpinan setempat setiap jajahan sama ada pada pagi Jumaat atau Sabtu mengikut kekerapan minima sekali sebulan.

Justeru, pokok pangkal kepada program sebegini adalah mendidik akhlak dan tataetika rakyat agar kembali kepada Islam dengan menghidupkan majlis ilmu. Inilah yang dilakukan oleh kepimpinan kerajaan negeri Kelantan yang menggunakan slogan Rakyat Membangun Bersama Islam dengan mengangkat nilai dan estetika keharmonian hidup bermasyarakat melalui penerapan akhlak terpuji.

PMBK amat berbesar hati untuk mendokumenkan beberapa nota penting yang menyokong kelestarian rakyat yang terkenal dengan akar budi yang tinggi dan adat ketimuran yang masih tebal. Sekadar menyebut Medan Ilmu sebagai sebuah universiti terbuka untuk rakyat adalah contoh yang masih kekal sehingga hari ini sebagai membuka mata para pembaca untuk mencari dan menerokai kerja-kerja berkerajaan yang dipelopori oleh kerajaan negeri Kelantan kepada rakyatnya.

Bagi pihak PMBK, saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua penulis, editor dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak, atas jerih upaya yang ditunjukkan dalam penghasilan Qiadah edisi ini. Hanya Allah jua yang layak membalasnya.

Sekian, *siro ala barakatillah.* Terima kasih.

KELANTAN ISTIQAMAH MEMARTABATKAN SAHSIAH

Oleh: Norzana Razaly

Sejarah merekodkan Kelantan sebagai negeri terawal di Tanah Melayu menerima Islam sekitar tahun 997M dan kewujudan kerajaan Islam Kelantan bermula pada abad ke-11.

Ajaran agama samawi yang menganjurkan cara hidup terunggul yang menjamin keselamatan di dunia dan akhirat diraih melalui amalan kebajikan ternyata mudah serasi dengan jiwa sultan dan pembesar negeri dan senang pula diadaptasi oleh rakyat jelata di dalam negeri bersinonim dengan julukan "Serambi Mekah".

Zaman bertukar ganti dan orang Kelantan kekal mempertahankan keperibadian mulia sebagai bangsa Melayu-Islam yang lemah-lembut dan penyantun sehingga terbit istilah "tertib-ternim" bermaksud *pe'el molek* (perangai baik) atau "berjurus" yakni mengikut lunas atau peraturan yang melambangkan betapa bersahsiahnya empunya badan.

Peribadi terpuji

Kamus Dewan Edisi Keempat menjelaskan keperibadian itulah sahsiah yang merujuk menuntut ilmu bagi melengkapkan proses pembinaan peribadi sebagai insan terpuji).

Ia seerti dengan akhlak yang berasal daripada perkataan "khuluq" (perilaku, perangai atau tabiat). Maksud ini terkandung dalam kata-kata Sayidatina

Alsyah r.a berkaitan akhlak Rasulullah SAW yakni "*Akhlaknya (Rasulullah SAW) adalah al-Quran.*" Maksudnya ialah kepercayaan, keyakinan, pegangan, sikap dan tingkah laku Rasulullah SAW semuanya merupakan pelaksanaan ajaran al-Quran.

Menurut Mohd. Sulaiman (1997), Imam al-Ghazali mentakrifkan akhlak sebagai suatu sifat yang tertanam dalam jiwa yang daripadanya timbul perbuatan-perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan terlebih dahulu. Maknanya, seseorang yang baik bentuk kejadiannya dan akhlaknya adalah seorang yang baik lahir dan batinnya.

Jadi, akhlak itu ialah suatu *hal'ah* (hal) yang tetap dalam diri (jiwa), yang melahirkan tindakan, perbuatan atau perlakuan ataupun perilaku amalan dengan mudah tanpa memerlukan pemikiran.

Nilai murni

Hal demikian selari dengan perkembangan sahsiah, sosioemosi dan kerohanian orang Kelantan bermula dengan ajaran turun-temurun oleh nenek moyang mengenai kepercayaan dan keyakinan tidak berbelah bahagi kepada Allah SWT dengan mentaati ajaran Rasulullah SAW berpandukan al-Quran dan hadis yang mendorong kepada pemupukan nilai-nilai murni dan pembentukan sahsiah yang mantap diserikan dengan akhlak dan sikap yang mulia dan terpuji.

Tok Guru yang begitu mendntal ilmu menggunakan Medan Ilmu sebagai pentas untuk mengasuh dan mendidik rakyat pada setiap pagi Jumaat.



Kefahaman inilah membentuk personaliti warga negeri dalam memahami konsep watani yang berkeyakinan tinggi dan memiliki keutuhan jati diri sebagaimana pengiktirafan, pujian dan anjuran Allah SWT melalui al-Quran di dalam surah al-Qalam ayat 4 supaya berakhlak sebagaimana akhlak Rasulullah SAW yang bermaksud "Dan bahawa sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia."

Allah SWT berfirman lagi dalam surah al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud, "Demikian sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaa) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)".

Mencintai Ilmu

Antara tazkirah Murabbi Ummah Allahyarham Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru) yang terpuhat kukuh dalam sanubari rakyat ialah "orang yang mengingati mati akan sentiasa berusaha menambahkan ilmu terutamanya tentang ilmu yang berhubung dengan Allah SWT kerana asas kepada keimanan ialah ilmu."

Lantaran menyedari kepentingan menuntut ilmu, sejak diamanahkan menerajui tadbir urus kerajaan negeri Kelantan pada 21 Oktober 1990, sebuah lokasi yakni sepanjang Jalan Dato' Pati, di bandar Kota Bharu, Kelantan berhadapan Pejabat Parti Islam se-Malaysia (PAS) digazetkan sebagai Medan Ilmu.

Saban Jumaat, jalan berkenaan dipenuhi lautan manusia seawal pagi. Mereka sudah bersedia menunggu kedatangan Menteri Besar Kelantan pada ketika itu yakni Tok Guru untuk mencurahkan ilmu.

Suasannya amat luar biasa sehingga mencetus fenomena pagi Jumaat yang penuh sesak dengan ribuan pengejar dan pendahaga ilmu tanpa mengira usia dan strata sosio masyarakat. Hinggakan mahu berjalan mencari ruang tempat duduk untuk mendengar kuliah pun agak susah, khawatir terseradung hadirin sedang khusyuk mengikuti ceramah.

Dari pukul 8.30 hingga 10.30 pagi ruang kaki lima pun penuh, berpanas dan berhujan tidak diendahkan khilayak semata-mata untuk mengisli waktu kuliah dengan setiap butir daripada lisan Tok Guru itulah di-nanti-nantikan bahkan akan dilngat untuk dlamalkan sepanjang hayat.

Mercu tanda Kota Bharu

Medan Ilmu adalah lambang maruah dan mercu tanda denyut nadi kesinambungan ilmu yang mengalir antara pemimpin dan rakyat. Di situlah pemartabatan dan kemerlahaan ilmu berlaku. Di situ juga pelbagai sikap dan pendirian agama dijelujur, diatur, diasuh lalu ditunjukkan arah tuju pemikiran dan gagasan pimpinan negeri secara mingguan.

Tidak keterlaluan dikatakan, Medan Ilmu ialah pentas Tok Guru mengasuh dan mendidik rakyat Kelantan pelbagai perihal adab dan sebagai hiasan akhlak sehingga menjadikan Medan Ilmu dimasyhurkan dengan nama sebegitu justeru ia cukup memimpin dan membina mutu keperibadian Melayu-Islam di Kelantan.

Lebih membanggakan, apabila kerajaan negeri Kelantan mengambil inisiatif menjadikan Medan Ilmu yang gah dengan aura, sifat dan fungsinya itu dengan membina sebuah ikon bergelar Pintu Gerbang Medan Ilmu Tok Guru dan dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Yakob pada 23 September 2017.

Majlis Perasmian Pintu Gerbang Medan Ilmu telah diadakan pada 23 September 2017 oleh Menteri Besar Kelantan.



Pembinaan Pintu Gerbang Medan Ilmu Tok Guru di Jalan Dato' Pati berkos RM400,000 diperuntukkan oleh kerajaan negeri Kelantan manakala kerajaan Persekutuan juga turut menyumbang dana bagi menaik taraf sekitar Jalan Dato' Pati tersebut. Sementara kerja pembinaannya dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam (MPKB-BRI).

Sesungguhnya, Medan Ilmu terlalu sinonim dengan Allahyarham Tok Guru dan juga rakyat negeri ini sejak berpuluh tahun lamanya sebagai tempat perkongsian ilmu setiap hari Jumaat. Ia terus menjadi mercu tanda baharu ibu negeri "Tadahan Wahyu" sekali gus memperhebatkan lagi perkembangan ilmu agama di situ.

Ia bukan sahaja menjadi tumpuan penduduk tempatan bahkan masyarakat dari luar negara juga turut mengunjungi medan tersebut sejak arwah tokoh ulama itu masih ada.

Menurut mantan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Belia dan Sukan Negeri Kelantan, Dato' Abdul Fattah Mahmood, ilham pembinaan pintu gerbang berwarna putih dan keemasan tersebut diambil bersempena dengan sebuah tempat pengajian ilmu agama oleh Allahyarham Tok Guru ketika beliau menuntut di India.

"Idea ini tercetus semasa sambutan 25 Tahun Membangun Bersama Islam dan ia merupakan mercu tanda pembangunan di Kota Bharu. Kelantan salah satu negeri yang membangunkan negerinya berasaskan ilmu dan kita setuju untuk bina mercu ini," katanya.

Mantan Yang DiPertua MPKB-BRI, Dato' Haji Zamri Ismail pula menyatakan MPKB-BRI memainkan peranan penting bagi merancang lagi aktiviti keilmuan dan memberi keselesaan kepada pengunjung dengan penambahbaikan infra dari masa ke masa.

Pembangunan bina insan

Demi memartabatkan sahsiah rakyat, kerajaan Kelantan memperuntukkan sejumlah RM2.2 juta dalam usaha memberi kesejahteraan kehidupan rakyat melalui program-program bina Insan dalam Teras Keempat Belanjawan Kelantan 2019.

Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Ahmad Yakob menyatakan peruntukan itu disalurkan melalui Pejabat Pembangunan Negeri merangkumi Program Bina Ummah dan Program Cakna Rakyat. Sebanyak RM320,000 diperuntukkan kepada Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK), RM300,000 untuk Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG) dan RM100,000 bagi Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK).

Manakala pada tahun 2020 pula, kerajaan Kelantan terus memberi komitmen melalui program Kelantanku Bersih, Kelantanku Ceria dengan peruntukan berjumlah RM11.6 juta. Sebanyak RM6 juta diperuntukkan bagi program kebersihan dan keceriaan, RM700,000 untuk pengindahan bandar dan pekan serta RM300,000 bagi kebersihan awam. Selain itu, sebanyak RM1 juta pula diperuntukkan bagi pembinaan taman awam dan RM600,000 bagi pembinaan kemudahan sukan dan rekreasi.

Ilham pembinaan pintu gerbang Medan Ilmu yang berwarna putih dan keemasan ini diambil bersempena dengan sebuah tempat pengajian ilmu agama oleh Allahyarham Tok Guru ketika beliau di India.



Sikap kesabaran dan keikhlasan berkhidmat secara berintergriti pimpinan kerajaan Islam Kelantan demi kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat ternyata mengundang rezeki yang tidak disangka. Kerajaan Persekutuan telah memberikan bantuan "one-off" berjumlah RM400 juta kepada Kelantan pada 25 Disember 2019 untuk meningkatkan sosio-ekonomi, kesejahteraan rakyat dan mengukuhkan fiskal kewangan negeri.

"Kita tak pernah minta bantuan "one-off" ini dan hanya meminta untuk bayaran royalti (petroleum)," kata Menteri Besar selepas Majlis Amanat Tahun Baharu 2020 dan Pelancaran Pelan Induk Pembangunan Mampan Kelantan 2019-2023 di Dewan Teratal, Kompleks Kota Darulnaim di Kota Bharu, pada 2 Januari 2020.

Semangat Muafakat

Sahsiah rakyat Kelantan terus dimartabatkan dengan semangat muafakat dan bergotong-royong terutama dalam menjayakan aspirasi kerajaan negeri. Sementelah, stigma masyarakat di luar Kelantan wajar segera dikemas kini. Mereka berpandangan negatif dengan sering beranggapan orang Kelantan sebagai pengotor. Meskipun kesahihan kenyataan ini masih boleh diperdebatkan, namun realiti tentang tahap kebersihan di tempat-tempat tumpuan ramai di Kelantan harus dipandang serius.

Menyedari realiti, sekumpulan golongan profesional perubatan dan kesihatan termasuk doktor pakar, pegawai-pegawai perubatan, jururawat, pakar pemakanan, dan lain-lain lagi bersatu di bawah Pertu-

buhan Amal Perubatan Ibn Sina Malaysia (PAPISMA) berbincang untuk cuba menyelesaikan masalah ini. Bertitik-tolak dari situ muncul idea jernih untuk mengadakan kempen Kelantanku Bersih.

Menurut Ketua Aktivis merangkap Pengarah Kempen Kelantanku Bersih, Dr. Muhd Al-Aarifin Ismail, cetusan idea ini timbul apabila mereka melihat perlunya usaha bersepadu untuk mewujudkan negeri yang bersih.

"Kempen ini bermula pada pertengahan Mei 2018. Tatkala Pilihan Raya Umum baharu sahaja tamat. Waktu itu bahan-bahan kempen pilihan raya termasuk bahan-bahan bercetak masih berselerak di sepanjang jalan raya", ujarnya.

Gerakan Kempen Kelantanku Bersih di bawah Konfederasi NGO Kelantan (KNK) ini dinaungi kerajaan negeri dengan sokongan daripada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, agama serta aliran politik. Setelah gerakan ini semakin diterima ramai, maka penyertaan dibuka kepada semua pihak yang berminat untuk mencapai impian menjadikan Kelantan sebuah negeri bersih.

Sehingga kini, terdapat ramai pihak khususnya NGO, universiti, agensi kerajaan yang mempunyai kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan. Mesyuarat atau perbincangan penyelarasan telah diadakan beberapa kali termasuk dengan kehadiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Kelantan. Ini menunjukkan suatu hubungan dan sokongan padu oleh seluruh rakyat Kelantan sedang terjalin secara baik dan holistik.

Pelancaran Kempen Kelantanku Bersih 2019 di Dataran Bandar Raya pada 30 April 2019 menyaksikan penyertaan daripada pelbagai pihak yang turut menyokong kempen ini.

Sumber: Facebook YB Dr. Izani Husin



Mendidik masyarakat

Kempen ini digerakkan oleh kerajaan negeri Kelantan dibawah pemantauan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan, Dr. Izani Husin. Manakala pihak Jawatankuasa Kebersihan Negeri Kelantan telah menggariskan bahawa, Kempen Kelantanku Bersih akan dilaksanakan selama 3 tahun (minimum). Kempen ini dibahagikan kepada 3 fasa yang mana setiap fasa mempunyai objektif serta aktiviti tersendiri.

Fasa pertama merujuk Fasa Pendidikan (Jun 2018 – Jun 2019). Fokus utama pada fasa ini adalah untuk mendidik masyarakat tentang amalan kebersihan.

Fasa kedua (Jun 2019 – Jun 2020) pula merujuk Fasa Penguatkuasaan. Pada fasa ini, pihak kerajaan melalui PBT dengan kerjasama daripada masyarakat akan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang terhadap pesalah berkaitan kebersihan.

Fasa ketiga merujuk Fasa Pemeriksaan (Jun 2020 – 2021). Dalam fasa ini, pihak kerajaan serta seluruh rakyat Kelantan akan berganding bahu dalam pelbagai aspek bagi memastikan negeri Kelantan benar-benar menjadi sebuah negeri yang bersih.

Pembahagian fasa ini bukan bermaksud turutan pelaksanaan, bahkan ia lebih kepada strategi agar gerak kerja lebih tersusun. Penguatkuasaan undang-undang misalnya akan dikuatkuasakan sepanjang masa sebagaimana biasa termasuk pendidikan.

Penerangan lanjut berkenaan dengan program-program di bawah setiap fasa kempen terus dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui saluran rasmi (Facebook) kempen demi realisasikan impian semua anak negeri untuk menjadikan Kelantan sebuah negeri yang bersih.

Pelaksanaan serius

Pada 25 April 2019, kerajaan Kelantan memperkenalkan polisi penutupan semua pasar di negeri ini sehari pada setiap bulan. Menteri Besar, Dato' Ahmad Yakob berkata, langkah itu diambil bagi meningkatkan tahap kebersihan di kawasan tumpuan ramai di seluruh negeri terutamanya pasar.

Menurutnya, sebagai permulaan Pasar Siti Khadijah di Kota Bharu sudah ditutup pada hari tersebut untuk kerja-kerja pembersihan dan pasar-pasar kecil lain juga digalakkan berbuat demikian.

Beliau turut mengadakan perbincangan bersama persatuan peniaga di negeri ini untuk pelaksanaan proses menutup operasi pasar sekitar Kelantan. Kempen yang dijalankan tersebut melibatkan hampir 2,000 sukarelawan untuk membersihkan sekitar bandar Kota Bharu.

"Kita cadang tutup sehari untuk membersihkannya dan Insya-Allah tempat yang kita selalu pergi ini tidak lagi berbau," katanya pada pelancaran Kempen Kelantanku Bersih dan Gotong-Royong Perdana "Jupo Sapoh Kutip, Jange Tohok Koksey".

Notis penutupan pasar (sehari pada setiap bulan) bagi kerja-kerja pembersihan akan dipasang lebih awal sebagai makluman kepada semua peniaga dan pembeli.



The banner features the Malay title 'نوٹیس قنوتوقن' (Notice of Market Closure) in Arabic script, the English title 'NOTIS PENUTUPAN PASAR SITI KHADIJAH DAN LAMAN SITI KHADIJAH', and the purpose 'Sempena Kempen Kelantanku Bersih, Penutupan Pasar Satu (1) Hari Dalam Sebulan Akan Diadakan'. It specifies the date 'Tarikh 16/7/2019 SELASA' and includes the logo of Kota Bharu and the source 'Sumber foto: www.mpkb.gov.my'.

Semua Peniaga Dijemput Hadir dan Memberi Kerjasama Sepenuhnya

Anjuran Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam dengan kerjasama Persatuan Peniaga-peniaga Kecil PSK dan BUI Technology Enterprise Sdn Bhd

Dengan Perintah : Yang Dipertua MPKB-BRI

Keterlibatan semua pihak

Kesungguhan kerajaan negeri Kelantan dalam memartabatkan sahsiah rakyat dengan menggembeng seluruh pihak agar menyampaikan mesej kepada dunia bahawa Kelantan adalah sebuah negeri yang menuju ke arah negeri paling bersih seperti orang ingat Jepun, semua akan teringatkan sebuah negara dan rakyatnya yang bersih. Itulah hasrat yang seharusnya tertanam dalam benak sanubari rakyat. Denyut nadi yang berakar umbi menginginkan sebuah negeri yang bersih, sentiasa dalam rahmat Allah SWT jua.

Sinar Harian pada 11 November 2019 melaporkan KDYMM Al-Sultan Kelantan bertitah pada Majlis Istiadat Pengurniaan Kehormatan Kebesaran Kelantan sempena Perayaan Ulang Tahun Keputeraan ke-50 di Istana Balai Besar, turut menyentuh aspek kebersihan negeri ini telah memperlihatkan perubahan seiring dengan Kelantan sebagai negeri yang menerapkan nilai Islam sebagai teras pentadbiran.

"Alhamdulillah, nampaknya program 'Kelantan-ku Bersih' yang telah dilaksanakan dilihat berjaya membawa perubahan dari sudut pembudayaan kebersihan dalam kalangan rakyat beta. Di samping itu juga, beta diberi maklum program kebersihan dan keceriaan ini akan terus diperkasakan dengan penambahan peruntukan kepada RM10 juta pada tahun 2020 berbanding RM6 juta tahun ini. Beta berharap agar program pembudayaan kebersihan dan keceriaan dalam kalangan rakyat perlu dilaksanakan secara berterusan untuk menjadikan negeri ini antara yang terbersih di Malaysia," titah baginda.

Sahsiah rakyat Kelantan terus dimartabatkan berdasarkan respons positif mereka terhadap amalan bergotong-royong bagi menjayakan kempen Kelantan-ku bersih adalah petunjuk bahawa rakyat Kelantan sememangnya sedar akan kepentingan menjaga kebersihan kerana kebersihan sebahagian daripada Iman.

Anjakan pemikiran

Mutakhir, demi membuktikan komitmen menjadikan Kelantan negeri terbersih, tiga strategi telah dirancang. Dalam sesi wawancara pada 31 Januari 2020 bersama Dr. Izani Husin, terdapat tiga strategi utama ditekankan oleh kerajaan negeri Kelantan bagi menjayakan pengurusan sisa pepejal termasuk sampah domestik yang mampu menjimatkan kos dan meningkatkan kecekapan pengurusan sampah dan kos operasi tapak pelupusan yang meningkat sepanjang tahun.

Ia dimulai dengan usaha menerapkan anjakan pemikiran pencetus kepada perubahan sikap lebih positif dalam kalangan masyarakat terhadap soal kebersihan dan kitar semula.

Sehubungan itu, beliau berkata, arahan sudah dikeluarkan kepada PBT untuk menyusun jadual dan prog-

ram gotong-royong di kawasan masing-masing dan menggerakkan rakyat untuk menjayakannya.

Universiti politik terbuka


Kelantan sebagai Institusi pengajian ilmu sains kemanusiaan akan sentiasa mekar di hati sekalian rakyat di mana Medan Ilmu, Kota Bharu adalah sebuah lokasi pusat pengajian terbuka kepada seluruh rakyat sejak awal pentadbiran kerajaan Membangun Bersama Islam mentadbir Kelantan.

Ia berjaya membentuk sahsiah rakyat sehingga menjadi inspirasi terbitnya sebuah buku setebal 246 halaman berjudul Kelantan, Universiti Politik Terbuka tulisan Allahyarham Tok Guru terbitan Maahad ad-Dakwah Wal-Imamah pada tahun 1995.

Tambah membanggakan, susunan keutamaan darjah kebesaran, bintang dan pingat dalam adat istiadat Istana Kelantan menyenaraikan tempat ke-28 ialah Pingat Perangai Baik (P.P.B). Ia dikurniakan oleh KDYMM Al-Sultan Kelantan kepada penjawat awam yang bersahsiah mulia sepanjang tempoh perkhidmatan. Dalam masa yang sama, menyempurnakan amalan Kelantan beristiqamah memartabatkan sahsiah kepada yang paling layak. ■

Rujukan:

1. Buku Laporan Sidang DUN 2018 dan 2019.
2. Mohd. Sulaiman Haji Yasin (1997). Mengenal Ilmu Tasawuf (pengantar). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
3. <http://www.istiadat.gov.my>
4. <http://www.sinarharian.com.my>
5. <http://www.upkn.gov.my>



KELANTANESE GRACING HUMANITY IN THEIR UNIQUENESS

By: Zainah Din

The name Kelantan is derived from the Malay word "kilatan" which means "lightning". In ancient time, there was frequent lightning phenomenon often experienced by seafarers during their sail into estuary of the Kelantan river. Since then, the state we now know as Kelantan has been named as such carrying the meaning of the "Land of Lightning".

For centuries, the state of Kelantan in the East Coast of Malay Peninsular has been separated from the rest of population on the West by Titiwangsa Range. Location wise, it was hard to reach the state from other parts of the peninsular. Overland travel was almost impossible due to the densely forested hills and highland while sea voyage was dangerous due to piracy and sea conditions.

This geographic isolation of Kelantan may be part of the factors that impacted the way Kelantanese live their lives as they do, distinctly and proudly. As a result, the people of Kelantan – commonly referred to as Kelantanese, have always proud of themselves on being different, or perhaps independent, from the rest of Malaysia. As a society, Kelantanese possesses unique characteristics and behaviors that would only define them as distinct from the rest of Malaysians.

Because of its uniqueness, Kelantan and Kelantanese have become the subjects of many studies to explore further on their differences and characteristics that set them apart from the rest of Malaysians.



Unique genetic signature

The ultimate uniqueness of Kelantanese is their pride of being a descendant of Kelantan. Genetically, Kelantanese Malay are believed to have a unique genetic signature. According to Loo Keat Wei and Gan Siew Hua who studied Kelantanese Malays from genetic and historical perspectives, the genetics of the people of Kelantan are associated with Semang natives, different from other Malay sub-ethnics who were found to have a close connection with other Asian populations originated from Java and Sumatra.

Kelantan has been described as being Malaysia's most socially conservative and Islamic state. Islam is the first and foremost element in all aspects of Malay Kelantanese, and it effects the rest of the state – governance, administration, lifestyles, landscape, building facade, names, titles, social interaction, etc. To ignorant outsiders, Kelantan is equivalent to hudud, and the likes. To Kelantanese, it is not the case as life is as usual in Kelantan where people are also engaging in simple fun and enjoyment. In fact, by making Islam more accessible, especially to non-Muslims, Kelantan's tourism developments are making headway with visitors, local and international alike.




Cradle of Malay Culture

As it is, visitors have no trouble visiting the state, and some might find Kelantanese are positively laidback and gregarious in nature, in short fun to be with. This has been reflected in the statistics that show 3.4 million visitors had visited Kelantan between January and October 2019, where 3.14 million were locals and 305,048 were foreigners.

Lutfi Daud wrote in his paper that Kelantan is considered as the "Cradle of Malay Culture" due to its ability to preserve and maintain its rich Malay cultural heritage. Cultures, traditions and heritage have been long drawing visitors to the State where many are interested in learning and experiencing traditional games such as wau bulan or moon kite flying; the arts of wayang kulit, songket weaving and batik drawing.

Of course, Islamic buildings and architectures have also been known to be another attraction to visitors where they can visit mosques with unique designs, such as Masjid Muhammadi in Kota Bharu, Masjid ar-Rahman in

Pulau Gajah and the Sultan Ismail Petra Silver Jubilee Mosque (Beijing Mosque) in Rantau Panjang. Another uniqueness known to Kelantanese is the romantically-named beaches, such as Pantai Cahaya Bulan (Moonlight Beach), Pantai Irama (Beach Of Melody), Pantai Bisikan Bayu (Beach of Whispering Breeze) and Pantai Sri Tujuh.



Kelantan Malays have also been known to be inordinately sensitive to interpersonal relations; that they placed considerable emphasis on the importance of maintaining harmony within the context of community. These social and cultural values were considered most relevant, thus impacted social interaction resulting the expectation of acting with refinement (berhalus) rather than coarsely (kasar). This meant that their actions should reflect a concern for others and should avoid behaviors which were apt to lead to conflict. Those who, through clumsiness or intent, gave affront and those who received it experienced a feeling of "malu" – an affectively charged state of marked discomfort akin to embarrassment but much more intense.



“**Halus, a word means refined, delicate, smooth, small, and so on.**”
—Raybeck & Herrmann—

Photo: Google

Courtesy behavior

To promote refined behavior and to reduce the likelihood of embarrassing social encounters, there is the Kelantanese language of character or *budi bahasa*. This was an elaborate code of courtesy behavior, much of which consisted of conventionalized kinesics or body language and through which, one could display one's character in a variety of social circumstances.

As observed by outsiders, this behaviour is almost unique to Kelantanese where many had recounted various encounters of Kelantanese being considerate to others and politely giving way or "bagi muka".

Thus when greeting others, when passing objects or food, when passing behind or in front of others, and so on, there were a series of kinesics conventions that could be employed to demonstrate that one was *halus*, that one have respect for others and, consequently, was worthy of receiving respect.

Normally, displays of courteous behavior, although conventionalized, flowed naturally and were often inconspicuous in private settings. In public, however, such displays were obvious and pronounced, as they provided a means of reaffirming both one's social identity and one's relationship to others the all-important traditional *adat* that villagers view as linked to their social and cultural identities.

Levy, Gopalakrishnan and Lin wrote in their papers that Kelantanese has stable and well-balanced mind. They believe positive attitude of Kelantanese contributes to the stability of the mind. The character of Kelantanese that possess excellent acceptance to different races and religions lead to that too. In addition, they have an outstanding belief system which undeniably true with the emerging of many Islamic schools in the entire state.

In Kelantan, *adat* enshrines the proper way to behave toward others and in varying situations. In addition, and as a reflection of the importance of being an inner circle (*orang kita*), Kelantanese society was widely regarded as a good unto itself. People were interdependent and membership was a key to both acceptance and survival. Indeed, there was a strongly valued ethic that people should help one another in a reciprocal fashion.

On the other hand, the Kelantanese Malay language, as spoken by the Kelantanese Malay and non-Malays, takes some getting used to. It is not standard Bahasa Melayu, it is a distinctive dialect which is quite special and instantly recognisable to other Malaysians. One scholar, Almi Syazana of Universiti of Malaya (UM) had studied the politeness strategy of Kelantanese dialect because of her personal interest in the dialect. To her, the Kelantanese dialect was studied as the dialect continues to fascinate her with its nuances and rhythms.



Ambo oghe
kelate.



Kawe saye
kelate.

Photo: Google

Politeness dialect

According to Aimi Syazana, when listening to the words of Kelantanese dialect, one can and at times cannot distinguish what it is being said due to the differences in lexical items and pronunciation between the Kelantanese dialect and standard Malay. She found that Kelantanese speakers used more positive politeness strategy, initiated more detachment in their utterances as not to cause any friction among the speakers. This special dialect thus differentiates Kelantanese in such a way that they seem to be regarded as ignoring the rest of a group whenever there is another Kelantanese present.

This is not the case, for Kelantanese is also identified with strong sense of belonging or kinship among themselves. This strong bond among Kelantanese is so intense so giving birth to the quote of being "Kelantanese first, Malaysian second". This is not to show that they are being unpatriotic towards the nation rather it manifests the spirit of comradeship among the Kelantanese, Malays and non-Malays alike.

The spirit of Kelantanese brotherhood was featured in the 2008 film "Budak Kelantan" or Kelantanese Boy. Relating to Kelantanese youth migration to urban metropolitan Kuala Lumpur, this movie captured the essence of Kelantanese who usually stick within their

own group of people, a close brotherhood wherever a meet up anywhere even outside Malaysia and a person who sees no fear of response to any challenge or confrontation.

Speaking of migration, there are more than half of the population of Kelantan is believed to have been seeking greener pastures outside of the state. Kelantanese migration to other parts of Malaysia and the world has been seen as a brave move to seek better fortunes to improve one's lives. This shows that the Kelantanese are more than willing to migrate to change their lives' condition rather than staying behind and fighting among themselves for limited resources in the state.

In his paper, Lutfi Daud also observed that Kelantanese women in particular, are superwomen for their outstanding business-mind, hardworking and enterprising. According to him:

"Kelantan women have familiarized themselves with all kind of business activities; from selling good by the roads, setting up stalls in front of the most up to every corners of the state. Kelantan women have strong spirit for self-sufficiency which has led them to produce their own basic needs such fruit, vegetables, chicken or handicrafts and souvenirs. They consume and used what they have created and sell the left overs at weekly markets or by the roadsides stalls."



Photo: Google

Siti Khadijah Market, Kota Bharu.

Innately built business-minded

In this dog eats dog world, it is hard to believe how strong Kelantan women are in dealing with business and most of them manage to survive in man-dominated world. Nevertheless, many examples of women entrepreneurs from Kelantan such as Dato' Seri Vida, Dato' Yusmira Mohd Yussof, and the late Faziani Rohban (to name a few) have innately built business-minded character.

However, the entrepreneurship and business acumen are not only exist among the Kelantanese women. As observed by Tuan Pah Rokiah Syed Hussain who found that Kelantanese are enthusiastic and friendly community who also possess passionate hearts which normally help them to succeed in entrepreneurship.

To sum up, business acumen is the keenness and quickness in understanding and dealing with a "business situation" which usually involves risks and opportunities in a manner that is likely to lead to a good outcome.

Looking at Kelantanese entrepreneurs, be them women or men, this comes almost natural to them. Who does not know of Dato' Steven Sim – the founder of Secret Recipe franchise chains. Born in Kota Bharu, Kelantan, he grew up among the Malays and speaks fluent Kelantanese Malay. He now owns 440 cafe outlets in nine countries – Singapore, Indonesia, Thailand, China, Brunei, Cambodia, Myanmar, Maldives and Bangladesh.



Photo: Google

Wisma Pamoga Qu Puteh, Kota Bharu.



Photo: Google

Yusmira Trading, Billion Supermarket, Kota Bharu.



Photo: Google

Secret Recipe, Giant Supermarket, Kota Bharu.



Fresh and unorthodox cultures

Last but not least, if there is no Kelantanese, there will be no nasi kerabu, nasi berlauk, akok and other delicacies which are so famous that they are known all the way to United Kingdom (UK) and beyond. The story of Eat Lah, a mobile food operator service in London, UK, is one of the many testimonies of how Kelantanese impacted foodies all around the globe.

Traditional to Kelantan, dishes like nasi kerabu hitam (the purplish blue salad rice), nasi berlauk (rice with chicken or fish in gravy); sweet desserts such as lompat tikam (red glutinous rice with coconut sauce and palm sugar caramel), akok (sweet cakes made of coconut milk, palm sugar, egg and flour) – are brought outside of the state by emigrating Kelantanese and now, fast becoming staple food sought near and afar.

Yes, there are warts and all, but Kelantanese have been making life on this planet more bearable and exciting. In fact, Kelantanese flourished better outside of their home state, bringing fresh and unorthodox cultures together with them.

Warts and all, Kelantanese has helped made Kuala Lumpur as she is today; Singaporean and Johorean know of more Kelantanese than other states' born in helping building their nation and development; the food landscape has been altered by Kelantanese penchant for budu and other things Kelantanese – soda Cap Ayam, keropok keping, nasi kerabu, batik, songket, baju kelawar, sambal daging, nasi Air Dingin – you name it, somehow there will be a chance that a Kelantanese who has introduced you to them. ■



BERBALAS DDEGHA BUDAYA TRADISI JAMINAN JATI DIRI

Oleh: Ramli Abdul Halim

Masyarakat dalam konteks Islam ialah gabungan manusia yang diwujudkan atas ikatan syariah rabbani bermatlamatkan kehidupan sejahtera serta aman damai. Masyarakat Islam pula merangkumi keseluruhan hubungan kemasyarakatan yang saling berkait antara satu sama lain yakni mesti bekerjasama untuk kebaikan dan tidak bekerjasama untuk melakukan dosa dan perbuatan keji berpandukan firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah ayat 2 yang bermaksud:

"Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa dan janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran."

Maka, sikap saling membantu dan menolong adalah penanda aras semangat kerjasama sesama entiti masyarakat termasuklah kejiwaan atau persahabatan yang menjadi asas budaya "ddeggha" (berbalas ddeggha) dan "balas besan" yang bermaksud "bergilir". Sekali gus mencerminkan keakraban bermasyarakat berkonsepkan peribahasa berat sama dipikul, ringan sama dijinjing amalan orang Kelantan turun-temurun.

Ketika kerja-kerja pertanian dilakukan secara tradisional, pembajakan menggunakan lembu/kerbau (bukannya jentera pembajak dan benih padi ditabur terus daripada mesin seperti sekarang), amalan ddeggha menjadi rutin. Contohnya pada Ahad minggu ini, para jiran sekampung bermuafakat membajak sawah, mencabut anak semaian dan mencedung petak-petak sawah milik Alif. Maka pada hari Isnin, kerja yang sama dilakukan untuk Ba, diikuti Selasa pula giliran Jim dan pada hari-hari berikutnya giliran Dal dan orang lain pula.

Konsep ddeggha

Amalan ddeggha berkonsepkan matlamat untuk membentuk sebuah masyarakat yang bekerjasama, padu dan kukuh antara ahlinya berteraskan iman yang kukuh untuk menuju keredaan Allah semata-mata. Kerjasama ini melibatkan seluruh aspek kehidupan sama ada jasmani dan rohani. Dalam proses pembentukan ini, pengorbanan memainkan peranan penting kerana tanpa pengorbanan material dan spiritual, proses ini tidak dapat mencapai tahap yang diinginkan.

Justeru, bagi individu yang tidak memiliki sawah ataupun kebun untuk ditebas semak-samunnya, mereka akan dipelawa untuk membantu dalam kerja-kerja persawahan, menebang-tebas kebun atau mengusung rumah mahupun membina kediaman milik jiran/kawan yang dilakukan secara sukarela atau digelar "makan pinjaman".

Sama ada ddeggha atau makan pinjaman, konsepnya sama iaitu melakukan kerja secara gotong-royong untuk saling mengurangkan bebanan di samping mempercepatkan urusan kerja.

Secara tidak langsung budaya balas ddeggha ini mewujudkan semangat kerjasama dan menerbitkan suasana muhibah dalam bersantai kerana usaha menegakkan kebajikan dan mencegah keburukan adalah tanggungjawab setiap individu yang perlu dilakukan secara kolektif sebagaimana Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perbuatan yang salah (buruk dan keji) dan mereka itulah orang yang berjaya."
(Surah Ali Imran: 104)

Hal ini selari dengan amalan pada zaman Rasulullah SAW, yang mana kerjasama antara jiran sangat erat hinggan mereka sanggup menyerahkan segala harta kekayaan untuk jihad di jalan Allah.

Misalnya, Saidina Uthman Affan dan Saidina Abdul Rahman Auf sanggup membelanjakan harta kekayaan untuk berjihad di jalan Allah dan menolong saudara mereka telah membentuk masyarakat Islam yang teguh bersatu-padu.

Ddeggha kenduri-kendara

Aktiviti kenduri-kendara berkonsepkan ddeggha/bedeggha turut menjadi amalan. Misalnya si A berkenduri, si B menyumbang beras. Maka apabila si B berkenduri pula pada lain masa, si A pula akan membalas ddeggha dengan sumbangan beras juga. Demikianlah andainya si C menginfakkan susu atau gula. Apabila tiba waktu kenduri si C, maka si A atau si B akan sedekahkan benda yang sama kepada pemberi ddeggha dengan jumlah yang sama sebagai balas ddeggha.

Ddeggha kadang-kadang diminta oleh orang yang mahu mengadakan kenduri bagi meringankan kadar bebanan semasanya. Contohnya, bagi yang merancang mengadakan kenduri, mereka minta untuk "*bedeggha*" sesama keluarga, jiran atau sahabat, supaya nanti akan meringankan bebanan kos semasa kenduri berlangsung.

***Ddeggha* tenaga**

Amalan *ddeggha* lazimnya membabitkan saudara-mara dan jiran sekampung yang membabitkan penyediaan barangan, huluran wang dan sumbangan tenaga. Misalnya bagi memudahkan kerja-kerja menggali perigi pada era lampau sebelum ada alat *boring* (penggali dasar tanah) untuk mendapatkan sumber air.

Selain itu, kerja-kerja mengusung rumah yakni memindahkan rumah kayu dari satu tempat ke satu tapak yang lain memerlukan tenaga ramai kerana rumah tersebut tidak akan dirombak.

Jikalau jaraknya jauh, kerja mengusung boleh mengambil masa lebih sehari. Faktor cuaca seperti angin kuat, kerja-kerja mengusung akan dihentikan untuk mengelakkan bahaya kemungkinan rumah yang diusung terbalik dek rempuhan angin atau ribut lalu menimpa para pengusung.



Sumber gambar:
<https://twitter.com/bbariaomy/status/1018075711754498048>

Kerja-kerja mengusung rumah memerlukan tenaga ramai kerana rumah tersebut tidak akan dirombak.



Kaum wanita mengamalkan konsep *ddeggha* dalam menyediakan makanan ketika kenduri atau adanya majlis.

Menu acara *ddeggha*

Bagi budaya *ddeggha* membajak sawah, menebas dan membaja, menggali telaga, mengusung atau membina rumah yang melibatkan penggunaan kudrat maksimum pada sebelah pagi, para petugas akan dijamu dengan ubi rebus atau pulut bergaul kelapa yang berlaukkan ikan kering bakar/goreng atau ikan rebus.

Tengah harinya pula mereka akan dihidangkan nasi berlaukkan gulai ikan tongkol atau ayam dan sayur mentimun. Manakala pada sebelah petang akan dijamu bubur kacang atau caca, cendoi, atau lompat tikam dan untuk menyediakannya memerlukan sumbangan tenaga kaum wanita yang pandai memasak dan ia juga mengamalkan konsep *bedeggha* yakni lambang kesepakatan dalam penggunaan tenaga.

***Ddeggha* dalam perkahwinan**

Bagi acara perkahwinan pula, bukan kos peralatan keperluan kenduri sahaja melibatkan amalan *ddeggha* tetapi turut melibatkan pengantin lelaki atau perempuan secara peribadi kerana di Kelantan pemberian maharnya (mas kahwin) berbeza dengan negeri lain.

Enakmen syariah di 13 negeri lain selain Kelantan menetapkan mas kahwin pada jumlah tertentu manakala hantaran pula dibezakan. Sebaliknya, di Kelantan mahar dan hantaran dikira satu dan dilafaz bersekali ketika akad.

Misalnya, ibu bapa si gadis mahu "belanja" anak perempuan mereka (di Kelantan mahar disebut belanja), RM1,000 atau RM10,000 gabungan wang dan barang kemas. Maka jurunikah (sama ada bapa gadis atau berwakil-walikan kepada Imam masjid mukim) akan menyebut keseluruhan jumlah itu semasa akad nikah.

Untuk mencukupkan jumlah belanja itulah *ddeggha* berbentuk wang tunai dipersetujui oleh mempelai dengan saudara-mara dan para sahabat yang belum atau pernah menerima *ddeggha* daripada pengantin lelaki. Manakala bagi pihak ibu bapa pengantin pula, *ddegghanya* dalam bentuk barangan seperti makanan, pakaian dan aksesori di atas pahar atau popular di dalam dialek Kelantan dengan nama "par" atau "anak kaso" yang diperbuat daripada tembaga.



Ddeggha dalam perkahwinan melibatkan barangan, pakaian atau aksesori yang diletakkan di atas par/anak kaso.



Membersihkan surau beramal-ramai juga merupakan acara *ddeggha* di kampung-kampung.

Amalan tradisi penjamin jati diri

Bedeggha simbol permuafakatan yang menghasilkan kesan terbaik melalui cara saling menolong untuk membentuk kesatuan yang kukuh dalam kalangan masyarakat Kelantan.

Ia sarat mengandungi falsafah khususnya dari sudut kerjasama dan pengemblengan tenaga sesama masyarakat setempat dengan matlamat utamanya untuk meringankan beban dan mempercepatkan urusan seharian.

Budaya ini wajarlah dilestarikan sejajar dengan suasana semasa dalam kehidupan pada era serba moden yang cenderung ke arah sikap individualistik. Sekiranya, budaya *ddeggha* kekal diamalkan, nescaya hubungan sesama jiran sekampung tetap rapat, sanak saudara kian akrab dan sahabat-handai semakin mesra sekali gus mengekalkan jati diri orang Kelantan yang tinggi budi bahasanya. 🇲🇾

Perpaduan masih lagi menjadi budaya dan tradisi masyarakat Kelantan dalam hal-hal yang memerlukan permuafakatan dan gotong-royong sekampung.

Antaranya dalam kenduri-kendara sama ada untuk majlis perkahwinan ataupun jamuan Maulidur Rasul. Tidak ketinggalan dalam amalan membuat *sugho* (bubur asyura), orang luar Kelantan mengenalinya dengan panggilan bubur Asyura yang masih dijadikan acara tahun sepanjang bulan Muharam atau lebih popular dengan nama "bulan sugho".

Perkara asasnya, sebelum dapat makan *sugho*, masing-masing perlu berkorban harta (wang ringgit/benda milik) untuk menyumbang mengikut kemampuan kerana untuk membuatnya memerlukan kos yang besar dalam penyediaan bahan-bahan kerana konsep permuafakatan dan gotong-royong menjadi satu keperluan bagi mengurangkan bebanan kos. Bagi yang kurang berkemampuan menyumbang harta benda, maka sumbangan kudrat amatlah dititikberatkan.

Pendek kata, tiada seorang pun ahli kariah kampung

POLITIK SUGHO BERSATU KERANA AGAMA

Oleh: Ramli Abdul Halim

Konsep muafakat

Membuat *sugho* bukan satu kerja yang mudah dan bukan pula boleh dibuat secara bersendirian kerana prosesnya melibatkan penggunaan alat memasak yang besar, dinamakan kawah dan jumlah kandungan juga banyak kerana lazimnya *sugho* dibuat berkawah-kawah supaya seisi kampung dapat sama-sama merasanya.

Secara tidak langsung, hal ini mewujudkan satu bentuk pakatan bersifat politik dalam membentuk penyatuan melalui permuafakatan.

yang terkecuali dalam penyediaan sekawah bubur Asyura yang menyerupai amalan siasah Islamiah (politik Islam) ini.

Rempah *sugho*

Bahan asas penyediaan *sugho* ialah beras, gula, bawang dan santan termasuklah rempah-ratus khas yang dinamakan "awah sugho". Ia dijual di pasar secara sukatan yang berpadanan dengan keperluan mengikut saiz kawah kerana kawah ada tiga beradik (tiga saiz) yakni saiz besar, sederhana dan kecil bernama Anak Curang.



Sumber foto: Maahad Mesbah el-ulum.

Jika awahnya tidak cukup atau terlebih, rasa *sugho* akan terjejas. Kalau terlebih awah, perut yang memakannya akan memulas dek cirit-birit manakala jika tidak cukup awah, *sugho* tidak enak kerana terbit rasa leweh atau lecas.

Selain daripada bahan asas di atas, daging lembu/kerbau atau ayam, jagung, kacang merah, keledak dan sebagainya turut dijadikan komponen dalam pembuatan *sugho*. Kebiasaannya dibuat dalam dua jenis, iaitu manis dan lemak. *Sugho* manis akan dibuat lebih banyak kuantitinya berbanding yang lemak kerana ia lebih digemari oleh kanak-kanak.

Ilham dari langit

Sambutan perayaan Awal Muharam diraikan dengan pembuatan *sugho* dalam kalangan masyarakat Kelantan kerana tradisi ini dikatakan bagi memperingati dan menyambung usaha penyatuan yang pernah dibuat oleh Nabi Nuh. Ia diilhamkan daripada peristiwa banjir besar akibat kederhakaan umat Nabi Nuh termasuklah isteri dan anak baginda yang menolak seruan keimanan dan ketakwaan terhadap Allah SWT.

Lalu Nabi Nuh membuat *sugho* sebagai langkah mencahu makanan ketika menghadapi kesusahan akibat banjir bagi tujuan menjimatkan keperluan makanan melalui teknik berhemah dengan mencampurkan segala yang ada dan halal dimakan sebagai ramuannya. Inilah simbol penyatuan jiwa daripada *wala'* (taat setia) dan kesepakatan seluruh warga bahtera baginda terhadap pemimpnnya yang terdiri daripada pelbagai jenis makhluk di muka bumi ini yang dikumpulkan secara berpasang-pasangan.

Inilah politik sebenar dalam Islam yang menyeru kepelbagaian bangsa, agama dan fahaman agar dapat membentuk satu penyatuan kukuh di bawah satu kepimpinan. Manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang melata sebagai sumber makanan musnah dan pupus ditenggelami banjir, kecuali yang menaiki bahtera Nabi Nuh secara yakin dan rela menjadi simbolik kepada berpegang teguh dengan tali Allah dan jangan berpecah-belah serta taat pada perintah khalfah.

“...mewujudkan satu bentuk pakatan bersifat politik dalam membentuk penyatuan melalui permuafakatan.”

Bermulanya kerja

Oleh kerana penyediaan *sugho* mengambil masa yang lama untuk siap dan sedia dimakan, maka kesepakatan dan kerjasama secara bergotong-royong amatlah diperlukan. Antaranya pinjam, angkat kawah dan basuh kawah disinonimkan dengan amalan pemasangan pos atau “bangsal panas” ketika pilihan raya yang menerbitkan suasana geger kerana orang kam-



Pembuatan *sugho* memerlukan kerjasama yang padu bagi memastikan lenya masak mengikut masa yang telah dirancang.



Kerjasama politik *sugho* juga dihayati semasa kempen pilihan raya.

pung mulai tahu sambutan bulan *sugho* sudah tiba seperti mana penggubalan dewan berlaku.

Terdapat pula sejumlah pemuda yang membuat “tunggey” (dapur yang digali atas permukaan tanah sedalam dan selebar dua kaki) atau diperbuat dengan tong dram yang dipanggil “legey” dan tidak terkecuali pengumpul kayu apl. Dua orang lelaki perkasa ditugaskan meminjam kawah daripada masjid kerana ia biasanya dibeli atas nama masjid ataupun diwakafkan kepada masjid di setiap mukim. Kawah tidak dimiliki oleh individu kerana keperluan penggunaannya hanya bermusim.

Kerjasama politik *sugho* disepakati lagi dalam proses pembuatan yang mana kerja kacau/koreh perlu dilakukan tanpa henti bermula ia panas hinggalah ke saat *sugho* sedia untuk dimakan bagi mengelakkan daripada berkerak. Samalah seperti kempen politik bermula daripada pembubaran parlimen dan (Dewan Undangan Negeri (DUN) sehingga proses pilihan raya berlangsung.

Sifat kreatif dan gemar berjimat-cermat orang Kelantan ketara dalam mencipta alat pengacau *sugho* berbentuk galah bermata besi yang diperbuat menggunakan “mata gebeng penolak” atau alat bajak sawah yang sudah haus dan tidak boleh digunakan lagi. Kerja mengacau *sugho* melibatkan empat penju-ru oleh empat pengacau serentak dan akan diganti oleh pengacau lain yang sentiasa bersedia apabila seseorang pengacau *sugho* kepenatan.

Sudip kayu turut digunakan bagi membersihkan (meligho) *sugho* yang melekat pada biral kawah supaya kelihatan bersih dan tidak bertempuk-tempok. Ia dibuang dan tidak boleh dimasukkan semula ke dalam kawah kerana dikhuatiri *sugho* akan cepat basi. Ada juga yang membuat sudip menggunakan pelepah *nyor* (nyir/kelapa) agar senang menceduk *sugho* yang meletus ketika mengelegak.

Letusannya semakin kuat apabila ia bertambah likat dan boleh terkeluar dari kawah kalau apinya tidak dikawal supaya tidak terlalu marak dan pengacau perlu berhati-hati kerana jika terkena letusan badan boleh melecur. Serupalah kepanasan isi ceramah ahli politik yang suka mendedahkan isu semasa.

Nikmat muafakat

Prinsip makan *sugho* di Kelantan ada keunikannya apabila sudah masak dan diveduk daripada kawah, ia akan dimasukkan ke dalam tempurung *nyor* yang disimpan semasa *nyor* dikukur untuk mendapatkan santannya. Ada juga yang meletakkannya dalam kelopak batang pisang bersudukan daun nenas yang dikisip bersih. Konsep mengasihi yang muda dipraktikkan dalam amalan membuat *sugho*.

Kanak-kanak mendapat agihan *sugho* paling awal, di bubuh dalam tempurung atau pelepah pisang. Selepas orang tua dan wanita beranak kecil mendapat bahagian masing-masing, baharulah belia dan dewasa mengambil hak mereka. Begitulah adab, tertib dan tamakninah




Sugho yang meletus menandakan ia hampir masak dan perlu berhati-hati ketika mengacanya.



Sudip kayu digunakan untuk meligho *sugho* yang melekat pada biral kawah.

Sugho yang baharu masak dimasukkan dalam tempurung kelapa dan ditabur rambuan telur dadar.



Penggunaan dapur gas telah menggantikan dapur kayu sesuai dengan peradaran zaman. Namun semangat kerjasama tetap diteruskan.



dalam didikan Islam; menghormati yang tua, mengasihi yang muda.

Sugho yang masih berbaki akan diagihkan kepada setiap orang yang membawa bekas sendiri bernama "cepu" atau "lonjok" untuk dibawa balik. Jika masih berbaki juga, *sugho* akan dibubuh dalam talam atau gadang/nyiru yang dialas dengan daun pisang.

Ia dibiarkan membeku untuk dihidangkan kepada tetamu atau jiran dalam bentuk buku yang dihiasi serbuk beras goreng ataupun telur dadar dihiris rambu. Zaman dahulu tiada peti sejuk, jadi *sugho* akan dijemur supaya kering dan keras untuk disimpan bagi tempoh lebih seminggu.

Secara tidak langsung pembuatan *sugho* ada unsur politik untuk kesepaduan masyarakat melalui pengembiangan fizikal dan mental serta jiwa kerana ia melibatkan pembabitan ramai. Ia juga dibuat dengan semangat ukhuwah, dalam suasana penuh mesra dan bersenda jenaka yang bertujuan untuk menghilangkan penat dan menyerlahkan kemesraan.

Politik *sugho* jelas menonjolkan elemen muafakat, tolak ansur dan ketertiban yang amat diperlukan dalam kehidupan kita seharian sebagai refleksi tamakninah dalam pergaulan dan ibadat terutamanya mendirikan solat yang sinonim dengan struktur tadbir urus negeri. ■

SEMANGAT KEBERSAMAAN

"SET KITO JANGE PPECOH"

Oleh: Muhna Abdullah

Nota 1

ALKISAH TIGA EKOR LEMBU DAN SEKOR SINGA

Dalam sebuah hutan belantara terdapat tiga sekawan lembu dan seekor singa. Tiga ekor lembu yang berwarna putih, hitam dan merah sepakat menterjemah moto hidup bersama dalam satu bahtera dengan saling membantu antara satu sama lain berslogankan "semua untuk satu, satu untuk semua".

Slogan inilah ancaman kepada singa yang kelaparan. Pelbagai helah dan ikhtiar digunakan untuk meratah daging lembu tetapi hampa. Cogan kata "teguh bersama" pegangan sekawan lembu itu menggagalkan rancangan singa. Setelah lama berfikir panjang, sang singa pun beroleh ilham lalu secara sulit perjumpaan dengan lembu hitam dirancang.

"Tahukah engkau, hutan kita ini sering dikunjungi pemburu yang suka bermalam di sini?" Singa menyua umpan.

"Ya, kenapa? Jawab lembu hitam kebingungan.

Singa mulai tersenyum melihat umpan sudah mengena kemudian segera disusuli pula sesi provokasi.

"Kegelapan malam akan menyembunyikan kamu, lembu merah dan aku daripada penglihatan pemburu. Tetapi warna cerah pada badan lembu putih akan memberikan isyarat di dalam hutan ini terdapat binatang buruan. Keadaan ini bukan sahaja akan membahayakan lembu putih tetapi kamu, lembu merah dan aku juga." Singa memanipulasi keadaan.

"Ya. Jika begitu, bagaimana cara mengatasinya?" Lembu hitam kekusaran. Hujah singa telah mematikan akal si lembu hitam.

"Untuk menyelamatkan kita semua di hutan ini, engkau mesti melepaskan aku untuk memakan lembu putih. Dia harus dikorbankan untuk keselamatan kamu semua dan aku yang berada di hutan ini," singa meneruskan pujan.

"Jika begitu, demi keselamatan diriku dan semua yang

berada di hutan ini, aku rela memblarkan kamu membaham lembu putih." Lembu hitam segera bersetuju.

Setelah itu terkorbanlah lembu putih dengan kerelaan dua sahabatnya. Maka, bermulalah episod pencabulan slogan, "semua untuk satu, satu untuk semua" yang selama ini didukung kemas dek sekawan lembu.

Selepas beberapa ketika, singa datang kembali berjumpa lembu hitam.

"Sahabatku lembu hitam, pemburu datang lagi ke hutan kita. Tetapi sudah tidak lagi bermalam kerana takutkan aku, si raja rimba. Mereka hanya berburu waktu siang," singa berhelah lagi.

"Ya. Kalau begitu, kenapa?" Lembu hitam kehairanan.

"Begini. Warna terang pada badan lembu merah akan kelihatan jelas pada waktu siang. Si pemburu pasti dapat meneka bahawa di hutan ini terdapat buruan. Senario ini akan membahayakan kamu dan aku. Lembu merah perlu dikorbankan segera untuk keselamatan kita berdua." Taktik serupa digunakan sang singa yang pintar mengambil peluang.

"Kalau betul begitu, akan kubiarkan engkau meratah lembu merah," tegas lembu hitam. Bergembiralah singa atas kejayaannya membaham lembu merah dengan pertolongan lembu hitam. Gerhanalah seluruh hutan menanggapi pengkhianatan seorang kawan yang mementingkan diri sendiri.

Setelah beberapa ketika, singa muncul lagi dengan penuh bangga dan mendabik dada. "Hari ini aku sudah tidak perlu bersusah lagi untuk memakan kamu wahai lembu hitam. Kawan-kawanmu telah tiada. Di hadapan matamu sendiri dan dengan restumu juga aku membaham mereka." Singa mempersenda lembu hitam atas kedunguannya dan kini tibalah ketikanya lembu hitam menjadi mangsa.

Ratapan penuh kekesalan lembu hitam dek termakan umpan singa diabadikan dalam peribahasa yang dijadikan bahan sastera bahasa Arab iaitu;

"Oh! Sebenarnya aku telah dimakan pada hari aku membiarkan lembu putih dimakan".

Nota 2

MAFHUM SABDAAN NABI SAW

Daripada Nu'man bin Basyir bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Perumpamaan orang-orang Mukmin itu dalam kasih-mengasihinya, sayang-menyayanginya dan santun-menyantuninya bagai satu tubuh, yang apabila menderita satu anggota daripada tubuh itu, ikut menderita pula keseluruhan tubuh itu dengan tidak dapat tidur dan demam."

(Riwayat Muslim)

Nabi SAW juga bersabda:

Maksudnya: "Seorang mukmin bagi mukmin lainnya laksana bangunan, satu sama lain saling menguatkan." (Muttafaq 'Ala hi)

Nota 3

TITAH PERINTAH ALLAH SWT DALAM AL-QURAN

Allah SWT berfirman:

Maksudnya: "Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai-berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika dahulu (masa Jahillyah) bermusuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu kerana nikmat Allah orang-orang yang bersaudara."

(Surah Ali Imran, ayat 103)

Allah SWT juga berfirman,

Maksudnya: "Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan."

(Surah Al-Maidah: 2)

Ketiga-tiga nota di atas adalah asas kepada perbincangan bagi keseluruhan tajuk semangat kebersamaan. Meskipun pelbagai definisi diberikan atas nilai sejagat kenegerian "Kelantan" oleh kebanyakan kajian sarjana, tetapi asasnya yang murni iaitu mengikut perintah Allah SWT dan Rasul SAW, "set kito jange ppecoh" akan ditulis mengikut rentak latarnya yang ikonik dan pesona tersendiri.

Sudut pandangan tajuk ini diperincikan mengikut semangat kebersamaan dan saling menolong sesama orang Kelantan yang mana dua konteks inilah yang sewajarnya diputih dan dijauhkan daripada konotasi negatif taksu kenegerian.

Lantaran ia lebih mendekati sifat ketakwaan berlandaskan pertimbangan neraca agama jika asasnya adalah nilai sejagat - kebersamaan dan tolong-menolong. Lebih agresif dengan slogan *Stand Together*, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh dan secara tuntasnya masyarakat mengerti kerjasama adalah asas kekuatan agama dan demi kebaikan.

"Set kito jange ppecoh"

Frasa ini merujuk nilai kebersamaan. Nilai yang disokong oleh firman Allah SWT sebagaimana Nota 3. Postifnya nilai ini menunjukkan orang Kelantan mempunyai hati nurani yang lembut, mudah mengasih dan mahu dikasih.

Perkataan "orang kita" yang disebut sebagai "set kito" dalam dialek Kelantan sememangnya merujuk orang Kelantan secara umum tetapi jika diamati secara hakikat, ia hanyalah merujuk bagaimana orang Kelantan berbahasa menyantuni orang sekeliling. Dengan kata lain, "set kito" itu merujuk entiti yang bersahabat dalam lingkaran yang akrab. Ia adalah kiasan kepada panggilan spesifik mengikut kenegerian tetapi bermaksud semua sebagai penguat.

Nun di sana pastinya ada yang menyebut "set kito" ini merujuk bangsa Kelantan. Hassan Harun, seorang penulis, orang korporat dan juga ahli politik pernah menulis berkenaan orang Kelantan sebagai bangsa yang penuh pertentangan:

“Orang Kelantan terlalu ke-daerahan; kalau terdapat 3 orang keturunan India mereka akan tubuh kesatuan sekerja; orang Kelantan pula akan tubuh perkampungan Kelantan; mereka berpuak-puak dan berklik; jumpa sahaja sesama mereka terus bercakap Kelantan, bahasa mereka; mereka tidak boleh ditinggalkan, budu, kicap mereka. Mereka warak tetapi samseng, atau samseng tetapi warak; mereka tidak menjadi juara tiawah al-Quran tetapi mereka juga penyanyi pop dan dangdut yang cemerlang. Wanita Kelantan sungguh menawan dan profesional, mereka serba boleh, mereka doktor, profesor, orang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, guru, usahawan, ratu dan GRO. Orang Kelantan dominan di kampus-kampus dan tidak kurang ramal di Lorong Hj. Taib. Mereka cemerlang; yang paling ramai berhijrah; paling ramai mengganggu; negeri termiskin; antara tertinggi insiden perceraian dan penghidap HIV; mereka memimpin dunia korporat Melayu, mereka menerajui agensi utama kerajaan dan swasta. Mereka cukup pandal, sama ada dalam pelajaran atau pun perniagaan.”

(Kelantan: Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan. 1999)

Jika konotasi ini diambil sebagai memperincikan slogan "set kito jange ppecoh" pastinya pertentangan yang dimunculkan akan menutup ruang percambahan. Asosiasi tersirat ungkapan Hassan Harun jika difahami secara selapis tentunya mempunyai versi berbeza dan terlalu luas sehingga boleh disalah ertikan.




Foto Google




Foto Google

Hassan Harun menyimpan lebih 30,000 buah buku yang dijadikan galeri di rumahnya.

Namun sekiranya kita mahir membaca lapis makna secara tersirat, kalam ungkapan ini boleh ditafsirkan secara berhikmah dengan menemui titik istimewa orang Kelantan yang mempesonakan. Identiti dan sosok figura orang Kelantan yang unik tanpa menolak sifat naluri lembut dan baik pekerti serta mudah mengasih orang sekeliling berformulakan sifir mudah - buat baik dibalas baik. Sifat ini menjadikan sesiapa sahaja yang berbudi kepada orang Kelantan terus dianggap sebagai kawan merentasi perkaitan bangsa dan negeri.

Cuma barangkali yang menjadi sedikit ralat pada pandangan ramai adalah kepekatan pelat dialek Kelantan. Walau dimana berada, perkara yang tidak dapat ditinggalkan adalah loghat Kelantan. Sekalipun boleh menghormati bahasa lain dalam perbualan tetapi orang Kelantan Istiqamah dan tetap bangga berbahasa menggunakan loghat Ibundanya.

Dalam hal ini, Islam tidak melarang sama sekali sesiapa pun menggunakan bahasa/loghat masing-masing. Buktinya, penggunaan tujuh cara bacaan al-Quran yang dipanggil ilmu Qiraat adalah sandaran bagaimana Islam mengiktiraf bahasa yang pelbagai. Walau bagaimanapun perbezaan loghat ini tidaklah boleh dijadikan asas kepada sikap perkauman.

Perkataan "jange ppecoh" dalam bahasa Kelantan difahami sebagai seruan agar masyarakat bersatu hati menjulang semangat kebersamaan dan bersatu-padu dalam setiap tindakan. Diksi ini jelas bertentangan dengan dogma penjajah ke atas Tanah Melayu iaitu "pecah dan perintah".

Perpecahan adalah isu besar peruntuh kesatuan sebagaimana kisah tiga ekor lembu yang mendasari peribahasa Arab pada Nota 1, "Sesungguhnya aku telah dimakan pada hari aku membiarkan lembu putih dimakan oleh singa".

Manakala hadis Nabi SAW pada Nota 2 memberikan garis panduan nilai kasih sayang dan saling membantu selaku asas penyatuan ummah. Ia memberikan signifikansi bahawa secara menyeluruh umat Islam perlu bersatu padu. Justeru istilah keluarga kecil "orang kita" hanyalah suatu permainan kata yang seharusnya diperbetulkan pemahamannya kerana jika tersalah tafsirannya dengan hakikat sebenar, maksud rangkaian kata "set kito jange ppecoh" itu menjadi tusukan jarum ketaksabaran sesama puak sama negeri walhal ia adalah manifestasi dialek Kelantan secara *majaz* dan *kinayah* sebagai pentaukid hujah kesungguhan seruan bersatu.

Allah SWT mewajibkan kesatuan dan tolong-menolong berteraskan iman dan takwa serta berasaskan "amar maaruf nahl mungkar" sebagaimana dalli dalam Nota 3. Hujahan mutlak ini menjadi seruan wajib dan diganjari pahala dengan maksud jika perkara sebaliknya dilakukan, maka jatuh hukum haram dan berdosa.

Kesimpulannya, semangat kebersamaan: "set kito jange ppecoh" adalah nilai murni masyarakat Kelantan yang terbit daripada sanubari bersifat rahmah, semangat setiakawan dan berasaskan rasa persaudaraan yang kental, maka sebolehnya ia di sejangatkan kepada "Isle kito jange ppecoh." ■



Menteri Besar Kelantan dengan kerjasama pihak penyelamat (bomba, pihak kebajikan dan sebagainya) turun melihat kesan banjir serta melawat mangsa banjir secara bersama.



Sultan Kelantan turut berjemaah menunaikan solat fardhu bersama rakyat.



Majlis Berkhatan - Menteri Besar Kelantan turut bersama memberi dorongan.



Majlis Tahnik Bayi - memohon kerahmatan bersama.



Medan Ilmu - tempat untuk menimba ilmu bersama pemimpin pada setiap pagi Jumaat.



Sambutan Tahun Baharu Cina - bersama meraikan kepelbagaian kaum.



Oleh: Nik Fauziah Nik Daud

Akhlak Pemimpin Ikutan Rakyat Condong ditongkatkan, rebah ditegakkan

Apabila disebut pemimpin, maka pasti kita menginginkan susuk tubuh yang penuh wibawa, berketerampilan serta layak menjadi suri teladan, apatah lagi dalam memimpin rakyat sesebuah negeri atau negara.

Teringat kata-kata seorang sahabat, kalau mahu jadi pemimpin, bukan sahaja mesti baik tetapi mesti kelihatan baik. Maka ternyata yang disebut baik itu sebenarnya bersinonim dengan akhlak yang terpuji. Tentulah kekok jika seseorang itu dikatakan baik tetapi banyak pula tuduhan dan sangkaan yang terpalit; indah khabar daripada rupa, ibarat menumbuk padi hampa.

Kelantan; Tanah Serendah Sekebun Bunga dan mendapat julukan Serambi Mekah, sememangnya sebuah negeri yang unik. Rakyatnya celik politik dan sangat berani serta bersedia membuat perubahan. Jika negeri-negeri lain baharu berani bertindak menukar kerajaan setelah 63 tahun merdeka, ternyata rakyat Kelantan mendahuluinya, hampir 30 tahun lebih awal menjadi juara.

Imej bersih dan berintegriti

PAS (Parti Islam Se-Malaysia) yang dianggap sebagai sebuah parti pembangkang ekstrim, mula mengorak langkah sebagai parti pemerintah di bumi Kelantan pada tahun 1990 apabila Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat atau lebih mesra dengan panggilan Tok Guru, secara rasminya dilantik sebagai Menteri Besar (MB).

Dengan slogan Membangun Bersama Islam, Allahyarham Tok Guru sangat menitik beratkan agar saf kepimpinan yang akan menerajui pemerintahan negeri berimej bersih dan berintegriti. Ini bersesuaian dengan konsep bahawa umara itu ulama dan ulama itu umara.

Sebaik sahaja menerajui kerajaan, Tok Guru mula memberi penekanan kepada aspek pembangunan insan. Tok Guru selaku ketua kerajaan, bertindak mengadakan majlis ilmu dalam kalangan saf kepimpinan.

Bukan suatu perkara asing, seawal pagi sebelum waktu kerja bermula, kedengaran tazkirah berlangsung di Kota Darulnaim. Bersilih ganti, setiap pemimpin "diwajibkan" untuk mengambil bahagian, berkongsi peringatannya.

Budaya menadah ilmu

Sebenarnya budaya menuntut ilmu ini bukanlah perkara baharu di negeri Kelantan. Sebagai bukti, pondok pengajian pertama di Kelantan telah ditubuhkan pada tahun 1820 oleh Tuan Guru Haji Abdul Samad bin Abdullah di Pulau Chondong.

Kini, Pondok Lubok Tapah, Pondok Pasir Tumbuh, Pondok Pasir Durian, (sekadar menyebut beberapa nama) menjadi tempat tumpuan bagi mereka menadah ilmu. Jauh dan dekat datang menadah kitab untuk panduan hidup di dunia dan bekalan menuju ke akhirat.

Golongan ulama mendapat sanjungan bukan sahaja kerana ketinggian ilmu, malah juga keluhuran akhlak mereka. Nama-nama gah seperti Tok Kenali, Tok Selehong, Haji Yaakub Lorong Gajah Mati, Haji Abdul Malek Sungai Pinang meniti di bibir masyarakat.

Tertegaknya kerajaan PAS di bumi Kelantan semakin bersemarak aktiviti menuntut ilmu. Hari Jumaat diisytihar sebagai hari ilmu. Kuliah pengajian berkumandang di masjid dan balaisah di segenap ceruk negeri.

Kuliah Jumaat di Medan Ilmu ditunggu-tunggu saban minggu. Penuh padat rakyat jauh dan dekat. Malah orang dari luar juga tidak ketinggalan. Sama-sama bentang tikar dan surat khabar di atas jalan. Kalau dahulu golongan tua sahaja yang rajin mencari ilmu menadah kitab, kini golongan muda juga turut terlibat.

Semasa hayat Tok Guru hinggalah kini, kesinambungan menuntut ilmu terus menjadi tradisi. Apatah lagi yang berkongsi ilmu itu antaranya saf pimpinan negeri. Jika di negeri lain susah melihat pemimpin naik ke mimbar berkhotbah dan beri tazkirah, namun di negeri Cik Siti Wan Kembang, pemimpin negerilah para *asatizah*.

Penerus legasi

Ustaz Dato' Bentara Kanan, Dato' Haji Ahmad Yakob, Menteri Besar Kelantan juga bertindak meneruskan legasi Allahyarham Tok Guru dalam memartabatkan ilmu. Sejak awal menerajui kerajaan, beliau mengumumkan program Diploma Tasawur Islam kepada pegawai kerajaan bagi mencapai hasrat tersebut.

Pengajian dan aktiviti di pondok-pondok turut diberi sokongan padu bagi melahirkan para ulama yang berstatus umara. Malah beliau sendiri mempunyai jadual rasmi mengajar di masjid-masjid termasuklah menyampaikan kuliah di Medan Ilmu, Kota Bharu.

Hubungan ulama/umara dengan rakyat memang satu perkara yang menjadi tradisi dan kelainan dalam kalangan rakyat Kelantan. Bahkan kalau boleh dalam setiap aktiviti sosial dan kemasyarakatan, penglibatan Yang Berhormat (YB) amat dititikberatkan.

Kenduri kahwin pasti lebih meriah jika YB datang meraikan. Malah dahulu, ramai yang mengharapkan pernikahan mereka diadakan oleh Tok Guru. Besar hati, andai tokoh ulama dan umara dapat mendoakan keberkatan perjalanan sebuah perkahwinan.

Begitu juga apabila zuriat dilahirkan. Tahnik bayi amat bermakna jika dilakukan oleh para ustaz yang juga YB pimpinan. Moga anak akan membesar petah berbi-cara, soleh dan solehah penuh ilmu agama di dada dan dihiasi pula dengan akhlak mulia.



Para YB turut meluangkan masa untuk mentahnik bayi baharu lahir apabila diperlukan.



Sesekali YB meluangkan masa bersembang santai bersama rakyat di kedai kopi.



Pemimpin bukan sekadar memimpin, malah boleh menyampaikan kuliah agama.



Kenduri kahwin lebih meriah dengan kehadiran para pemimpin negeri.

Pemimpin dikasihilah lebih dekat di hati; apabila yang sakit diziarahi, yang ditimpa musibah diambil peduli. Lebih terasa akrab apabila sesekali YB sudi bersembang santai berinformasi di kedai kopi. Bukan buang masa tetapi cakna dengan situasi semasa.

Pesanan Allahyarham Tok Guru, pilih pemimpin bukan sahaja yang boleh uruskan hidup kita di dunia, tapi biarlah sakit mati kita juga dapat didoakannya. Pemimpin "Jjughuh" (berakhlak) bukan hanya beri kemewahan dunia tapi membawa rakyat kenal Penciptanya.

Adat hidup bermasyarakat, sakit pening mati relai saling ambil berat. Apatah lagi pemimpin yang diangkat oleh rakyat, dapat pula menjadi imam solat. Berkongsi kesedihan keluarga yang ditinggalkan, beri ucap takziah dan kata-kata perangsang.

Sedia berkhidmat kepada rakyat

Menjadi wakil rakyat, bermakna berkerja untuk rakyat. Sedia berkhidmat apabila rakyat berhajat. Turun padang bukan hanya apabila pilihan raya bakal menjelang.

Hubungan pemimpin dengan rakyat amatlah erat apatah lagi pemimpin sering ke masjid atau surau saban minggu berkuliah agama. Pertemuan dalam majlis ilmu ini turut dimanfaatkan sebagai tempat bertemu mata dengan rakyat untuk mendengar permasalahan mereka.

Rakyat pasti selesa kerana YB mereka mudah didekati tanpa sebarang janji temu dan "red tape" yang kadang kala menyakitkan hati. Tidaklah timbul isu YB tenggelam timbul, ketika pilihan raya barulah muncul.

Adat orang kampung hidupnya sederhana makan pakaiannya, bertemu orang bergelar adakala terbit juga rasa silunya. Namun jika pemimpin dilihat berimej santai, sudah pasti terasa dekatnya. Bagi rakyat Kelantan, semenjak tahun 1990, mereka sudah biasa melihat Menteri Besar (MB) yang berimej tawaduk; berkopi, berjubah atau berpelekat, lebih senang dan selesa untuk didekati.

Dahulu, sesiapa pertama kali pergi ke rumah MB Kelantan di Pulau Melaka pasti terkejut melihat seorang tua, berpelekat, berjubah Pagoda menyambut kedatangan. Menghidangkan sendiri secawan teh dan sepiring bahu untuk tetamu.

Begitu juga dengan MB sekarang. Satu ketika tular gambar beliau di media sosial, berbasikal. Sekali imbas ia sekadar menunjukkan seorang yang berusia lengkap berpakaian Melayu dan kain pelekat, berkopi ah putih dan berbasikal di perkarangan masjid. Namun ramai terkejut (khususnya masyarakat luar Kelantan) kerana individu tersebut ialah Menteri Besar Kelantan.

Bahkan Mufti Perlis, Datuk Dr. Mohd. Asri Zainal Abidin, turut berkomentar melalui facebooknya. "Saya



Basikal hijau inilah yang selalu dikayuh oleh Ustaz Mad untuk ke masjid.



Allahyarham Tok Guru berimej santai ketika menyambut kedatangan tetamu walaupun bergelar Menteri Besar Kelantan.

suka melihat gambar MB Kelantan ini. Ia mempunyai banyak mesej yang menarik untuk ditafsirkan. Secara umumnya ia memberikan gambaran kesederhanaan cara hidup seorang pemimpin yang masih lagi ke masjid bersolat jemaah dengan "basikal orang kampung". Gambar seperti ini lebih diminati rakyat daripada gambar para pemimpin atau para isteri pemimpin yang menunjuk-nunjuk kemewahan kepada rakyat," tulisnya.

Personaliti terpuji

Mungkin rakyat Kelantan biasa melihat gelagatnya setiap hari. "Ustaz Mad" yang memang merendah diri dan mudah didekati. Personaliti bukan dibuat-buat tetapi sehati dengan diri dek akhlak terpuji.

Sememangnya sekarang sukar dicari peribadi umpama Khalifah Umar Abdul Aziz, walaupun bukan seperti khulafa' ar-Rasyidin. Namun kita masih punya dua perkara peninggalan Rasulullah SAW iaitu al-Quran dan as-sunnah. Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud: "Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah".

Maka sewajarnya, garis panduan dalam al-Quran menjadi pedoman bagi kita memilih pemimpin. ■

DIALEK KELANTAN REFLEKSI JATI DIRI ORANG KELANTAN

Oleh: Chu E Liang

Menurut Kamus Dewan, dialek bermaksud satu bentuk bahasa yang digunakan dalam satu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial berbeza daripada "bahasa standard". Dialek juga dikenali sebagai loghat atau pelak daerah. Kebiasaannya ia menjadi bahasa percakapan yang digunakan hanya di daerah tertentu oleh kumpulan tertentu sesama mereka.

Kumpulan ini kebiasaannya kumpulan minoriti. Hanya kumpulan mereka yang boleh memahami dan berkomunikasi sesama mereka. Ini bermakna dialek Kelantan juga menerima kesan yang sama iaitu kebanyakan hanya orang Kelantan yang dapat memahami dan berkomunikasi sesama mereka.

Indahnya dialek Kelantan kerana boleh dikatakan bagi mereka yang mendiami di bumi Kelantan secara tidak langsung dapat memahami dan menggunakan dialek Kelantan sebagai bahasa komunikasi.

Mengikut UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization), daripada 6,000 bahasa yang wujud di dunia kini, diramalkan dalam masa 100 tahun nanti hanya tinggal kira-kira 3,000 bahasa yang akan bertahan dan diperuturkan di dunia jika langkah-langkah berkesan tidak diambil. Di Eropah sahaja sudah puluhan bahasa minoriti pupus sejak 300 tahun dahulu.

Di Malaysia juga terdapat beberapa bahasa yang telah pupus seperti bahasa Kenaboi yang dahulunya diperuturkan oleh orang Asli di Negeri Sembilan dan bahasa Seru di Sarawak.

Namun dialek Kelantan perlu juga diambil perhatian dan sangat dibimbangi jika suatu hari nanti mengalami detik yang sama. Kehilangan bahasa akan menyebabkan manusia bukan sahaja hilang budaya yang amat berharga tetapi juga pengetahuan nenek moyang yang diwarisi sejak turun-temurun.

Oleh itu, dialek perlu dijaga dan dipelihara kerana ia boleh berkembang berdasarkan jumlah penutur. Jika

jumlah penutur ramai, dialek akan berkembang dari daerah ke daerah lain bahkan merakyat ke negeri lain pula. Juga tertakluk kepada suasana perpindahan kumpulan masyarakat dan keberanian masyarakat untuk terus menggunakan bahasa dialek sebagai bahasa percakapan.

Kesantunan dialek Kelantan

Melalui pertuturan, dialek Kelantan kedengaran lunak dari segi sebutan dan manis daripada aspek maknanya. Misalnya panggilan "mek" dan "awe" sebagai ganti nama perempuan dan lelaki yang menambah nilai kemesraan.

Ada juga perkataan yang agak kasar didengar seperti "puak" (sekumpulan) – puak Cina, puak Siam. Hakikat sebenar perkataan sedemikian apabila diguna pakai dalam konteks pembinaan ayat dalam pengucapan dialek Kelantan tidaklah terlalu kasar bagi yang memahami maksud penyampaiannya.

Pemilihan suku kata berpola, rima dan vokal menjadikan dialek Kelantan memiliki kesantunan tersendiri yang mampu membuatkan seseorang terpengaruh untuk menggunakannya sebagai pertuturan dalam seharian mereka. Penggunaan pola rima akhir vokal "o" dan "e" banyak terdapat dalam dialek Kelantan. Begitu juga penegasan dalam penghubung perkataan seperti:

- i) Manih letting: menggambarkan terlalu manis.
- ii) Hita lepa: menggambarkan terlalu hitam.
- iii) Pahit lepa: menggambarkan terlalu pahit.

Dialek Kelantan sebagai medium perpeduan

Tanpa mengira bangsa, rakyat Kelantan boleh menguasai dialek Kelantan sepenuhnya dan ia telah menjadi bahasa komunikasi sejak dahulu kala. Cina Peranakan Kelantan atau Cina Kampung, India Kelantan dan Siam mampu menguasai dialek Kelantan dengan baik.

Bahkan dalam percakapan Cina Peranakan Kelantan atau Cina Kampung biasanya dicampur aduk bahasa (bahasa Hokkien, Siam dan dialek Kelantan) misalnya "clak pul kat samba becing khinok" bermaksud makan nasi dengan sambal cili padi. Dalam ayat tersebut sudah ada tiga bahasa yang digabung menjadi satu ayat.

Penggunaan dialek Kelantan secara meluas terutamanya dalam kalangan penduduk Kelantan telah menimbulkan semangat "kekitaan" yang berpunca daripada keadaan yang mana orang Kelantan bertemu di mana-mana tempat pun mereka terus menggunakan dialek Kelantan sebagai bahasa perantaraan atau bahasa komunikasi yang cepat mesra sesama sekampung, bersembang di kedai kopi dan menghadiri kenduri tanpa prejudis.

Sekiranya orang Kelantan berkahwin dengan bukan orang Kelantan dan mereka pula tinggal di luar Kelantan, maka penggunaan dialek Kelantan akan terbatas. Biasanya mereka akan berkomunikasi sesama mereka mengikut daerah tempat mereka tinggal atau lebih kepada bahasa persuratan. Terdapat sesetengah anak Kelantan tidak lagi boleh menguasai dialek Kelantan dengan baik jika balik ke Kelantan.

Keadaan ini jelas dialek Kelantan akan dapat mengelak daripada ancaman dan tekanan dari luar. Seperti penjajahan melalui ekonomi, agama, budaya dan bahasa ilmu itu sendiri. Namun faktor dalaman seperti sikap masyarakat yang negatif dan memandang remeh terhadap dialek sendiri menyebabkan berlakunya hakisan cara hidup tradisional turun-temurun yang mereka wartsl.

Medlum di pentas

Istimewanya dialek Kelantan, bukan hanya dijadikan bahasa perhubungan tetapi dapat diangkat ke pentas melalui persembahan dikir barat, wayang kulit dan mak yong.

"Tok jogho" (juara) dan tukang karut menggunakan dialek Kelantan dalam persembahan mampu memberi kesan menarik dan serasi dengan pemahaman masyarakat. Demikian juga dalam persembahan wayang kulit, semua watak menggunakan dialek Kelantan. Tok Dalang Cina Peranakan, Eyo Hock Seng dan Kang Bun Ann fasih "kkecek Kelate" dalam setiap persembahan mereka.



Eyo Hock Seng lebih dikenali dengan panggilan Tok Chu Tok Dalang Cina Peranakan fasih "kkecek Kelate" setiap kali membuat persembahan wayang kulit.

Sumber foto: Google

Persembahan mak yong yang diiktiraf oleh UNESCO sebagai persembahan "warisan dunia" pun kekal menggunakan dialek Kelantan sebagai bahasa penguapan dan persembahan di pentas. Sekali gus, memartabatkan dialek Kelantan di pentas dunia.

Dalam bidang kesusasteran, dialek Kelantan juga dapat berkembang terutamanya dalam genre sajak, pantun, syair, mentera dan lain-lain. Penyumbang sajak dalam dialek Kelantan ialah Dato' A. Aziz Deraman, Dr. Lim Swee Tin dan Awang Abdullah (sekadar menyebut beberapa nama). Berikut dipaparkan contoh sajak berdialek Kelantan:

HOK SENGOTI

Kerya Lim Swee Tin

**Laarang tok srupo dengan suroh
Hok come bakpo duk ppakat kato udoh
Saye soh doh laeng dengan becl
Jerok mamen tok srupo dengan jerok celagi.**

**Takot ado keno mengeno dengan ketha gega
Serupo dagho ado ssabit dengan lapa
Ngigha sebenarnya ado sabit dengan kemama
Selok tak dok bezzo dengan tok kaba.**

**Sapo kato buloh tu galoh
Sapo kato ttekeng tu tok berkekeh
Naka laen siklt dengan jahat
Dawa pun oghe duk pangge khawak.**

**Kalu tunggo tok srupo tughuh paga
Sengotilah tolo tok srupo dengan panda
Lagu mano ggadoh, belah tu jugok lah loghat
Toksohlah wak loloq tok kena
hok mano ddakak hok mano kkhabak.**

**Demey tok keboh bezzo dengan leloh
Senyung semeweh tok serupo dengan sengeh
Bbaling tu laen dengan kipah anging
Bereng abe siklt jah pado kerah keng.**

**Kito tok leh wak tok tetu kalu
Oghe serabuk nggeleh kito tok tahu
Kito dok ghallt berembah bbadi cah keting
Oghe laen gi seghuh-seghah,
kito dok ppakat gheboh teguling.**

**Ulak kekek jangen wl ttuka
dengan ulak belecah
Jale bejeket jangen kato srupo
dengan hungga derah
Kalu kkarak boleh lagi kito tterl
Hok gelonggong lagu mano ppakat kato
tokieh nok isi?**

**Payoh sengoti nok bekecek nok bekklo
Cuiah lagu lain tok srupo dengan celiko
Payoh jugok nak bezzo
mano lakonen mano sandiwaro
Hok sengotinyo,
manh lleting tu belung tetu Ibu gulo!**

Nota: Perbezaan sebutan bergantung kepada daerah.

Sumber foto: malampulsigaza.usim.edu.my



Dr. Lim Swee Tin begitu menjiwai ketika mendekdamasikan sajak.

Perlu dituturkan-tuturkan

Dialek Kelantan yang lunak dan unik ini wajib dituturkan dan dituturkan agar merakyat ke seluruh Malaysia dan peringkat antarabangsa agar berkembang maju dan tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas, jauh sekali pupus. Penutur dialek Kelantan mestilah taat setia dan sanggup mengembangkan dialeknnya. Jika asyik memuja dengan mengamalkan bahasa asing, maka suatu hari nanti kosa kata dan istilah tertentu akan lenyap.

Pengaruh media sosial amat dikhuatiri memberi kesan negatif terhadap penggunaan dialek. Jika perhubungan sesama ahli keluarga atau sahabat-handai mungkin mereka masih dapat menggunakan dialek. Tetapi jika hendak berhubung dengan orang berbangsa lain, mereka tidak lagi menggunakan dialek sebagai bahasa komunikasi. Oleh itu kewibawaan sesuatu dialek terletak pada sikap penutur di samping dukungan kerajaan. Kalimat yang dipilih dan disusun indah menghadihkan kebahagiaan kepada penerima bicara.

Memartabat dan memperkukuhkan serta menyemarakkan penggunaan dialek adalah tanggungjawab dan harus diperjuangkan bersama. Iklan dan kempen-kempen di media elektronik dan cetak disarankan menggunakan dialek tempatan dan hal ini perlu didukung oleh pihak yang bertanggungjawab. Bukan sahaja dialek Kelantan ini menjadi pertuturan golongan petani, nelayan dan buruh sebaliknya diwakili juga oleh golongan cerdik pandai.

Memperbanyakkan istilah-istilah dialek diangkat menjadi bahasa ilmu sangat memberi dan mendukung kemajuan bahasa perdana. Sebenarnya banyak istilah dialek Kelantan yang dapat diangkat tetapi ia harus dilihat dan diusahakan secara bersungguh-sungguh oleh para cendekiawan bahasa terutamanya warga Kelantan yang mencintai bahasa.

Tanpa usaha bersungguh-sungguh untuk menerbitkan pengistilahan dan perkamusan bahasa dialek kepada bahasa ilmu, dikhuatiri dialek Kelantan akan menjadi kaku, ketinggalan zaman, tidak dinamik, semakin berkurangan jumlah penutur lalu akhirnya akan berkubur.

Di dalam sesuatu majlis keramaian misalnya bahasa dialek perlu diutamakan. Dialek Kelantan kini masih boleh dibanggakan dengan semangat perpaduan antara kaum yang termateri sejak berzaman masih dapat dipertahankan. Melayu Kelantan, Cina dan India Peranakan dan Siam boleh bertutur dalam Dialek Kelantan yang sama. Boleh berkomunikasi dengan baik dan saling memahami serta bertoleransi.

Keberkesanan dialek Kelantan juga terletak pada sejauh mana ia digunakan dalam bidang yang berpengaruh contohnya serapan ke dalam bahasa ilmu kerana ia berfungsi sebagai alat komunikasi utama dalam masyarakat berbilang bahasa lantaran tingkat komunikatif dialek itu sendiri maka penggunaannya sebagai bahasa perantara dalam bidang ekonomi, sosiobudaya, pelancongan dan dapat membentuk satu komuniti yang bersatu-padu. Contohnya diksi "jju-guhuh" (berbudi pekerti) dan "cemok" (anggaran).

Teguhnya sesuatu dialek bukanlah terletak pada penggunaan bahasa itu sahaja, tetapi terletak pada bagaimana pemikiran, karya dan hasil nukilan yang ditulis, dibukukan dan diterbitkan. Misalnya melalui lirik lagu dikir barat, skrip cerita wayang kulit, bidang kesusasteraan (teks sajak, pantun, syair, mantera dan lain-lain). Melalui cara ini, dialek Kelantan kekal malar segar dituturkan dan dapat ditatap oleh generasi akan datang. 📖

Begitu ramai anak Kelantan di perantauan mencari rezeki. Mereka mampu memartabatkan dan menyebarkan penggunaan dialek Kelantan.



Kreativiti rakyat Kelantan memanfaatkan cuti Cipta bahagia cara tersendiri

Oleh: Dr. Wan Adi Yusoff Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Cuti kelepasan am atau cuti umum adalah saat yang ditunggu-tunggu oleh masyarakat kita kerana terdapat pelbagai aktiviti sihat telah dirancang bersama keluarga, sahabat mahupun saudara-mara. Sejak sekian lama, pelbagai jenis cuti kelepasan am yang disambut saban tahun oleh rakyat Malaysia. Ada cuti yang disambut seluruh negara, ada juga cuti kelepasan am bagi negeri-negeri tertentu sahaja.

Di negeri Kelantan antara cuti umumnya termasuklah cuti sempena Tahun Baharu Cina, Hari Pekerja, Hari Wesak, Nuzul al-Quran, Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Hari Kebangsaan, Awal Muharam, Hari Keputeraan Yang DiPertuan Agong, Cuti Deepavali, Maulidur Rasul, Hari Keputeraan Al-Sultan Kelantan dan Hari Krismas. Itu belum termasuk cuti hujung minggu dan cuti sekolah.

Persoalannya bagaimana rakyat Kelantan mengisi cuti agar masa yang terluang dapat dimanfaatkan untuk diri dan keluarga? Mari kita terokai pelbagai bentuk pengisian cuti yang dilakukan oleh rakyat Kelantan dengan cara yang unik dan tersendiri.

Cipta bahagia

Kelantan tiada pusat hiburan tetapi rakyatnya tetap kreatif mencipta bahagia tersendiri dengan pelbagai alternatif untuk berhibur bersama keluarga pada hari cuti kelepasan am dan hujung minggu.

Apakah perbezaan budaya masyarakat Kelantan dengan negeri-negeri lain di Malaysia? Sebut sahaja negeri Kelantan jelas negeri ini tiada pusat-pusat hiburan, panggung wayang, pusat karaoke dan kelab-kelab malam.

Namun terdapat pelbagai cara masyarakat negeri ini memanfaatkan cuti umum kerana peluang sebegitu amatlah dinanti-nantikan bagi keluarga yang merancang mengadakan kenduri kahwin atau "bekwoh". Kesempatan cuti umum membolehkan saudara jauh dan dekat datang ke majlis perkahwinan bagi memeriehkan majlis perkahwinan yang diadakan.

Sudah menjadi fenomena sejak kebelakangan ini, apabila cuti umum hampir tiba banyak undangan perkahwinan dikirim sama ada melalui kad undangan bercetak, aplikasi whatsapp atau paparan kad elektronik di laman media sosial.

Namun biasanya majlis kenduri ini akan jatuh pada cuti kelepasan am. Maka meriahlah jalan raya dengan

kesesakan bukan sahaja kerana orang balik kampung untuk beraya, ditambah pula dengan "oghe belaghok" (orang berarak mengiringi mempelai ke rumah pengantin). Namun itulah istimewanya negeri Kelantan!



Bagaiakan pesta di tepi jalan apabila adanya "oghe belaghok".

Jumaat hari ilmu

Polisi kerajaan negeri telah menetapkan Jumaat laltu penghulu segala hari sebagai hari menuntut ilmu, manakala Sabtu merupakan hari untuk bersama keluarga. Jelas di sini, tentu sekali berbeza dengan cuti hujung minggu bagi negeri lain yang jatuh pada hari Sabtu dan Ahad.

Bermula selepas solat maghrib, surau dan masjid akan dipenuhi dengan aktiviti keagamaan seperti bacaan surah al-kahfi atau yasin, kullah agama dan solat isyak secara berjemaah. Selepas itu, biasanya ada jemputan tahlil dan kenduri arwah yang dihadiri oleh para jemaah setempat.

Suasana sebegini amat unik dan telah sebatu dalam masyarakat Melayu Kelantan sejak zaman-berzaman. Begitu juga dengan hari Jumaat kebiasaannya sempena hari yang berkat penghulu segala hari ada sahaja majlis akikah, majlis tahnik dan marhaban dilaksanakan oleh masyarakat Kelantan yang dihadiri oleh saudara-mara serta jiran tetangga.

Suasana dingin yang mendamaikan bersama seruan azan subuh dan alunan surah sajadah berkumandang di bumi Kelantan. Selesai solat subuh berserta Sujud Tilawah diikuti pula dengan tazkirah sekitar setengah jam.

Kemudian bertebaranlah penduduk mencari rezeki. Para peniaga dan pemborong mula sibuk memasang kanopi perniagaan di tapak pasar tani, pasar minggu dan tidak kurang hal yang sama berlaku di Medan Ilmu, Kota Bharu. Di sini para pimpinan ulama akan menyampaikan kuliah mingguan lalu menarik minat ketua keluarga datang bersama anak dan isteri memenuhi perkarangan Medan Ilmu.

Apa yang menarik selain dapat mendengar ceramah agama, orang ramai juga dapat membeli-belah barangan makanan, ubat-ubatan dan pakalan. Suasannya sungguh meriah, seolah-olah pengunjungnya mendapat satu aura "Negeri Serambi Mekah".



Kuliah agama disampaikan oleh salah seorang pemimpin negeri di Medan Ilmu.



Suasana pagi Jumaat di Medan Ilmu.



Orang ramai memenuhi ruang Medan Ilmu bagi mengikuti ceramah agama.

Melalui pengalaman penulis, suasana unik sebegini tidak dapat dirasai di tempat-tempat lain di negara kita. Penulis juga ternampak kaum bukan Islam yang terdiri daripada kaum Siam dan Tionghua atau dalam bahasa Kelantan dipanggil "Cina kampung" turut sama mendengar kuliah. Mereka mengambil nilai-nilai murni daripada ajaran Islam untuk sama-sama diamalkan supaya masyarakat dapat hidup dengan aman dan harmoni.

Fenomena di pangkalan udara

Fenomena unik dan jarang kita saksikan di negeri lain iaitu deretan kereta berhenti di tepi pagar Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa. Segelintir rakyat Kelantan menjadikan LTSIP sebagai pesta libur bagi mengisi cuti mereka dengan keseronokan melihat pesawat yang terbang dan mendarat di landasan.

Menurut statistik yang dikeluarkan pada tahun 2019, terdapat 70 hingga 80 penerbangan masuk/keluar setiap hari berpadanan dengan jumlah kemasukan pelancong ke negeri Kelantan sebanyak 3.45 juta orang (sehingga Oktober 2019). Jumlah tersebut merangkumi 3,139,342 orang pelancong tempatan dan 305,048 pelancong antarabangsa. Menurut Pengurus LTSIP, Ahmad Fikri Samsudin, jumlah penerbangan telah meningkat sebanyak 6% pada tahun 2019 berbanding tahun 2018.

Bukan itu sahaja, terdapat pelbagai jenis pesawat yang dapat disaksikan termasuk model Cessna, Foker, BoeIng, Airbus, helikopter serta pesawat-pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Lebih mengujakan rakyat Kelantan bersempena Tahun Melawat Kelantan 2020, pada 21 Januari 2020 pesawat Airbus AirAsia bereka corak (livery) Kelantan Di Hati telah membuat penerbangan pertama ke Ho Chi Minh, Vietnam dan 48 negara Asia serta telah mendarat di LTSIP pada Februari 2020.

AirAsia akan membawa nama Kelantan dengan menggunakan Livery Kelantan selama dua tahun dengan membawa jenama "Kelantan in the sky" ke seluruh destinasi utama dengan enam sektor penerbangan sehari.

Bayangkan betapa sibuknya lapangan terbang ini, maka seaktif itulah rakyat Kelantan menyaksikan aktiviti di sini. Sambil membawa anak-anak, para ibu bapa memotivasikan mereka supaya belajar bersungguh-sungguh agar menjadi juruterbang atau dapat naik kapal terbang kelas perniagaan apabila dewasa nanti.



Kenderaan diparkir di tepi pagar lapangan terbang bagi memudahkan melihat pesawat naik-turun.



Orang ramai berkumpul di luar pagar lapangan terbang untuk menyaksikan pesawat yang naik-turun.

Bagi warga emas pula, melihat pesawat membawa mereka merenung impian dan mengimbau kenangan jauh ke tanah suci Mekah. Pengalaman mereka mengerjakan haji atau umrah terpahat utuh dalam fikiran. Terbayang lapan jam berada dalam pesawat dan kegembiraan apabila mendarat di bumi Mekah dan Madinah.

Bagi yang belum pernah berpengalaman menaiki pesawat, pelbagai persoalan bermain dalam fikiran yang sukar ditafsirkan. Namun pengharapan untuk melawat Baitullah tetap tersemat dalam jiwa mereka.

Biarpun ada yang memandang sinis sambil berkata "daghak weh srupo tok rajin tengok kapal terbang" (kolotnya macam tidak pernah tengok kapal terbang). Namun itulah kreativiti rakyat memanfaatkan aset negeri kerana tidak semua negeri kedudukan jalan rayanya sepagar dengan lapangan terbang sehingga menjadi tarikan tanpa diduga.

Tercipta punca rezeki

Pepatah menyebut, "di mana ada semut di situ ada gula". Peluang ini diambil oleh para peniaga keropok lekor, penjaja aiskrim Malaysia (buatan sendiri) dan penjual kacang rebus untuk berniaga bagi menambah pendapatan. Suasana ini biasanya berlaku selepas solat asar sewaktu matahari mula redup sehingga malam pada cuti hujung minggu.

Sungguhpun begitu, para peminat pesta naik-turun pesawat dan penjaja tidak terleka menunaikan solat maghrib dan isyak secara berjemaah kerana masjid berhampiran lapangan terbang itu sering melimpah pada hari minggu. Inilah tabiat rakyat Kelantan yang fitrah dan bukan dibuat-buat.

Aktiviti sihat

Rakyat Kelantan juga memenuhi hari cuti dan hujung minggu mereka dengan aktiviti gaya hidup sihat yang lain. Salah satu destinasi digemari ialah Taman Perbandaran Tengku Anis yang terletak di Tanjung Chat berhampiran Pengkalan Chepa.

Di sini terdapat beberapa kemudahan untuk dijadikan aktiviti riadah bersama keluarga. Taman ini terletak hanya 5km dari pusat bandar. Terdapat trek untuk berjoging, pondok-pondok rehat, taman permainan kanak-kanak, taman rusa dan taman air untuk kanak-kanak. Taman ini amat sesuai dengan fungsinya untuk riadah bagi seisi keluarga.

Pada setiap hujung minggu ada aktiviti senamrobik. Justeru selsi keluarga dapat melakukan aktiviti riadah demi kesejahteraan dan melahirkan masyarakat sihat dan harmoni. Taman rekreasi ini dibangunkan di setiap Majlis Daerah contohnya Pantai Ndo di Tumpat, Taman Tasik di Kuala Krai dan Taman Tasik Gua Musang. Kesemua ini dapat dimanfaatkan oleh penduduk seluruh negeri untuk melakukan aktiviti bersama keluarga masing-masing.

Terkini, sebuah taman yang dilengkapi dengan aktiviti sukan memanah dan berkuda kerap dikunjungi rakyat Kelantan. Dalam Taman Rekreasi al-Fursan di Padang Tembak itu juga turut dibina sebuah Memorial Keamanan oleh pihak kilang Rohm Wako Co. Ltd. dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) yang berkonsepkan taman mini Jepun dengan dekorasi landskap rumput permaidani nan menghijau menghiasi jambatan kecil merentasi kolam ikan kap amat sesuai untuk bersantai sambil membaca atau mengadakan sesi fotografi.



Taman Rekreasi al-Fursan, Padang Tembak berkonsepkan taman mini Jepun.



Aktiviti senamrobik di Taman Perbandaran Tengku Anis, Pengkalan Chepa.



Taman Rusa di Taman Perbandaran Tengku Anis, Pengkalan Chepa.

Destinasi percutian

Negeri Kelantan kaya dengan bentuk muka bumi yang unik. Selain pantainya sering menjadi tarikan, terdapat jeram untuk dijadikan pusat perkelahan seisi keluarga. Dari Pantai Geting, Pantai Sri Tujuh, Pantai Mek Mas, Pantai Senok, Pantai Bachok dan Pantai Semerak semuanya dipenuhi pengunjung setiap kali cuti dan hujung minggu.

Manakala kawasan jeram seperti Jeram Linang, Jeram Mengaji, Jeram Pasu, Kolam Air Panas Tok Bok dipenuhi pengunjung yang berkelah bersama keluarga. Pihak berkuasa tempatan dan swasta telah menyediakan banyak kemudahan riadah kepada pengunjung seperti kemudahan chalet, restoran, kolam renang, gerai jualan makanan dan pelbagai keperluan untuk kemudahan orang awam.



Jeram Pasu, Pasir Putih.

Kalau datang ke Kelantan tidak sah sekiranya tidak membeli-belah. Terdapat tiga destinasi pilihan iaitu Kawasan Bebas Cukai Rantau Panjang, Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor dan Wakaf Che Yeh. Segelintir rakyat Kelantan lebih selesa membeli-belah di AEON Mall, KB Mall, Mydin Mall, Tesco dan Giant. Kompleks beli-belah tersebut tetap mencatat jualan tertinggi pada hujung minggu walaupun terdapat waktu jeda ketika solat Jumaat dan dan maghrib.

Bahkan paling istimewa pada bulan Ramadan, disediakan ruang solat tarawih untuk pengunjung yang datang membeli-belah di KB Mall dan AEON Mall. Berganda pahala diraih kerana di samping menemani isteri dan anak-anak membeli keperluan raya, para suami tetap dapat menunaikan ibadat solat tarawih di



Solat tarawih di pasar raya Aeon Mall.

tempat yang sama. Inilah keunikan negeri Kelantan yang bukan biasa-biasa kerana ibadah tetap menjadi keutamaan walaupun sibuk dengan musim perayaan.

Sabtu, hari untuk keluarga

Saban tahun kerajaan negeri telah banyak menyediakan pelbagai aktiviti untuk rakyat Kelantan seperti Pesta Orkid, Flora dan Herba, Pesta Wau Antarabangsa, Pesta Makanan Halal, Pesta Kebudayaan Kelantan, Pesta Buku Kelantan dan lain-lain lagi. Kesemua ini dapat dimanfaatkan oleh penduduk untuk sama-sama berhibur dan mengisi masa bersama keluarga terutamanya pada hari Sabtu.

Rakyat Kelantan memang minat kepada pelbagai jenis bunga-bunga, sayur-sayuran, tanaman herba dan buah-buahan. Mereka sanggup berhabis demi memenuhi



Program anjuran kerajaan negeri.

minat dan hobi mereka. Berbagai-bagai jenis anak pokok spesies terbaik dijual kepada pengunjung. Muzium dan perpustakaan awam negeri juga hebat menyediakan aktiviti menarik disertai seisi keluarga demi meningkatkan kualiti keluarga bahagia.

Meskipun Kelantan dilabel negeri miskin oleh segelintir pihak, namun penduduk Kelantan sebenarnya kaya dengan budaya dan identiti. Semangat jati diri anak Kelantan tetap dibawa dengan bangga walaupun berada di mana jua. Keunikan mengisi hari cuti dan hujung minggu sangat penting untuk dimanfaatkan demi kebahagiaan sesebuah keluarga.

Cara mengisi cuti amatlah bergantung kepada kebijaksanaan individu itu sendiri. Sekiranya dilakukan dengan bermanfaat maka akan mendapat laba bahkan pahala, jika dibuang begitu sahaja maka rugilah jawabnya. Sebagai rakyat Kelantan beradab dan bermaruah, kita berbahagia cara kita; bercuti meriah tanpa perlu bermewah namun tetap patuh syariah. ■



Kawasan Bebas Cukai Rantau Panjang.

Perpustakaan Awam Kelantan rancak beraktiviti 500 program dilaksanakan dalam tempoh dua tahun

Oleh: Nor Zainah Nordin | Foto: Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan



Setiap kali membicarakan tentang buku dan pengetahuan dalam Islam, pasti dikaitkan dengan wahyu pertama yang diterima oleh Nabi Muhammad SAW iaitu permulaan surah Iqra'. Betapa pentingnya membaca sehinggalah ayat pertama yang diturunkan oleh Pencipta dimulakan dengan nada suruhan iaitu "Bacalah!"

Realitinya, jika mengambil Malaysia sebagai contoh, suruhan itu hanya sekadar hujahan yang dilontarkan oleh penceramah-penceramah apabila membicarakan soal ilmu pengetahuan dan tabiat membaca.

Faktanya, purata pembacaan rakyat Malaysia hanyalah sekitar 15 hingga 20 buah buku setahun, masih belum mencapai sasaran Ideal 30 naskah buku setahun dan jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan tabiat membaca rakyat Korea Selatan iaitu purata 40 buku setahun.

Apakah yang boleh kita tafsirkan dengan angka-angka ini? Ia memberi gambaran bahawa kadar literasi rakyat Malaysia berada pada tahap 55 peratus, masih rendah jika dibandingkan dengan jumlah penduduk seramai 32 juta orang.

Malaysia juga jauh ketinggalan berbanding negara Jiran Thailand yang dicatatkan sebagai negara kedua paling banyak membaca, dengan purata pembacaan 9.4 jam seminggu; diikuti dengan China dan Filipina, manakala India berada di tempat teratas. Ringkasnya, Malaysia tidak termasuk dalam senarai 30 negara paling banyak membaca!

Budaya membaca di Malaysia bagaimanapun menunjukkan kemajuan jika dilihat daripada laporan Perpustakaan Negara Malaysia yang mendapati pada tahun 1996, rakyat negara ini hanya membaca purata

dua buku setahun. Namun, pada tahun 2010 jumlahnya meningkat kepada 2 hingga 8 buku setahun dan purata 15 hingga 20 buku setahun pada tahun 2017. Jadi bagaimanakah caranya tabiat membaca mahu dipupuk dalam kalangan rakyat Malaysia? Kita tidaklah perlu melihat jauh, sebagai umat Islam, surah Iqra' sudah cukup untuk menggerakkan kita agar membaca dan mentadabur bacaan kita.

Jika mahu pembuktian lagi, lihat sahaja bagaimana sejarah kegemilangan Islam menyaksikan perkembangan perpustakaan atau maktabah yang mengumpulkan bahan bacaan dan mencipta karya agung penulis-penulis Islam yang ahli dalam bidang masing-masing.

Maktabah Al-Andalus terbina dan hidup dengan aktiviti keilmuan di serata tanah jajahan takluk kerajaan Islam pada zaman itu. Lihat sahaja buktinya kini di Turki, Iran, Iraq, Sepanyol dan sekitar Eropah yang sekarang menjadi mercu tanda pelancongan dunia.

Mengambil inspirasi daripada kemakmuran tamadun Islam yang menyaksikan kemajuan teknologi seiring dengan berkembangnya sektor perbukuan, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) glat berusaha menjadikan perbadanan itu sebagai enjin pencetus dan penjana minat membaca dalam kalangan rakyat Kelantan agar terus subur.

Di bawah pimpinan pengarahnya, Roslan Ludin, PPAK bergerak aktif sepanjang tahun dengan pelbagai aktiviti untuk segenap lapisan usia dan masyarakat. Mengambil pendekatan perkongsian bijak dengan pelbagai pihak termasuk sekolah-sekolah dan agensi-agensi berkanun yang lain, sehingga April 2019, PPAK telah berjaya menganjurkan hampir 500 aktiviti dalam tempoh dua tahun ini.

Membandingkan jumlah aktiviti sahaja sudah mampu menunjukkan prestasi menegak PPAK dalam tempoh tersebut apabila melaksanakan 378 aktiviti sehingga April 2019, meningkat tiga kali ganda daripada 98 aktiviti dan program dalam tempoh sama pada tahun 2018.

Antara program menarik yang dilaksanakan ialah Kembara Ilmu "Aku di Hatimu" yang berlangsung di dua lokasi iaitu di Sekolah Kebangsaan Bahagia, Kuala Krai dan Pos Tohol, Gua Musang. Dua program ini adalah sebahagian program bersiri dan acara *signature* PPAK yang diadakan sepanjang tahun di lokasi-lokasi terpilih.

Kembara Ilmu "Aku di Hatimu" Sek. Keb. Bahagia yang dianjurkan oleh PPAK dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Krai menyaksikan penyertaan seramai 225 pelajar.

Manakala program bersama masyarakat Orang Asli Pos Tohol dianjurkan dengan kerjasama 200 orang peserta Kembara Ilmu dan 27 agensi kerajaan seluruh negeri Kelantan. Program yang meriah ini disertai oleh 1,000 orang pelajar Sekolah Kebangsaan Tohol dan masyarakat Orang Asli di sekitar Gua Musang.

Setiap sesi Kembara Ilmu "Aku di Hatimu" dijalankan dengan aktiviti-aktiviti menarik yang khusus untuk golongan sasar bagi siri berkenaan. Sebagai contoh, aktiviti di Sek. Keb. Bahagia lebih bercorak *fun learning* memandangkan ia menyasarkan murid-murid sekolah rendah.

Sementelah ia dilaksanakan pada Bulan Merdeka, maka aktiviti-aktiviti yang diadakan bertepatan sambutan kemerdekaan negara seperti mereka dan mewarna topeng serta tanjak merdeka, pertandingan membina kata dan dam ular.

Manakala di Pos Tohol pula, program yang dianjurkan berskala besar dan memerlukan pengisian yang lebih holistik. Maka, aktiviti-aktiviti yang dijalankan di situ lebih dekat dengan masyarakat Orang Asli seperti persembahan sewang dan gotong-royong asrama Sek. Keb. Tohol selain program keilmuan iaitu acara *Knowledge Games*, ziarah Kembara Ilmu, pertandingan karaoke dan nasyid.

Peranan PPAK dalam mempromosi tokoh-tokoh tempatan amat menyerlah dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini dengan berlangsungnya dua program Bicara Tokoh dan satu Seminar Ketokohan yang menampilkan tiga tokoh iaitu isteri kepada Menteri Besar, Datin Bentara Kanan Hajah Siti Zabidah Ab Hamid; ilmuwan Ustaz Abdullah Mohamed (Nakula) dan dua orang Tokoh Sukan Kelantan iaitu Nik Akif Syahiran dan Salmi Mahmud Muhaimin.

Seminar Ketokohan Ustaz Nakula dianjurkan oleh PPAK dengan kerjasama Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan (PPSK) menyaksikan pembentangan kertas kerja yang berkisar tentang ketokohan Nakula selain sesi perkongsian dan soal jawab bersama kira-kira 200 orang peserta.



Pengarah PPAK, Roslan Ludin.



Program Kembara Ilmu turut mendekati murid-murid sekolah rendah masyarakat Orang Asli.



Program bersama masyarakat Orang Asli di Pos Tohol.



Program Bicara Tokoh menampilkan isteri Menteri Besar Kelantan.

Program bual bicara bersama Datin Siti Zabidah menarik perhatian dan mendapat liputan meluas daripada media arus perdana yang mendedahkan pengalaman pahit manis dan jerih getir yang dialami oleh ahli keluarga Menteri Besar Kelantan yang menghadapi ujian termasuk sihir.

PPAK turut mengangkat sejarah warisan Melayu Kelantan yang berakar umbi sejak era kegemilangan Langkasuka ke persada umum melalui penganjuran Seminar Warisan Langkasuka Citra Kesinambungan Nuansa Seni dan Budaya Melayu.

Dengan kumpulan peserta yang terhad kepada 54 orang, seminar tersebut berjaya direalisasikan dengan kerjasama Ikatan Jejak Warisan Nusantara Kelantan (WARISAN) dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan.



Acara kemuncak PPAK bagi tempoh April 2018 hingga April 2019 ialah pelancaran Mari Membaca Serentak selama 10 Minit 2019 (Let's Read Together for 10 Minutes 2019) yang dirasmikan oleh isteri Menteri Besar Kelantan.

Menyasarkan golongan kanak-kanak dan remaja, program tersebut diadakan dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negeri Kelantan bagi memupuk dan menyubur tabiat suka membaca dalam kalangan mereka bermula dengan aktiviti membaca setiap hari selama 10 minit.

Dalam pada itu, deras arus digital melanda anak muda turut dimanfaatkan oleh PPAK dengan melihat potensi positif permainan sukan elektronik (eSports) selain menjadikannya alat untuk menarik golongan remaja mendekati perpustakaan.

Berkerjasama dengan syarikat swasta, PPAK mengorak langkah mengendalikan Pertandingan Akhir eSports East Coast Zon Timur dengan penyertaan 150 orang tetamu termasuk ahli sukan elektronik yang bertanding. Majlis tersebut dirasmikan oleh Dato' Haji Mohamed Fadzil Dato' Haji Hassan.

Kepelbagaian pendekatan diambil oleh PPAK dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti dan program-program menarik sepanjang tahun mampu menjadikan badan kerajaan ini sebagai pusat penjana ilmu yang dinamik dan proaktif serta tidak kaku dan membosankan.

Mengambil teladan kerancakan dan hidupnya perpustakaan pada zaman kegemilangan sllam Islam, PPAK boleh berperanan secara efektif bukan sekadar sebagai sarang buku, tetapi juga sebagai nadi, nukleus yang menggerakkan kelangsungan warisan dan ketamadunan rakyat pada masa ini agar kesinambungannya malar segar (ever green) sehingga ke akhir masa. ■



MARTABAT MUSLIMAH DIJULANG MEGAH

Oleh: Zananzaly

Foto: U-Kekwa



Hari Sayyidatina Khadijah 2019 (HSK 2019) yang berlangsung meriah dan gilang-gemilang pada 23 hingga 27 Jun lalu membuktikan iltizam kerajaan negeri Kelantan menjulang martabat dan *izzah* wanita Islam pada tempat sewajarnya.

Selama empat hari Hotel Grand Riverview, Kota Bharu menerima kunjungan lebih 4,000 peserta termasuk dari luar negara. Ia turut menyaksikan kelainan luar biasa berbanding acara besar lain apabila menggunakan tiga bahasa utama iaitu Melayu, Arab dan Inggeris sebagai medium perantaraan program bica-rawara, forum dan majlis penganugerahan tokoh dan ikon muslimah HSK 2019 yang dianjurkan dengan jayanya oleh kerajaan negeri Kelantan melalui Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan (U-KekWa).

Tunjang kekuatan

Menurut Pengarah U-KekWa, Ilvira Mohd Dasuki, kejayaan sambutan HSK 2019 juga ditunjangi oleh khidmat bakti 200 orang sukarelawan yang bertungkus-lumus bersama-sama 30 pegawai pengiring, 30 staf, 30 penterjemah yang menyantuni 50 delegasi antarabangsa. Kerajaan negeri Kelantan sejak tahun 1990 telah berjaya mengadakan Hari Wanita Kelantan, Hari Ibu Mithali, Hari Suri Mithali, Hari Keluarga Mawaddah dan pelbagai lagi program demi menghargai dan mengiktiraf sumbangan, jasa dan peranan wanita Kelantan.

Bermula tahun 2015, nama Hari Wanita Kelantan telah ditukarkan kepada nama Hari Sayyidatina Khadijah dan menjadi satu acara tahunan bagi kerajaan negeri merangkumi peringkat negeri, parlimen dan 45 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan.

"HSK ialah wadah yang amat sesuai untuk meneruskan pengiktirafan terhadap peranan kaum wanita dalam membangunkan negeri, selain menjadi platform untuk berkongsi pengalaman sesama wanita dari dalam dan luar negeri," katanya.

Bertaraf antarabangsa

Acara berlangsung empat hari itu dimeriahkan dengan sambutan HSK dan pelancaran Gagasan Wanita Kelantan, persidangan International Muslim Women Union (IMWU) yang dihadiri oleh 55 delegasi dari 17 buah negara, Muslimah International Summit Kelantan (MISK), melibatkan pembentangan 77 buah makalah tempatan dan antarabangsa dan forum interaktif International Young Muslim Forum (al-Youm) serta Niswah Sharing Session yang mana hadirin turut memanfaatkan perkongsian ilmu kemanusiaan sejagat daripada wakil negara bergolak seperti Pakistan, Sudan, Thailand serta banyak lagi.

Delegasi antarabangsa HSK dibawa berkunjung hormat ke pejabat Menteri Besar, Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob dan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Abdullah Ya'kob bagi memperkenalkan dasar pemerintahan negeri, Membangun Bersama Islam, di samping diraikan dalam majlis Makan Malam Mahabbah yang dirasmikan oleh Isteri Menteri Besar Kelantan, Datin Bentara Kanan Siti Zabidah Abdul Hamid.

Selain itu, acara Kelantan Tour memberi peluang delegasi melihat perkembangan aktiviti rakyat di Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) Bunut Payong, Pasar Siti Khadijah, mencanting batik di Kampung Sireh, Galeri Wayang Kulit, industri desa Kampung Laut dan merasai pengalaman spiritual dalam suluk Tok Selehor sedalam tujuh kaki di bawah tanah selama 1 minit.

Mengiktiraf wanita

Menurut Ilvira, HSK adalah penghargaan dan pengiktirafan kerajaan negeri kepada kaum wanita di Kelantan merupakan cetusan idea Allahyarham Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika era kepimpinannya.

"Allahyarham Tuan Guru telah meminta Exco Wanita pada ketika itu mengadakan program khas bagi menghargai wanita-wanita Kelantan. Program ini masih lagi diteruskan di bawah kepimpinan Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Ahmad Yakob bermula tahun 2013 sehingga sekarang," ujarnya.

Beliau berkata, bagi pemilihan penerima anugerah HSK 2019, pencarian tokoh dan ikon telah bermula seawal April 2019. Katanya, pencarian tokoh dan ikon pada peringkat Parlimen turut diadakan yang mana tokoh dan ikon terpilih akan layak untuk bertanding pada peringkat negeri.

"Pemilihan tokoh dan ikon pada peringkat negeri dibuat oleh satu Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh Pengerusi U-KekWa, Dato' Hajah Mumtaz Md Nawi," katanya.

Ilvira berkata, bagi memberi nilai tambah pembangunan syahsiah diri dan keluarga, kerajaan negeri merangka pelbagai program pembangunan jati diri wanita. Katanya, golongan sasaran itu termasuk kanak-kanak perempuan, suri rumah, wanita muda, armalah, wanita berkerjaya serta usahawan wanita untuk sama-sama membangun mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kerohanian dan kemahiran.

Sementara itu, Dr. Akmaliza Abdullah, pemakalah dari Universiti Teknologi Malaysia meluahkan kekaguman usaha dan inisiatif kerajaan negeri Kelantan yang baginya tidak sama dengan negeri lain.

Luar biasa

"Hanya di Kelantan, saya belum jumpa di tempat lain. Sudah dua kali saya berpengalaman menghadiri Muslimah International Summit Kelantan dan Hari Sayyidatina Khadijah iaitu pada tahun 2016 dan 2019. Ruang dewan hotel penuh, hadirin di hadapan terpaksa bersila, di belakang pula rela berdiri," catatnya di media sosial.

Beliau mengakui, pengalaman menghadiri HSK 2016 membenarkan hujah Prof. Emeritus Dr. Nik Safiah Karim bahawa wanita Kelantan sememangnya hebat kerana berminat dengan ilmu. Dewan dipenuhi peserta menghadiri program ilmiah anjuran kerajaan negeri menjadi bukti.

"Program ilmiah boleh penuh dewan. Tidak perlu jemput artis sebagai daya tarikan. Hadirin wanita daripada tua berpangkat nenek hinggalah bayi yang dikendong oleh si ibu, sungguh sabar dan tekun dari awal sehingga habis program. Tiada paksaan. Tiada upah."

Dr. Akmaliza turut kagum dengan kehadiran peserta negara bergolak seperti Sudan, Nigeria, Somalia, Iraq, Uganda, Togo, Malawi, Cameroon dan Ivory Coast yang disifatkannya tambah menyerikan persidangan pada kali ini, selain peserta yang biasa hadir seperti Thailand, Indonesia, Pakistan, Turki dan Oman. Maka, beliau berharap, Gagasan Wanita Kelantan yang dilancarkan pada HSK kali ini menjadi realiti dan memberi manfaat sepenuhnya kepada kaum wanita Kelantan khususnya.

14 wanita raih anugerah

Sementara itu, dalam acara kemuncak HSK 2019 pada 27 Jun lalu, kerajaan Kelantan komited membuktikan pengiktirafan terhadap peranan dan pencapaian kaum wanita negeri itu dengan menganugerahkan 14 wanita berjasa dalam bidang masing-masing termasuklah Anugerah Khas Wanita Cakna Kebajikan 2019 kepada pengasas produk kecantikan Dnars Skincare, Allahyarhamah Faziani Rohban Ahmad.

Anugerah itu bagi menghargai sumbangan dan kebajikan yang dilakukan sepanjang hayatnya kepada masyarakat yang disampaikan oleh Menteri Besar Kelantan Dato' Ahmad Yakob kepada suami Allahyarhamah iaitu Ahmad Shah Rizal Ibrahim.

Pada majlis itu, penulis prolific merangkap pensyarah perubatan dan pakar perunding obstetrik dan ginekologi Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, Prof. Dr. Nik Hazlina Nik Hussain turut dinobatkan sebagai penerima anugerah Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar bagi menghargai sumbangannya dalam bidang pendidikan.

Dr. Nik Hazlina, antara enam tokoh wanita diiktiraf dalam bidang masing-masing termasuklah Zarinah Md. Zain (Sayyidatina Khadijah Khuwallid: usahawan); K.A. Razhiyah (Sayyidatina Zainab Khuzaimah: kemasyarakatan); Che Zawiah Che Pa (Al-Khansa' Amru: kesenian); Sawani Wan Mohamad Nawi (Siti Aminah Abdul Wahab: ibu tunggal) dan Amy Suzani Mohd Alnuddin (Zinnirah Ar-Rumiyah: Orang Kurang Upaya {OKU}).

Manakala enam wanita muda turut mendapat pengiktirafan sebagai ikon iaitu pengusaha tudung, Wan Norsyafikah Wan Mat Rifin (Ikon Usahawan); guru agama, Nur Amalina Ismail (Ikon Masyarakat); pensyarah, Dr. Rohimah Mohamad (Ikon Pendidikan); pengajar seni seramik, Siti Mariam Mat Nor (Ikon Kesenian); aktivis masyarakat, Nur Imana Balqis Ramli (Ikon OKU) dan atlit kriket, Nurul Fathihah Ibrahim (Ikon Sukan).

Masing-masing menerima hadiah termasuk sijil, plak, anak pokok cempaka dan wafer emas yang disampaikan isteri Menteri Besar Kelantan.

Turut mendapat penghormatan dalam HSK 2019 ialah Pengerusi Majlis Pemegang Amanah Kesatuan Wanita Islam Antarabangsa (IMWU), Dr. Samia Raheel Qazi yang menerima Anugerah Wanita Antarabangsa.



Tepati kriteria

Mengulas mengenai kriteria pemilihan, Pengerusi U-KekWa berkata, tokoh dan ikon yang dipilih menepati sebahagian ciri-ciri Sayyidatina Khadijah jika tidak kesemuanya.

"Ciri-ciri personaliti Sayyidatina Khadijah mesti dicontohi oleh wanita, kalau orang lelaki ada Rasulullah SAW untuk diikuti, wanita pula ada Ummul Mukminin. Kita jangan ingat dalam dunia moden tidak wujud wanita mulla seperti ini, kita juga ketengahkan untuk wanita muda Sayyidatina Fatimah sebagai ikon supaya golongan muda tidak mencari-cari identiti untuk menjadi wanita solehah, cantik dan berjaya," katanya.

Mumtaz menegaskan, kerajaan negeri mempunyai dasar khusus untuk wanita menerusi "Gagasan Wanita Kelantan" dengan lima matlamat utama iaitu melahirkan wanita yang cakna, dinamik, bijaksana, solehah dan sakinah.

Turut membanggakan pada sambutan HSK kali ini ialah permeteraian Deklarasi Kota Bharu yang ditan-datangani oleh 48 delegasi sempena Persidangan Tahunan International Muslim Women Union (IMWU), Muslimah International Summit of Kelantan 2019 (MISK) dan International Young Muslimah Forum (al-Youm).

15 resolusi dipersetujui

Deklarasi tersebut mengangkat 15 resolusi yang dipersetujui bersama dalam persidangan-persidangan itu telah dibentangkan oleh Ahli Dewan Negara, Ustazah Asmah Husin semasa penutup Niswah Sharing Session.

Secara ringkasnya, Deklarasi Kota Bharu mengandungi lima resolusi yang dicapai dalam persidangan IMWU iaitu:

1. Memperkasakan wanita muslim penting untuk menguatkan asas unit keluarga dalam masyarakat. Keluarga kuat adalah tiang pembina ummah cemerlang.
2. Menggesa langkah berterusan memperkasakan institusi keluarga bagi mendepani ancaman LGBT (lesbian, gay, bisexual and transgender).

3. Menubuhkan Sayap Wanita Muda dalam usaha membina jaringan Wanita Muda Islam.

4. Menjadikan Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) di negeri Kelantan rujukan dalam pembinaan Islamic Development Goals (IDG).

5. Mengukuhkan jaringan IMWU dengan organisasi dan pertubuhan terkemuka pada peringkat antarabangsa.

Ia turut merangkumi lima usul utama MISK sebagai rumusan iaitu:

1. Menjadikan Sayidatina Khadijah sebagai Ikon Wanita Muslimah Sedunia.
2. Peranan Wanita bermula dari dalam keluarga hingga ke peringkat antarabangsa.
3. Wanita Muslimah sumber dalam membina keseimbangan kehidupan.
4. Memperkukuh sistem sokongan dalam usaha memperkasa wanita Muslimah.
5. Wanita Muslimah adalah salah satu tonggak utama dalam pembangunan mampan (SDG).

Tambah membanggakan, peserta al-Youm juga telah menyokong lima usul utama yang dipersetujui dalam persidangan tersebut iaitu:

1. Menjadikan Fatimah Az-Zahra sebagai suri teladan dan ikon Muslimah Muda.
2. Muslimah Muda memiliki potensi yang perlu dibangunkan secara berterusan.
3. Keperluan memperkukuh kemahiran Advokasi Dakwah di Dunia Realiti & Maya.
4. Menjadikan media sosial sebagai salah satu platform pembangun ummah.
5. Menggunakan semua sumber secara optimum dalam memperkasa ummah.

Semoga resolusi ini dilaksanakan pada peringkat negeri dan Malaysia. ■



Prinsip pedagogi

Sejarah kerjaya Wan Roslan tidak bermula dan berlari setempat. Selaku mantan pendidik merangkap Pengetua selama sembilan tahun dan pentadbir pendidikan selama 10 tahun, maka ilmu pedagogi yakni gabungan sains dan seni mengajar di sekolah disesuaikan ke lapangan kerjaya sebagai Pegawai Khas Menteri Besar, Setiausaha Politik Menteri Besar kemudian bergelar wakil rakyat merangkap penggalas amanah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bella, Sukan dan NGO pula.

Fenomena guru menjadi wakil rakyat popular pada era 50-an hingga 80-an kerana dahulu kerjaya guru memang menonjol. Namun selepas itu suram sedikit akibat kecenderungan rakyat memilih golongan profesional dan ahli korporat yang dianggap lebih bijak dan berduit sebagai penyampai suara mereka dalam sidang DUN mahupun parlimen. Namun hal demikian tidak tenggelam dalam senario politik Kelantan kerana menurut Wan Roslan, profesion keguruan ini sentiasa menepati keadaan siasah semasa kerana cikgu itu murabbi sepanjang zaman berbekalkan ilmu pedagogi dan kursus induksi.

Belajar dan mendidik seumur hidup

"Hakikatnya, sepanjang hayat kita berada dalam sekolah kehidupan. Proses pengajaran dan pembelajaran, pengurusan organisasi dan juga interaksi gurupelajar berlaku setiap masa dan di mana-mana sahaja khususnya bermula di rumah." Hurai bapa kepada 10 orang anak (majoritinya penghafaz al-Quran) yang sudah berjaya dan sedang melanjutkan pelajaran di Institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Seterusnya, beliau fasih membacakan matan dan terjemahan hadis riwayat Bukhari, daripada Ibn Umar bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Ustaz Wan Roslan Wan Hamat Umara terpimpin rakyat terjamin

Oleh: Fadly al-Hafiz | Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Umpama sepohon kayu besar di tengah padang saujana, tempat bernaung kepanasan, tempat berlindung kejujuran, begitulah takrif wakil rakyat pada hemat Ustaz Wan Roslan Wan Hamat, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kubor yang lahir pada 20 Jun 1966 di Pasir Puteh, Kelantan.

Tokoh pemimpin pilihan Qiadah edisi 21 yang mengamalkan prinsip tawaduk, *qanaah*, reda, dan taktik dakwah *bilhal* melalui ramah mesra, sedia memasang telinga serta dermawan kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi dan bangsa telah sepenuhnya memikat hati 10,142 pengundi di DUN Pengkalan Kubor sekali gus menawan kerusi yang terkenal kebal sebagai kubu seteru.

"Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu adalah bertanggungjawab terhadap pimpinannya, seorang ketua negara adalah penjaga dan dia bertanggungjawab terhadap rakyatnya, seorang suami adalah penjaga keluarganya dan dia bertanggungjawab terhadap keluarganya, seorang isteri adalah penjaga rumah tangga suaminya dan dia bertanggungjawab terhadap yang dipimpnnya, seorang khadam (pembantu) adalah penjaga terhadap harta tuannya dan dia bertanggungjawab terhadap pemimpinnya."

Ternyata kerjaya guru memberi kelebihan kepada Exco Bella, Sukan dan NGO ini kerana daripada aspek sahsiah, beliau dapat meneruskan susulan tarbiah

daripada pelajar berusia remaja (13-17 tahun) menjadi belia berrmaruah (18-40 tahun) berpandukan kefahaman tafsiran surah al-Kahfi: 13 dan 14.

Prinsip yang dipegangnya; Islam tidak menghalang umatnya bersukan. Amatlah berbaloi semasa bersukan para atlet berniat ibadat. Rekod sukan dunia mencatatkan atlet yang menutup aurat berjaya mendapat pingat emas dalam acara olahraga. Maksudnya skill adalah faktor utama kejayaan, bukan pakaian menjadi penghalang. Maka penubuhan Kelantan United adalah manifestasi slogan "Merakyat Membangun Bersama Islam" menampilkan atlet yang menutup aurat, cakna solat dan gemar mengaji al-Quran sebagai alternatif kepada peminat bola sepak.



Perlawanan akhir Piala Ustaz Dato' Menteri Besar 2019 antara pasukan Tawang dan Pengkalan Kubor pada 28 Disember 2019.

Tegar berikhtiar

Dalil itu juga menjadikan Wan Roslan sentiasa peka kepada pelan pembangunan lima tahun hala tuju belia berrmaruah dengan mewujudkan pusat belia Kelantan berpusat di Medan Usahawan Kota Bharu untuk merancang aktiviti masa hadapan belia daripada aspek akademik dan kerjaya patuh syariah.

Penubuhan Kolej Gentera merupakan platform penyediaan generasi pemimpin pelapis. Seramai 45 orang belia menjalani kuliah selama 10 minggu khusus dalam bidang dakwah, orator, motivator, kelestarian dan kesenian.

Beliau berpandangan, generasi belia contoh sudah pun dilahirkan dan tidak terhad kepada mahasiswa malah merangkumi lepasan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) yang berkaliber.

Beliau melaksanakan amanahnya dengan meletakkan polisi sukan patuh syariah sebagai teras. Mengambil iktibar Perang Badar yang dimenangi dengan dua bilah pedang sahaja, beliau meletakkan sasaran Kelantan menjuarai SUKMA 2024 sebagai visinya dan menjadi pemangkin kepada kemajuan setiap jajahan di Kelantan.

"Kita melobi untuk menganjurkan SUKMA pada tahun 2024 di Kelantan. Apabila kita dapat hak penganjuran, kita dapat hak dana untuk bina fasiliti sukan sekali gus memajukan semua daerah. Dengan dana pembangu-

nan yang diperolehi, kita dapat menaikkan taraf kompleks sukan sedia ada di daerah-daerah seperti stadium hoki di Pasir Mas. Apabila ini berlaku, secara automatik, jajahan berkenaan akan membangun," katanya.

Usaha beliau menyemarakkan aktiviti sukan di negeri Kelantan mula menampilkan hasil apabila Liga Eilat DUN (Dewan Undangan Negeri) dihidupkan semula selepas tiga tahun tertangguh. Liga tersebut untuk merebut Piala MB dan menjadi medan memilih pemain bola sepak memasuki Kelantan United.

"Kos perlawanan ditanggung oleh kerajaan negeri dengan anggaran bajet sebanyak RM1 juta, kita beri satu set jersi percuma dan bola. Hadiah yang disedia-

kan ialah Piala Menteri Besar dan wang tunai berjumlah RM5,000. Pertandingan telah berlangsung pada September 2019. Serentak dengan itu, kita turut menganjurkan kejohanan sepak takraw dan badminton pula," tambahnya.

Qanaah dan reda

Gaya hidup berqanaah diamalkan sepenuhnya ketika berkempen sehingga berjaya meraih populariti dalam kalangan pengundi. Beliau mengambil pendekatan menyelami masalah rakyat dengan saban hari berada di kedai kopi, masjid, bersama-sama membaca doa, solat jenazah, tahlil dan bermacam-macam lagi aktiviti komuniti. Malah beliau turut menziarahi ketik (kuil) bagi meraikan anak mukim bukan Islam yang ditimpa musibah.

"Kempen politik hebat orang Kelantan bukan berkisar kepada menyebut atau bercerita hal-hal parti PAS tetapi ia melangkaui soal parti, perlu ikut kematangan pemikiran rakyat dan perkembangan zaman," tegasnya yang sentiasa peka dengan isu-isu rakyat marhaen.

Sekilas ikan di air

Sementara beliau pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Politik Dato' Ahmad Yakob. Inillah untung-nya bekerja dengan agamawan yang ikhlas, berani dan tidak khianat.

Prinsipnya itu terserlah semasa PRU ke-14 yang menyaksikan mantan Pengetua Maahad Muhammadi itu turun berkempen dengan meletakkan sepenuh keyakinan kepada Allah SWT. Pengalaman itu sedikit jerih kerana beliau bertanding di luar kawasan tanpa waris, ilmu dan wang.

Namun kejerihan itu memberi pelbagai idea baharu sebagaimana adatnya berlian, tidak akan bersinar tanpa tekanan masa dan hentaman bumi. Kesukaran selalunya membuahkan strategi berhikmah yang memberi impak besar dengan kos yang kecil.

Media baharu menjadi senjata ampuh yang membawa kemenangan, apatah lagi pesaingnya kurang arif dengan media sosial yang menjadi kegilaan zaman ini.

Sinar peribadi Wan Roslan terpancar pada tahun 2014 yang menyaksikan fenomena banjir termenung di Pengkalan Kubor. Menyantuni penduduk yang terkesan dengan banjir tersebut tanpa mengira ideologi, beliau menyampaikan sumbangan kepada 3,000 isi rumah yang melibatkan lebih 20 kampung.

"Pengkalan Kubor terkenal dengan banjir termenung iaitu air payah surut. Namun, aktiviti ziarah diteruskan siang dan malam. Dalam tempoh sebulan, 30 orang rakyat sakit dan uzur diziarahi ataupun kita adakan aktiviti ramah mesra bersama rakyat di kedai kopi.



Meninjau kawasan yang dinaiki air di sekitar Kg. Kubang Sawa pada Disember 2019.



Mengimami solat jenazah di Masjid as-Somadi Mukim Getng.

Sekali gus, rekod baharu PRU ke-14 dicatat apabila kerusi DUN itu kembali dirampas selepas tewas pada tahun 2004 dengan majoriti 2,365," ujar beliau.

Mengimbau nostalgia

Mengimbau sejarah pendidikannya, Wan Roslan mula bersekolah di SK Wakaf Raja, Pasir Puteh; dipilih mengikuti aliran sains di Maahad Muhammadi, Kota Bharu sehingga Tingkatan Enam Atas.

Bellau memiliki Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dan Pentadbiran serta Sains Politik dari Universiti Malaya dan selepas itu menyambung pengajian ke peringkat Diploma Pendidikan di UIAM (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).

Bellau mula berkhidmat di Maahad Pengajian Islam pada Mei 1994. Enam bulan kemudian, beliau menjadi pengetua termuda di SMU (A) Taqaddum Maarif Pasir Tumbuh pada 1 Januari 1995.

Namun usia bukan penghalang beliau mentadbir urus sekolah dengan baik sehingga sekolah itu mencipta rekod sebagai sekolah rakyat pertama mendapat 9A dalam peperiksaan PMR (Peperiksaan Menengah Rendah) dan SMU terbaik pada peringkat YIK (Yayasan Islam Kelantan).



Menyampaikan sumbangan pasca banjir kepada 300 orang penerima di Kg. Mentua bertempat di Wat Siklaloy pada 28 Disember 2019.



Ziarah kematian di Kg. Tengah Getng sambil menyampaikan cek kepada wasi.

Kecemerlangan kepimpinan beliau disebut-sebut apabila sekolah Maahad Muhammadi Lelaki di bawah kepimpinannya meraih kejayaan dalam aktiviti kokurikulum seperti Johan Forum Remaja Kebangsaan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2003.

Berpegang kepada falsafah melahirkan pelajar yang cemerlang dalam aspek akademik dan kepimpinan, beliau merintis jalan membawa pengetua-pengetua Maahad dan Sekolah Agama Negeri mengikuti kursus di Institut Aminuddin Baki bagi menajamkan ilmu kepengetuaan.

Siapa bertakwa pasti ada jalan keluar, Allah beri jaminan, Allah beri rezeki. Itulah prinsip yang menjadi tunjang perkhidmatan beliau.

Kekal meneruskan dasar

"Saya turut falsafah Allahyarham Tok Guru iaitu misi dan visi pentadbiran kita ialah membawa seramai mungkin orang Kelantan masuk syurga sebab itu kita perkukuhkan sahsiah belia dengan program kerohanian," tegasnya.

Atas faktor itulah, kerajaan negeri menganjurkan program tadarus bermula 1 Ramadan di lima buah masjid di Tumpat, Kota Bharu, Pasir Puteh, Bachok dan Pasir Mas yang melibatkan 500 peserta.

Begitu juga dengan 20 program kebajikan rakyat yang diwujudkan termasuk geran RM3 juta sebagai saguhati berjumlah RM1,000 bagi pasangan muda yang berkahwin di bawah Skim az-Ziwaaj yang telah dimulakan sejak tahun 2011.

Ia termasuk bayaran tunai RM1,500 di bawah Skim Khairat Kifaalah Negeri Kelantan dan Skim al-Itaam iaitu agihan beras percuma kepada rakyat termiskin sebanyak 10 kilogram beras setiap bulan kepada 250 orang di setiap DUN.

Wan Roslan menitikberatkan pengiktirafan kepada golongan atlet dan pegawai sukan tanpa mengira status lantikan dengan mengekalkan prestasi jurulatih sedia ada. Hasilnya, atlet paralimpik Kelantan berjaya ke peringkat antarabangsa melalul sukan angkat berat dan badminton pada peringkat Asia.

Menggemari buku "Tarbiyatul Aulad" karangan Abdullah Nasih Ulwan dan buku "Haraki" karangan Said Hawa, keluarganya menjadi simbol keluarga mithali. Hasil perkongsian hidup dengan Wan Norihan Wan Ab. Rahman, mereka dikurniakan 10 cahaya mata iaitu Wan Nurmawaddah, Wan Nur Atifah Ayuni, Wan Nur Basyirah, Wan Mohd Rifqi, Wan Mohd Rafiq, Wan Nuraqilah, Wan Nur Aufa, Wan Mohd Rashad dan Wan Mohd Rajaie. Anak bongsunya, Wan Mohd Rayyan meninggal pada usia 48 hari. ■



Mencuba menaik basikal tua seusi melepaskan peserta Kayuhan Malam Sejahtera 2020 pada malam 31 Disember 2019.



Gambar keluarga pada Hari Raya Aidilfitri tahun 2019.



Wan Mohd Rafiq (anak kelima) menerima hadiah Johan Hafazan Quran peringkat negeri Kelantan kategori 20 Juzuk pada tahun 2015.



Wan Nur Basyirah (anak ketiga) menerima anugerah tokoh tahfiz 2013 pada program graduaei tahfiz YIK tahun 2013.



TOK KWENG SALLEH WARRIOR KRIS

KERIS PANJANG SEPUKAL MELELA

By Professor Emeritus Dato' Dr. Hashim Yaacob

There are a great number of acclaimed and well-known kris in Malaysia. Some remained unknown and many are already obscure. Undoubtedly, Taming Sari is by far the most eminent kris which is now believed to be in the possession of Duli Yang Maha Mulia Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. In addition, Keris Tempa Melaka is said to be the second kris of the legendary warrior, Hang Tuah during the Malacca Sultanate. It is also known as Kris Pamung Sari. The regalia of the Malay royalties of all states of Malaysia certainly contain kris of an exceptional quality. Perhaps an example of an obscure kris is Keris Panjang Sepukal Melela Tok Kweng Salleh who lived in Kelantan during the reign of Sultan Muhammad IV (Long Senik) who ruled Kelantan during the period 1899 – 1920 [1].

The Malay Kris consists of the blade, the hilt and the scabbard. These parts of the kris are objects of art, often carved in meticulous details and made from a range of various materials: metal, exquisite and rare types of wood, gold or ivory.

A kris' aesthetic value covers the dhapur (the form and design of the blade, with a range of 60 variants), the pamor (the pattern of metal alloy decoration on the blade, with a range of 250 variants), and tangguh referring to the age and origin of a kris [3]. With regards to its quality and historical value, a kris can cost up to thousands or even more.

Ivory, horn or wood are used to make the hilt and the scabbard which in turn may be adorned with gold, silver or stones of various grades. The blade usually consists of two to seven thin layers of different types of iron. Occasionally, there can be as many as 21 layers

beneath the kris. Sometimes, the iron is alloyed with another type of metal, usually nickel which is then placed on either side of the iron to produce and develop a damasked effect. The superiority of the kris, particularly a kris that is believed to have possession of supernatural powers, is judged according to the "pamor" or the damascening of the blade, and the quality of the alloys used.

The kris must be compatible with the owner, whose blade length should correspond accordingly to the distance from the owner's nipple. Many kris have been inherited and become family heirlooms and are thought to be more powerful by virtue of the association with previous generations.

Tok Kweng Salleh's Kris, Badik and spear are now in the possession of the author who is his great-great-grandson. During the Malacca period, the Kris evolved into more than just a lethal weapon – it became a prestigious status symbol of the upper hierarchy, an item of adornment and an indication of spiritual strength [2].

Both a weapon and spiritual object, kris is often seen to have an essence or presence, considered to possess magical powers, with some blades possessing good luck and others bad luck. The kris is used for display, as talismans with magical powers, weapons, a sanctified heirloom (pusaka), auxiliary equipment for court soldiers, an accessory for ceremonial dress, an indicator of social status, a symbol of heroism, etc. [3]

Before further elaboration on Kris Panjang Sepukal Melela Tok Kweng Salleh, it would be beneficial and useful for us to understand the history of Kelantan backdated to the time of Tok Kweng.

During the end of the 19th century, Kelantan had a population and a civilization of its own, which were surrounded by rivers such as Sungai Kelantan, Pergau, Galas, Lebir, and Nenggiri. Elephants and other animals of burden were used for transportation within the state. Through Kota Bharu, trades were made with Bangkok, Singapore as well as other towns within the coastal areas of the Malay Peninsula. Kelantan exported coconuts, rice, dried fish, gambir, resin and livestock. The products that imported into Kelantan were cotton, threads, logs, tobacco, sugar, salt, kerosene and silk. Eight miles south of Kota Bharu was Kampung Pasir Mas.

There is Kampung Tanah Merah by the bank of Sungai Kelantan, which witness trades involving sarung, matches, Malay cakes, and belacan sold at a number of Chinese-owned shops. Lim Wat was a Chinese trader and a planter of black pepper, gambir and cotton. The Kampung had only 100 residents during that time. At Kuala Pergau, there were two gold mines which were controlled by a group of Chinese. Tin mining was also controlled by the Chinese at the lower part of Sungai Galas [4].


During the 13th century, Kelantan was annexed by Palembang. Unfortunately, by the 14th century, it fell to Majapahit. In the 15th century, Melaka conquered Kelantan. Subsequently, Kelantan was then under the

protection of Pattani, and much was taken over by the government of Siam later on with a payment of 30 katis of gold payable yearly to the Siamese. In 1798, Long Yunus became the Sultan of Kelantan under the protection of Siam (1798-1800) [4].

During the earlier days during the reign of Sultan Muhammad IV, Salleh was known as "Budak Raja". He was attached to the Raja Muda hence serving the palace of Kelantan as one of the warriors. As he was holding that position, it was paramount that he had weapons of defense and offence. He wore a kris (long dagger), a badik (short dagger), and a lembing (spear) as his vital weapons.

Much later during the reign of Sultan Muhammad IV, state policies were determined by the chieftains of the state. However, the daily management for the interior districts of the state were administered by Tok Kweng who were then given the responsibility for crime prevention, capture of criminals, looking after peace and integrity, and carrying out whatever orders received from the chieftains and the Sultan. It was during this time that "Budak Raja" Salleh was promoted to a Tok Kweng rank (at the present time a Tok Kweng is called "Penggawa"). He was then given the responsibility to be in-charge of Daerah Kusial.

In Kelantan, Tok Kweng Salleh in his capacity as a warrior would have worn an outfit made up of the "Baju", two pieces of cloths "Kain Punca Potong", each measuring about 2 meters long and 0.75 meter broad, and a shorter cloth. The "Baju" has a round neck or better known as "cekak musang" with three buttons extending down to mid chest and short sleeves extending to the elbow. Azah Azlz had such a warrior appearing like below [5]:



Tok Kweng Salleh's Kris is categorized as belonging to the regions of Semenanjung Tanah Melayu and archipelago including Riau-Lingga and Pattani. His kris is a straight-bladed kris measuring 40cm in length, and 9-0.5 cm in breadth from top to bottom. The blade (bilah) is made up of a mixture of iron and nickel, the components of which are termed namely as "puting", "ganja", "tulang keris", "mata keris", "kerawan", "janggut", "lidah gajah", "belalai gajah", "kepak gajah", "tuntong keris" and "buntut".

The hilt (hulu) is made up of a whale's tooth, adorned with gold. The hilt is of the type "Jawa Demam" (Feverish Javanese) that looked like the shape of a Javanese wearing their traditional head dress called "Belangkon", with both arms clasped around his chest. It is still uncertain if it represents a Javanese man suffering from fever, or he was merely feeling cold.

The scabbard is made up of three parts: the "Sampir" which is shaped like a boat seating on top of the "Sarung" which is not broad, but tapered towards the end. At the end of the "Sarung" is the "Buntut" or "Kasut" which is a small button sealing the end of the "Sarung". The scabbard is made of a very rare and strong wood derived from the Kemuning tree.



Showing the 3 components: blade, hilt, and scabbard of the Kris Panjang Sepukal Melela Tok Kweng Salleh.



Jawa Demam hilt of the kris, with a golden "Pendokok" embracing the base.



The author with Kris Panjang Sepukal Melela Tok Kweng Salleh.

Occasionally, the author imagines how Tok Kweng would have looked like in his outfit as a warrior during the time he served as a warrior. Based on the description of a Kelantanese warrior by Azah Aziz [4], the author tried to visualize the outfit by dressing himself up. The picture below depicts the author's visualization of how Tok Kweng would have looked like with his kris.

Fifteen years ago, the author wrote a poem about Tok Kweng Salleh's warrior kris. He had often recited the poem on several occasions that included his theatrical performance which explains the use of the kris:

*Ini kris Sepukal Melela
ditinting pandai besi Gunung Cinta Wangsa.
Dimurni pendita di tepian tasik,
Tanah Serendah Sekebun Bunga.*

*Lidah Tiung meniti Tulang
Tulang ditinting tujuh temuan.
Tuntong kris memadam setia
mata kris darah menyembur.
Kris sahabat pada yang setia
menjadi seteru pada yang derhaka.*

*Ini kris Sepukal Melela
disepuh Tok Kweng dengan doa
atas pencak tujuh langkah.
Kita abadikan kris pada negara
buat meneman di laut gelora
buat menyanggah angkara murka.*

*Berbadai di jiwa membela ibunda.
Berapi di mata membela merdeka!*

References

1. Sabri Mohd. Zin: Long Yunus Putera Istana Berhati Waja. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur 1999. pp 34.
2. Shamira Bhanu (Ed): The Crafts of Malaysia. Tien Wah Press. Singapore 1997. pp 178-179.
3. http://www.unesco.org/culture/intangible-heritage/17apa_uk.htm
4. Shahril Talib: History of Kelantan. The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. Academe Art & Printing Services Sdn. Bhd., 1995. pp. 7-21.
5. Azah Aziz: Rupa & Gaya Busana Melayu. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangl, 2006. pp. 256, 259.

Further reading

1. A. Aziz Deraman, Baharin Ilias: Kelantan - Sejarah, Adat dan Warisan. Pustaka Aman Press Sdn Bhd. Kota Bharu, 2018. ■

CEK MEK MOLEK

TILIK ASPEK BAIK

Oleh: Zanazanzaly Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Mata batin (atau dipanggil mata lendir oleh masyarakat Kelantan pada era 50-an) merujuk kepada gerak hati (intuisi) yang berpunca dari jiwa yang tulus dan jernih untuk menilik (melihat dengan teliti) setiap aspek baik yang terserlah melalui perlakuan manusia.

Indera ke-6 yang hebat ini sentiasa mempamerkan imej murni kepada mata zahir secara tertib bersistematik melalui penglihatan sehinggalah terbit pada pandangan, objek yang cantik lantaran mata batin telah mentafsirkan ia adalah baik.

Nenek moyang Melayu-Islam yang warak dan bijak merumuskan hakikat kecantikan sejati bermula dengan sifir bersangka baik dengan Allah SWT akan menjadikan hamba-Nya cemerlang berjaya. Komunikasi mesra sesama insan pula pasti menerbitkan rasa riang gembira manakala interaksi manusia dengan alam bakal mencipta tenang bahagia.

Formula ini diaplikasikan dalam kehidupan seharian dengan menilik aspek baik seseorang dan menutup aib sesama sendiri demi menjaga maruah serta menyobek segala kerja seharian sampai molek. Dari sinilah, leluhur kita mulai mencipta resipi bernama Cek Mek Molek sebagai simbolik falsafah berbuat yang terbaik secara vertikal (habblun minallah) dan horizontal (habblun minannas) tanpa berasa diri sendiri serba-serbi molek.

Penyediaan Cek Mek oleh Puan Zubaidah Mat Lazim, Kg. Kulim Beris Kubor Besar, Bachok.

Diam-diam ubi berisi

Kuih tradisional negeri Cik Siti Wan Kembang bernama Cek Mek Molek juga berkait rapat dengan peribahasa diam-diam ubi tetapi berisi bagi menggambarkan peribadi seseorang yang tidak suka menyombong diri meskipun mempunyai banyak kelebihan berbanding orang lain. Biasanya mereka suka menabur jasa bakti secara senyap-senyap atas sifat tulus ikhlas dan menjauhi riak dan ujub.

Itulah pengajaran bagi anak cucu buat pedoman melalui resipi kuih Cek Mek Molek yang direka khusus oleh leluhur sejak turun-temurun terutamanya apabila tiba musim tengkujuh. Waktu itu, ubi-ubi keledak atau popular dengan nama "ubi stelo" dalam kalangan rakyat tempatan, perlu digali segera dari dalam tanah supaya tidak musnah ditenggelami bah.



Ubi keledak kuning atau "ubi stelo" ini mempunyai rasa manis.

Khazanah daripada tanah

Lazimnya pada musim tengkujuh, apakala hujan sudah teduh, ayah mencapai "cok betul" (cangkul bermata lurus) dan terus mengajak anak teruna pergi menggali ubi di belakang rumah seraya membaca surah Asy-Syu'ara ayat 7 yang bermaksud: "Dan apakah mereka tidak memperhatikan bumi, berapakah banyaknya Kami tumbuhkan di bumi itu berbagai macam tumbuh-tumbuhan yang baik?" sebaik sahaja mata cok menyentuh tanah.

Serta-merta teruna teringat azimat bacaan datuk sewaktu menanam benih keledak ungu itu dahulu dengan menghadap kiblat datuk cermat membaca surah Al-Waqi'ah ayat 64 yang bererti: "Apakah kamu yang menumbuhkan atau Kami yang menumbuhkannya?"

Teruna menjawab segera dengan mukaddimah surah al-An'am ayat 95 yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah menumbuhkan butir tumbuh-tumbuhan dan biji buah-buahan." Amalan seni bertani atuk perturunkan kepada bapa dan cucu sebagai legasi untuk dilestarikan selama hayat dikandung jasad.

Demikianlah aktiviti membasahkan lidah dengan melazmi bacaan ayat-ayat al-Quran diwarti daripada generasi ke generasi. Oleh itu, seraya merebus 500

gram ubi keledak kuning atau ungu bersama secubit garam sehingga empuk, nenda berbari kepada anak cucu supaya menghadam sebahagian inti pati surah al-Hujurat ayat 12 yang bermaksud; *Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan kealban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain.*



Kupas dan potong isi keledak bagi memudahkan dan mempercepatkan proses rebusan.

Memanfaatkan diri

Menurut nenda, keledak ungu dan kuning paling sesuai dijadikan Cek Mek Molek kerana isinya kental dan tidak lembek atau mudah pecah "berdeney" ketika direbus atau dikukus dengan air garam. Kemudian, isi keledak yang sudah empuk kemudiannya ditos sebelum dilenyek hancur lalu diadunkan bersama 125 gram tepung gandum dan setengah sudu teh garam sehingga sebatl dan membentuk doh.



Dilenyek supaya hancur.



Adunan membentuk doh.

Apabila doh tersebut sejuk, nenda menunjuk ajar cara-cara membentuk rupa kuih Cek Mek Molek yang membujur rapi pada hujung dan pangkalnya kepada anak cucunya. Bentuk bujur seperti buah kana itu amatlah elok menyangga badan kuih tradisi tersebut yang besar ditengah-tengah sebagai refleksi pemahaman sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi orang lain" (Riwayat Ahmad, at-Thabrani dan ad-Daruqutni).

Bagi mengelakkan adunan doh tersebut melekat pada tangan, bonda melumurkan tapak tangannya dengan tepung gandum setiap kali mahu membentuk adunan menjadi bujur melalui proses berikut; bulatkan adunan doh bersaiz bola ping-pong, leperkan di atas tapak tangan pada kadar sederhana tebal, kemudian masukkan gula hujung sudu teh (atau satu sudu jika mahukan lebih manis, bergantung kepada selera masing-masing) dan kemudian tutup balik perlahan-lahan adunan itu menjadi bentuk panjang membulat dan runcing di kedua-dua hujungnya.



Bentuk elok

"Sifat bujur pada kulit luar hasil gabungan isi keledak rebus/kukus, tepung gandum dan garam serta air itulah perlambangan unsur kebaikan bertindak sebagai pelindung gula putih yang dimasukkan dalam anggaran seujung sudu teh sebagai inti kuih", kata nenda.

Tambahan pula, menurut nenda lagi gula ini akan cair ketika kuih digoreng dan jika kulit luarnya tidak sempurna dibentuk, maka isinya pasti meleleh keluar menyebabkan Cek Mek Molek kurang sedap sebab kemanisannya sudah tiada.

Ketika leka menolong bonda membentuk kuih Cek Mek Molek, gadis teringat manfaat keledak dari sudut kesihatan. Anak dara itu pun mula bercerita tentang vitamin B6 dalam isi keledak dapat membantu mengurangkan larutan kimia homosisteina di dalam badan. Homosisteina dikaitkan dengan penyakit degeneratif termasuk serangan jantung, pembentukan tulang dan gigi, penghadaman, dan pembentukan sel darah.

"Ia juga baik untuk menyembuhkan selesema dan virus influenza. Vitamin C juga mempercepat penyembuhan luka dan menghasilkan kolagen yang membantu mengekalkan keanjalan kulit bak remaja", seloroh gadis sambil mencuit manja pipi mulus bondanya.

Indikator iman

Sebaik sahaja mendengar manfaat keledak, bonda segera mengambil peluang menjelaskan pengajaran inti pati hadis riwayat Ahmad, at-Thabrani dan ad-Daruqutni di atas. Menurut bonda, Rasulullah SAW menganjurkan kepada kita sebagai umat Islam supaya

sentiasa berbuat baik dengan memberi manfaat kepada orang dan mahluk yang lain.

"Hal ini menjadi indikator mukmin sebenar kerana setiap perbuatan pasti kembali kepada si pembuat. Contohnya kita memberikan manfaat kepada orang lain, maka manfaatnya akan kembali untuk kebajikan diri kita sendiri dan juga sebaliknya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 7: *Jika kalian berbuat baik, sesungguhnya kalian berbuat baik bagi diri kalian sendiri*", kata bonda.

Apabila siap kesemuanya doh dibentuk menjadi bujur seperti bola ragbi bersaiz mini, maka proses menggoreng Cek Mek Molek pun bermula. Pesan nenda, lebih molek menggoreng kuih yang banyak zat itu berperingkat-peringkat supaya ia tidak lama terbiar agar gula di dalamnya tidak menyerap keluar. Oleh itu, apabila siap 10 biji doh seperti bola ragbi mini tersebut, bonda pun terus menggoreng dahulu dan proses membentuk adunan diberhentikan seketika.

Pendidik jiwa

Nenda menyambung peri mengenai falsafah kehangatan minyak menggoreng sebagai simbolik ujian pendidik jiwa manusia untuk melihat setiap kesusahan, musibah, bala dan seumpamanya dengan mata hati yang positif.

"Setelah menghayati hakikat ujian, kita sentiasa tenang kerana musibah dipandang sebagai nikmat dan dalam sabar tetap ada syukur yang menerbitkan reda dan pengharapan serta pergantungan mutlak kepada Allah semata-mata. Sebagaimana bahagiannya perasaan apabila melihat warna keemasan kuih Cek Mek Molek yang digoreng garing di luar dan lembut manis di dalam," hurai nenda.

Selesai menggoreng peringkat pertama, si gadis menyambung kembali proses membentuk-bujurkan Cek Mek Molek dan meneruskan sesi menggoreng kesemua kuih sehingga selesai lalu dihidangkan kepada keluarga dan dihulurkan kepada jiran tetangga.



Sambil menjamah hidangan dan bersembang santai, amatlah sesuai disampaikan falsafah dan ibrah tersirat di dalam resipi tradisi yakni mendidik diri supaya sentiasa menilik aspek baik seseorang dan selalu berbuat baik.

Namun jangan sampai kita merasakan diri sendiri terbaik, seumpama khasiat daripada zat keledak yang tersembunyi dalam rupa unik dan menarik jelmaan kuih Cek Mek Molek. ■

Masjid ar-Rahman

Penyatuan insan, alam dan Tuhan

Oleh: Rezan Zamre
Foto: Ahmad Na'ime Muhammad



Kelantan terkenal dengan destinasi pelancongan menarik bergeografikan hutan malar hijau, tanah tinggi, pantai, sungai serta monumen bersejarah dan moden yang memukau pandangan dan melapangkan fikiran serta menenangkan jiwa. Negeri ini juga tersohor sehingga menerima julukan Serambi Mekah dan Negeri Tadahan Wakyu kerana kepesatan pembangunan insaniah dengan kehadiran sarat pengunjung ke majlis ilmu setiap masa kerana sinonimnya rakyat Kelantan majoritinya kuat pegangan agama dan sering bertemu di masjid terutama waktu solat dan untuk mendengar kuliah.

Tujuh kilometer dari Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, masjid ar-Rahman kian menjadi sebutan dan menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara. Terletak di Pulau Gajah, lokasi ini dihuni oleh golongan nelayan dan petani. Perjalanan ke sana memakan masa satu jam melalui dua jalan utama; dari Kemumin mengambil simpang ke kampung Pulau Belanga menyeberangi sebuah jambatan, manakala laluan dari pangkalan udara di Pengkalan Chepa ke Pantai Sabak melintasi Sungai Gall. Walaupun agak berliku namun panorama tetap indah dengan pemandangan permai desa dan deretan rumah nelayan di sepanjang jalan.

Latar sungal

Singgah di masjid ar-Rahman adalah kenangan manis buat pengunjung sebagaimana tercatat dalam kalendar pelancongan Kelantan kerana masjid ini amat unik dari segi reka bentuknya dan keaktifan aktiviti setempat pada siang dan malam harinya. Selain daripada menunaikan solat, mereka mendengar kuliah agama dan berbincang serta bermesyuarat untuk urusan seharian di masjid tersebut. Di samping itu, pihak pentadbir masjid turut menyantuni para jurugambar yang sering membuat sesi fotografi pasangan pengantin mahupun pelancong yang berkunjung untuk menikmati keindahan seni bina dan landskap monumennya.

Masjid ar-Rahman ini terbina hasil sumbangan anak tempatan yakni pemilik kolam ikan berhampiran tapak masjid iaitu Datuk Haji Wan Arif Wan Hamzah yang telah sudi mewakafkan sebidang tanah paya bakau seluas kira-kira 7,000 kaki persegi. Hasilnya tersergam sebuah masjid unik dengan struktur binaan 90% kayu jati yang diimport khas dari Pulau Jawa serta beberapa komponen utama iaitu pintu serta tiang dari pelbagai negara.

Kombinasi reka bentuk

Menurut Imam Tua masjid, Hasan Mahmood, kedudukan masjid gabungan seni bina Melayu Kelantan, Indonesia, Turki dan Yaman ini amatlah strategik kerana dikelilingi oleh Sungai Pengkalan Datu serta Sungai Gall yang menjadi nilai tambah seolah-olah binaan ini berada di tengah-tengah pulau.

"Konsep hiasan dalaman diilhamkan daripada gabungan elemen kesenian binaan Turki, Maghribi, India, Indonesia dan Maghribi. Lima tiang seri ini menggambarkan lima rukun Islam sebagai pegangan umat Islam manakala 13 tiang diletakkan dalam kawasan masjid melambangkan 13 rukun sembahyang," cerita Hasan terperinci.

Di sebelah kanan masjid kelihatan sebuah pintu berukiran asal serta doa bertulis khat surah ar-Rahman bersempena nama masjid. Di bawahnya pula terdapat ukiran doa memasuki masjid. Memandang ke kiri, kaligrafi surah al-Mulk menghiasi pintunya duplikasi dengan sebelah kanan. Mendongak ke siling gantung berhiaskan anyaman buluh, jiwa kita memahaminya bahawa kebanyakan bahan asasnya adalah kayu jati yang diukir bermotifkan kedamaian alam semesta.

Aksesori import

Menurut siaknya, Mohd Suhaimi Abd Rahman, di sebelah kanan kiri masjid pada ruang masuk terdapat ukiran ayat empat Qul manakala di bahagian hadapan terdapat ukiran surah Yasin. Sementara di sekeliling papan layar pula diukir dengan Allahul-Malikul-Mulk dalam bentuk khat menggunakan kepakaran pengukir dari Jepara, Indonesia. 10 batang kayu cengal dari hutan Hulu Kelantan juga menjadi penyeri dalam pembinaan masjid ini.

"Bukan itu sahaja, banyak juga hiasan dalam masjid ini diperolehi dari negara luar misalnya dua batang pokok tamar diimport dari Timur Tengah menyerikan lagi kawasan mimbar," ujar Mohd Suhaimi.

Menyusuri jalan tepi masjid tersebut terdapat pohon kelapa dan batu-batan yang diukir dengan ayat al-Quran. Terdapat tiga tempat istirahat disediakan untuk pengunjung. Di samping itu terdapat satu menara yang diperbuat daripada kayu. Di bahagian bawah disediakan ruang wuduk menggunakan paip berkepala tembaga diimport dari Turki. Siar kakinya pula berdekorasikan marmar berbentuk kayu.

Memasuki ruang masjid pula terdapat pemegang pintu sebelah kanan berukuran lebih kurang 500sm berukir khat huruf Allah dan di sebelah kiri pula ejaan Muhammad. Masjid berkapasiti seribu jemaah ini mengekalkan ciri tradisional Kelantan melalui pemi-dang anyaman buluh di ruangan solat wanita manakala bahagian atas mihrabnya terbentang tulisan khat surah Yasin. Dua tiang hijau diukir dari pohon kurma ketara mempamerkan elemen timur tengah. Penambah seri dekorasi ialah sebuah pintu yang diambil dari kerajaan al-Muqtasimillah Shah, Damsyik.



Batu diukir dengan ayat al-Quran menambah keunikan masjid ini.



Terdapat tiga empat istirahat disediakan kepada pengunjung di tepi sungai.




Kepala paip tembaga berukir ini diimport dari Turki.



Pemegang/kunci pintu berukiran khat Allah dan Muhammad.



Menara yang diperbuat daripada kayu ini turut mengandungi ruang wuduk.



Mesra OKU dan warga emas

Paling menarik, pembinaan masjid ini sangat praktikal kerana bukan hanya cantik tetapi pembinaanya tidak melupakan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas yang uzur.

Jarak ketinggian bendul masjid dengan tandas dan kawasan mengambil wuduk hanya berselang dua anak tangga dan disediakan juga laluan kerusi roda bagi kemudahan golongan OKU. Di samping itu, masjid ini turut menyediakan tandas duduk bagi kegunaan jemaah uzur dan satu sahaja tandas cangkung di kedua-dua bilik air lelaki dan wanita, berbeza dengan masjid lain di kawasan luar bandar.

Menurut bilalnya, Rahim Yusuf, beduk yang berada di penjuru masjid akan dipalu beberapa detik mendahului laungan azan bagi kemudahan OKU (cacat pendengaran), mereka akan melihat aksi pemukul beduk untuk mengetahui masuknya waktu solat.



Laluan untuk kerusi roda bagi memudahkan golongan OKU.



Pemidang anyaman buluh digunakan bagi memisahkan ruang solat muslimat.



Kawasan tandas muslimin.



Lima tiang seri ini menggambarkan lima rukun Islam sebagai pegangan umat Islam.



Elemen Timur Tengah dipamerkan melalui dua tiang hijau yang diukir daripada pohon kuma.



Raka bentuk tingkap dari atas ke bawah di sekeliling bangunan masjid secara tidak langsung membuka laluan angin.



Masjid ini dikelilingi oleh Sungai Pengkalan Datu dan Sungai Gali menjadikannya seolah-olah berada di tengah pulau.



Air hujan dikumpul untuk kegunaan air pancut di sekeliling masjid sebagai salah satu langkah penjimatan air.

Kemesraan sesama jemaah amatlah dititikberatkan oleh pihak pentadbir masjid dengan ahli kariah dan pelancong. Sikap keterbukaan dan kesediaan menerangkan informasi mengenai seni bina masjid amat jelas dan mudah difahami.

"Modul ceramah yang disediakan oleh Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dan dasar Merakyat Membangun Bersama Islam janaan kerajaan negeri Kelantan diguna pakai oleh pihak jawatankuasa masjid berjaya mendidik para ahli kariah tempatan dan mendorong pengunjung serta masjid ar-Rahman prihatin terhadap kebersihan bagi mengekalkan keindahan masjid. Penghayatan slogan "Kebersihan nifsu iman" dijadikan amalan seharian bukan ketika beribadah sahaja," ujar Rahim.

Sinergi pakar

Cita rasa dan idea Datuk Haji Wan Arif dalam menazirkan ketelitian seni tampak (halus) bagi mereka yang mampu mentafsir serta mendalami erti ketakwaan seseorang insan kepada Tuhannya serta kecintaan terhadap alam semesta diterjemahkan ke pelan cetak biru oleh seorang arkitek dari Pasir Mas.

Kemudian pelan cetak biru itu pula direalisasikan oleh enam pakar pereka dalaman dari Indonesia bagi mendapatkan keaslian seni ukiran yang dikehendaki menepati soslobudaya dan keterampilan jati diri seni bina Kelantan berteraskan kehalusan motif ukiran tiga dimensi iaitu secara vertikal Tuhan-Insan-alam dan secara horizontal yakni sesama manusia.

Ketika air pasang, jelas kelihatan ikan-ikan bebas berenang dalam air jernih di sekeliling masjid dilatar kegirangan kanak-kanak mandi-manda di sungai tersebut menjadikan seharian berada di masjid tersebut merupakan satu kenangan yang manis lagi menyeronokkan dek interaksi unsur alam yang mengagumkan.

Guna tenaga hijau

Bukan sahaja dari segi luaran masjid ini bercirikan tradisional berilhamkan konsep binaan Masjid Kampung Laut (masjid tertua di Malaysia), tetapi pihak pembina dan artekiknya turut menerapkan ciri teknologi hijau demi mewujudkan suasana masjid yang mesra alam.

"Tanpa menggunakan penyaman udara, masjid ini tetap dingin dan selesa di bahagian dalam kerana binaan tingkap dari atas ke bawah di sekeliling bangunan ini secara tidak langsung membuka laluan angin. Kami juga mengumpul hujan untuk kegunaan air pancut di sekeliling masjid yang turut menyumbang kepada elemen kenyamanan masjid dan takungan air hujan ini juga digunakan untuk menyiram pokok pada musim kemarau sekali gus menjimatkan bil air," hurai Hasan lebih rinci.

Pujian harus diberikan terutama kepada pemilik dan pentadbiran masjid ar-Rahman kerana tanpa inisiatif pemilik dengan kerjasama semua pihak, tiadalah wujud sebuah lagi monumen indah lagi unik dalam kalendar pelancongan negeri Kelantan. ■



Oleh: Zananzaly Foto: Koleksi peribadi

Dato' Kepten Profesor Emeritus Dr. Hashim Yaacob

Pendeta dan pujangga negeri Kelantan

Hashim Yaacob merupakan mantan Naib Canselor Universiti Malaya dan mantan Naib Canselor kepada empat buah universiti swasta selepas itu. Beliau diiktiraf dalam ilmu kepakarannya iaitu Penyakit dan Perubatan Mulut oleh institusi-institusi terkemuka dunia iaitu The Royal College of Surgeons of England; The Royal College of Pathologists of United Kingdom; The Royal College of Pathologists of Australasia; The Institute Biology of United Kingdom dan; The Academy of Science Malaysia.

Beliau dilantik sebagai profesor di Universiti Malaya pada usia 37 tahun dan telah menulis serta membentangkan sebanyak 250 kertas kerja saintifik dan telah menulis buku, bab dalam buku, menterjemah buku, menyunting dan mengulas buku sebanyak 33 jumlahnya. Beliau telah memenangi sebanyak 21 pingat emas, perak dan suasa bagi ciptaan saintifik di peringkat antarabangsa dan kebangsaan.

Beliau merupakan pemeriksa luar bagi ijazah di beberapa universiti di luar dan dalam negara, dan telah memeteraikan perjanjian kerjasama dengan lebih kurang 50 universiti termasuk Cambridge, Oxford Centre of Islamic Studies, Carnegie Mellon, Frankfurt, Melbourne, Seoul Nasional, Peking, Fudan University, Xiamen, Cairo dan National University Singapore. Beliau telah mempengerusikan penubuhan Universiti Malaysia Kelantan, International University College of Nursing Malaysia, dan Meritus University Malaysia.

Dalam bidang sastera dan kebudayaan, Hashim Yaacob telah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia bagi antologi puisi "Aku Hanya Mahu ke Seberang"; Hadiah Sastera Kumpulan Utusan bagi kategori puisi; Hadiah Sastera Utusan Melayu dan Public Bank. Beliau telah mengarang sebanyak enam antologi puisi dan menyunting tiga buah. Sebanyak 12 puisinya telah diterbitkan dalam antologi-antologi puisi pengarang-pengarang lain. Beliau merupakan deklamator puisi yang prolifik. Dalam bidang lukisan, beliau telah

mengadakan pameran sebanyak 10 kali. Beliau juga adalah dalang wayang kulit dan pernah mempersembahkannya di dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, Arab, Mandarin, Tamil dan Jepun sekali gus melengkapkan sifat kependetaan dan kepujangaan pada dirinya.

Pendeta merujuk orang bijak pandai, seperti dengan cendekiawan/ilmuan/terpelajar dan intelektual. Ia satu kurniaan nikmat rezeki berupa kualiti memiliki kemahiran berfikir aras tinggi menggunakan akal budi dan molek pula budi bahasanya sehingga kita leka mendengar pendeta berbicara dengan hikmah dan hemah. Setiap tutur kata ataupun tulisan ahli fikir ini biasanya tersusun indah bagaikan seuntai mutiara kata atau rangkap syair pujangga. Oleh itu, pendeta juga sinonim dengan pujangga (ahli sastera) yang dirujuk khusus dalam makalah ini sebagai pemulsi bermutu tinggi.

Qladah edisi ke-21 meralkan tokoh anak jati Kelantan yang memiliki pelbagai kemahiran. Tokoh tersohor tersebut bergelar Dato' Kepten Profesor Emeritus Dr. Hashim Yaacob (selepas ini disebut Dato' Hashim) yang berpengalaman luas dalam pelbagai bidang keilmuan khususnya sebagai ahli akademik hebat selama 33 tahun, pentadbir, pendidik, tentera, motivator, penyair, deklamator, dalang Wayang Kulit, penulis dan pelukis.

Barangkali, atas keistimewaan inilah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Ahli Yang Pertama Seri Paduka Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (SPSK) pada tahun 2004 dan Dato' Paduka Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (DPSK) (Komander) pada tahun 1997 kepada beliau. KDYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong juga telah berkenan menganugerahkan kepadanya pingat tentera Pahlawan Angkatan Tentera (PAT) pada tahun 2005.

Cemerlang dari awal

Mengimbas rekod kecemerlangan pendidikan, beliau berjaya mendapat lima kepujian dalam peperiksaan LCE di sekolah bukan berasrama pada tahun 1965 dan merupakan salah seorang pelajar Malaysia terbaik dalam peperiksaan LCE pada zamannya. Kemudian, beliau mendapat Gred Satu dengan agregat yang amat cemerlang dalam peperiksaan Overseas Senior Cambridge/Malaysian Certificate of Education 52 tahun yang lalu. Setelah itu beliau ke ITM dan Universiti Otago, New Zealand.

Lima tahun kemudian, anak kedua kepada pasangan penoreh getah Yaacob bin Taib dan Aminah binti Jusoh yang buta huruf, bersekolah di kampung serba kekurangan memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Fakulti Pergigian Universiti Malaya pada tahun 1975. Di sinilah anak kelahiran Kampung Batu Hitam, Tanah Merah itu mengembangkan kerjayanya sebagai pensyarah setelah melanjutkan pelajaran di Universiti London dan The Royal College of Surgeons and Physicians of Glasgow, United Kingdom.

Seterusnya, profesor terbilang dalam bidang perubatan mulut ini mendaki satu demi satu anak tangga kejayaan dalam kerjayanya sehingga menjadi Ketua Jabatan, Profesor Madya, Timbalan Dekan, Dekan, Profesor termuda pada waktu itu, Timbalan Naib Canselor dan menamatkan perkhidmatan ke jawatan pentadbir tertinggi di sebuah institusi pengajian tinggi terulung dan berprestij negara yakni sebagai Naib Canselor, Universiti Malaya.

Rekod kecemerlangan

Dato' Hashim telah dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus oleh UM dalam Istiadat Konvokesyen Ke-54 bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangan besar yang diberikannya kepada UM dalam bidang sains pergigian dan kesihatan selama menggalas taklif sebagai Profesor pada tahun 2015. Pada tahun 2019, beliau telah dianugerahkan ijazah tertinggi dalam bidang sains kedoktoran gigi iaitu Doctor in Dental Science (DDSc Hon).


"Antara kepuasan saya dalam kerjaya ialah berjaya mendapatkan status Ijazah Pembedahan Pergigian yang dikeluarkan oleh UM yang merupakan satu pengiktirafan tertinggi daripada Majlis Pergigian Great Britain (GDC) pada tahun 1997. Presiden GDC, Dame Margaret Seward menyatakan, plawalan program Fakulti Pergigian UM adalah setaraf dengan yang terbaik di dunia."

Kata pemegang rekod sebagai anak Kelantan dan rakyat Malaysia pertama yang menerima anugerah Foundation Fellow dalam bidang Penyakit dan Perubatan Mulut daripada The Royal College of Pathologists of Australasia, juga Fellow daripada The Royal College of Surgeons of England, dan juga Fellow daripada The Royal College of Pathologists of the United Kingdom.

Kecintaan kepada bahasa ibunda

Saintis, pentadbir dan penyair ini telah membuktikan kecintaan terhadap bahasa ibundanya dengan gigih mendaulatkan martabat Bahasa Melayu ke kemuncak tertinggi sebagai bahasa ilmu dunia setara dengan bahasa Sepanyol, Itali, Belanda, Perancis dan Jerman dengan berjaya mendapatkan pengiktirafan daripada GDC untuk Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (BDS) dari Universiti Malaya pada tahun 1997.

Pengiktirafan dunia bagi kursus Ijazah bergelar BDS yang diajar sepenuhnya dalam Bahasa Melayu yang



ditauliahkan GDC sekali gus meletakkan Malaysia sebaris dengan BDS dari Sepanyol, Itali, Belanda, Perancis, Jerman yang menggunakan bahasa mereka sendiri sebagai medium pengajaran.

Nah, inilah bukti ketinggian akal bestari dan akal budi dimiliki oleh pendeta dan pujangga negeri Kelantan ini dalam menyeimbangkan kesepaduan ilmu akademik dan kesamarataan bahasa dan bangsa yang ternyata sedarjat di sisi Allah SWT.

"Akal budi dan budi bahasa inilah pedoman asas saling melengkapi antara faktor akal dan jiwa yang mengentalkan keyakinan dan kepercayaan terhadap manfaatnya. Al-Quran dan Sunah Rasulullah SAW adalah punca pedoman yang mutlak kepada manfaat itu. Menolak faktor nakliah (wahyu) bermakna pemikiran menjadi mekanistik, tanpa roh dan hala tuju." Jelas Profesor Patologi Oral dan Perubatan Mulut Universiti Malaya selama 22 tahun itu yang juga memiliki Diploma Pengajian Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Semangat patriotik

Sebagai penyelidik, Dato' Hashim mencurahkan keintelektualannya dalam memartabatkan ilmu dan kepakaran beliau di persada dunia dengan mengarang lebih daripada 107 kertas saintifik, 162 persembahan kertas persidangan bidang pergigian, dan menyunting tujuh buku mengenai pendidikan.

"Syukurlah saya telah berjaya membawa Peperiksaan Kepakaran Pergigian (FDSRCS Eng) yang dikendalikan oleh Royal College of Surgeons of England) ke Kuala Lumpur. Kejayaan itu membolehkan rakyat Malaysia dalam bidang Kedoktoran Pergigian jika mahu menjadi

pakar, boleh menduduki peperiksaan tersebut di Kuala Lumpur, dan tidak lagi bersusah payah ke United Kingdom." ujar cendekiawan yang dianjari Anugerah Saintis Cemerlang (Saintis Cemerlang) oleh Kementerian Tinggi Pendidikan selama 2 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2004 dan 2005.

Untuk pertama kalinya, beliau telah berjaya menubuhkan Ijazah Pascasiswazah dalam Pergigian iaitu PhD, MClintDent, MComDent, MOrth, MDS, MDSc di Universiti Malaya. Dalam tahun 2004, beliau telah berjaya meletakkan Universiti Malaya dalam kalangan 200 universiti terbaik dunia mengikut penarafan THE-QS.

"Kerana semangat ingin menebar ilmu seluasnya menjadi faktor utama saya bersetuju memulakan bagi pihak Universiti Malaya menubuhkan Jabatan Pengajian Malaysia di Universiti Kaherah, Mesir pada tahun 2005. Manakala cinta kasih kepada Kelantan, memujuk saya bersetuju menjadi Pengerusi Panel Pendidikan untuk Majlis Kemajuan Negeri Kelantan pada tahun yang sama. Panel inilah yang bertanggungjawab merangka kurikulum akademik untuk penubuhan Universiti Malaysia Kelantan", tambah ilmuwan penerima Anugerah Integriti Profesional Sepanjang Hayat oleh Balai Ikhtisas Malaysia dan Rotary International pada tahun 2009.

Lebih membanggakan, semangat keperwiraan yang membara mengajarnya untuk berkhidmat dalam Pasukan Sukarelawan Simpanan Tentera Laut Diraja Malaysia sehingga mencapai pangkat Kepten (Kolonel), dan dianugerahkan Pingat Pahlawan Angkatan Tentera (PAT) oleh SPB Yang DiPertuan Agong pada tahun 2005.



Pujangga terbilang

Di samping menjadi ahli akademik dan pentadbir universiti yang disegani, Dato' Hashim juga tersohor sebagai seorang pengamal kebudayaan yang aktif bersilat sambil mendeklamasi puisi, penggiat kesusasteraan Melayu dengan menulis dan menyelenggara penerbitan buku-buku puisi dan pelukis.

Aku Hanya Mahu Ke Seberang, Task Global, Kuala Lumpur, 2000, Air Manik Astagina, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, Air Penawar Sekacang Kelat, Furada Publishing House, 1993 adalah sebahagian

daripada karya berprestij beliau. Manakala Tanah Serendah Sekebun Bunga, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998, dan MISI, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996 adalah buku selenggaraannya.

Bagi pendeta dan pujangga ini, alang-alang menggenggam bara biar sampai jadi arang. Maka bakat kepenyairan beliau dibuktikannya bermutu tinggi setanding dengan sasterawan seangkatan sehingga diiktiraf pada peringkat nasional dengan merangkul kejayaan meraih Hadiah Sastera Utusan-Public Bank 1997 dan Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2000.

Buku puisi beliau bertajuk "Aku hanya mahu ke seberang" telah memenangi anugerah Sastera Perdana Malaysia pada tahun 2001 manakala puisi dengan judul yang sama juga telah diterjemahkan ke dalam 45 bahasa popular dunia. Di samping itu, 30 buah puisinya dalam kumpulan puisi Buluh Seruling - Puisi Pilihan Hashim Yaacob. (Kemanusiaan, Moscow, 2005) telah diterjemahkan ke Bahasa Rusia oleh Dr. Pogadev A. V.

Tambah menarik lagi, jaguh deklamator dan pesilat ini juga mahir mendalangi persembahan wayang kulit versi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di dalam dan luar negara seperti Mesir, Tokyo, Seoul, Singapura dan India di samping berjaya mempamerkan lukisannya secara solo yang dilancarkan oleh Tun Mahathir Mohamad di Holliday Villa Subang Jaya pada tahun 2010. Penerbitan buku puisi berbahasa Inggeris berstatus buku meja kopi yang menterjemahkan makna lukisannya berjudul Painted Axiom terbitan Pekan Ilmu Publications Sdn Bhd, 2010 menjadi pelengkap sifat kependetaan dan kepujanggaannya.

Benih baik tumbuhkan pulau

Sejarah dunia memahat utuh nama Abu Ali Al-Hussain Ibn Abdullah Ibn Sina atau Avicenna di dunia Barat, seorang pakar sains dari Uzbekistan yang hidup antara tahun 980 hingga 1037M kerana penguasaannya dalam pelbagai bidang ilmu sains, falsafah dan sastera telah menjadikannya pendeta dan pujangga yang mencapai kemuncak kecemerlangan tertinggi dalam bidang yang diceburinya. Malaysia juga merakam megah nama Pendeta Zaaba atau Zainal Abidin Ahmad (1895-1973) sebagai sasterawan dan pemikir Melayu kerana sumbangan beliau terhadap ilmu Bahasa Melayu tidak ternilai harganya.

Maka negeri Kelantan turut berbangga memiliki susuk pelbagai kepakaran gabungan unkl ilmu sains dan sastera yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada Dato' Hashim selaku tokoh unggul yang telah menulis 100 artikel dalam akhbar dan majalah mengenai pendidikan, sastera dan budaya yang tersohor seantero dunia kerana sepanjang menjadi pentadbir tertinggi universiti, beliau berjaya membawa keris, serunal, gendang dan puisi masuk dengan gah ke dewan penganugerahan Ijazah.

Sebanyak 1,000 buah rencana mengenai beliau telah ditulis oleh orang lain dalam akhbar dan majalah, mengiakan pepatah benih baik menumbuhkan pulau. Maka tidak keterlaluanlah kiranya tokoh pilihan Qiadah ini digelar pendeta dan pujangga negeri Kelantan. ■

KUMPULAN TEGOH

TERAJU PERNIAGAAN LOGAM DI KELANTAN

ADIK-BERADIK SEPAKAT BINA EMPAYAR NIAGA

Oleh: Rezan Zamre | Foto: Ahmad Nafme Muhammad



Era kontemporari merakam suasana suram dan tidak menentu membuatkan ramai usahawan berwaspada untuk memulakan perniagaan. Kebanyakan aktiviti ekonomi rakyat Kelantan lebih tertumpu dalam sektor pertanian, nelayan, ternakan dan industri hiliran.

Kelantan berada di bawah kepimpinan ulama teknokrat menekankan konsep kesederhanaan dan masyarakat berintegriti demi melahirkan ramai usahawan berinovatif. Peluang dan ruang dalam pelbagai sektor telah berjaya diwujudkan untuk meningkatkan pendapatan.

Hasrat melahirkan lebih ramai rakyat berpendapatan tinggi giat dilaksanakan. Pelbagai projek dirancang mengutamakan kesejahteraan rakyat dan kestabilan

ekonomi berteraskan konsep Merakyat Membangun Bersama Islam.

Usaha kerajaan untuk meningkatkan prasarana di samping kegiatan ekonomi serta merencanakan aktiviti dalam bidang pembangunan kini makin jelas kelihatan. Terdapat banyak pembinaan rumah mampu milik telah diluluskan demi untuk memenuhi permintaan semasa.

Hasilnya terdapat ramai kalangan rakyat menyertai koperasi serba guna dan membuka perniagaan baharu. Banyak pasar raya, kedai serbaneka dan gudang serta premis perniagaan baharu telah dibuka atau dibaik pulih, sekali gus merencanakan aktiviti pembekalan bahan binaan dan logam secara aktif.

Perniagaan warisan

Sektor pembekalan bahan binaan dan logam yang sangat agresif dan dinamik di Kelantan mendorong Mazni Abdul Aziz Fahmy, mengambil keputusan untuk menceburi bidang ini sebagai pembekal keperluan pembinaan di Kota Bharu. Berjenamakan Tegoh Enterprise, syarikat warisan keluarga ini beroperasi di Jalan Pengkalan Chepa (Jalan Tok Guru), Kota Bharu.

Premis ini diuruskan oleh usahawan muda tempatan yang mendapat pendedahan sejak kecil lagi tentang selok-belok perniagaan dengan bantuan lima orang pekerja terlatih iaitu seorang pembantu kedai, seorang pemandu lori serta seorang kelindan penghantar barang.

Perniagaan warisan ayah dan neneknya sejak 81 tahun lalu, kini diusahakan pula bersama suaminya yang mempunyai latar pendidikan dalam bidang agama menjadi daya penarik hati pelanggan.

Untuk kemudahan urus niaga, beberapa set katalog senarai barangan beserta gambar disediakan di meja kaunter untuk para pelanggan membuat pilihan. Perkasasan asas yang selalunya digunakan seperti pemutar skru, tukul, paku, gam, pita pengukur, penuras air, peralatan mengecat, topi dan kasut keselamatan dipamerkan sampelnya ditempat yang mudah dilihat. Selebihnya disimpan rapi dalam stor.

Perniagaan yang kian bertambah maju dan terkenal membentuk 12 buah kedai beroperasi di seluruh bandar utama di negeri Kelantan membentuk Tegoh Group.

Bersih selesa

Perniagaan Tegoh Group berkonsepkan perniagaan usaha sama antara keluarga. Maksudnya setiap syarikat berwbawa ini mempunyai hubungan kekeluargaan antara satu sama lain dalam membekalkan keperluan pembinaan di samping dilantik sebagai pengedar berdaftar cat berjenama Sea Master.

Aspek kebersihan dan keselesaan amatlah menjadi keutamaan. Bermula daripada budaya melayan pe-

langgan, susun atur dalaman dan cara mengambil pesanan berkonsepkan mesra pengguna.

Menurut Mazni, untuk membuka sebuah kedai pembekal bahan binaan dan logam yang berjaya memerlukan pengetahuan asas dalam bidang pembinaan dan berjiwa kental. Modal asasnya purata RM100 ribu manakala modal pusingan RM50 ribu. Waktu operasinya seawal pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan bercuti pada hari Jumaat.

"Formula bekerja berpasukan serta saling bersaing secara sihat ini perlu dijadikan contoh untuk generasi keluarga kami. Walaupun ada antara mereka yang telah bertukar kepada bidang lain seperti kedai jahitan iaitu Tegoh Cemerlang Trading," ujar Mazni.

"Legasi ini masih diteruskan dan makin bertambah maju dari semasa ke semasa. Berdasarkan permintaan yang sentiasa bertambah dari hari ke hari. Penambahbaikan sentiasa dilakukan di samping meneroka bidang baharu yang diperolehi," huraikannya.

"Selalunya bekalan asas didapati daripada pemborong, pembekal dan kilang terutamanya barangan seperti cat dan alatan membancuh cat. Sebab itulah kami bangga dapat menyumbang kepada masyarakat dengan bekalan barangan yang berkualiti pada harga yang berpatutan serta membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat menambah pendapatan," tambahnya lanjut.

Cabaran pesaing

Cabaran utama untuk membuka kedai barang binaan dan logam adalah persaingan dalam kalangan bumiputera. Tidak terkecuali, bencana alam seperti banjir besar melanda Kelantan pada tahun 2014 misalnya merupakan cabaran getir yang perlu dilalui. Barangan habis rosak dan laluan terhalang. Masalah mendapatkan bekalan dan penghantaran stok sering dihadapi terutama bahan kawalan seperti simen. Persaingan harga dan jumlah stok yang kurang mencukupi serta peningkatan harga bahan yang tidak menentu sering dirasai setiap hari. Peningkatan kos sara hidup dan kuasa memilih yang tinggi juga menjadi cabaran utama.

Lokasi	Nama syarikat	Nama Pengurus
Kota Bharu	Tegoh Enterprise	Mazni Abdul Aziz Fahmy
Wakaf Bharu	Tegoh Sabri	Ahmad Sabri Mohd Salleh
Melor	Tegoh Berjaya Trading	Ahmad Luk Luk Mahmud
Ketereh	Tegoh Cemerlang Trading	Noor Aishah Mahmud Maideen
Pasir Mas	Tegoh Hardware Trading	Wan Rosnani Wan Ghazali
Tanah Merah	Tegoh Maju Trading	Mohd Azmi Mohd Salleh
Pasir Puteh	Tegoh Yakin Trading	Hisyamuddin Mohd Salleh
Bandar Kuala Krai	Tegoh Tawakal	Ahmad Lutfi Mohd Salleh
Laloh, Kuala Krai	Tegoh Naza Berkat Trading	Naimah Ahmad Lutifi
Machang	Tegoh Aman Trading	Hussien Zaki Mohd Salleh
Bandar Gua Musang	Tegoh Wawasan Jaya Trading	Asiah Ahmad Lutifi
Gua Musang	Tegoh Takwa Enterprise	Faizah Ahmad Lutifi

Kebanyakan pelanggan datang daripada golongan petani yang berpendapatan rendah dan sederhana. Jadi tahap kuasa beli mereka adalah terhad. Sehubungan dengan itu, kebanyakan barangan yang ditawarkan lebih menyasarkan golongan tersebut. Sahut cabaran

Kemudahan infrastruktur seperti jalan, bangunan yang dibina oleh pihak kerajaan dan kempen "Kelantanku Bersih" anjuran kerajaan negeri Kelantan memberi nilai tambah kepada permintaan semasa terhadap peralatan kebersihan dan keceriaan rumah yang menyumbang kepada pendapatan. Begitu juga penyediaan tapak pelupusan sampah dan kerja-kerja tebus guna tanah di Lembah Sireh menyebabkan limpahan rezeki kepada pemain industri pembekal bahan binaan.

Meskipun keadaan kemelesetan ekonomi kini sedikit sebanyak memberikan kesan kepada iklim perniagaan, namun permintaan kepada bahan asas pembinaan sentiasa ada dan mampu bertahan khususnya pembinaan masjid dan surau baharu serta projek pembesarnya sentiasa memerlukan bahan asas. Kuasa beli penduduk tempatan dalam kalangan bumiputera amat tinggi dengan urus niaga dibuat secara tunai.

Mengakhiri wawancara, Mazni menasihatkan pembaca yang berminat untuk menceburi bidang ini perlulah mendalami dahulu selok-belok pengetahuan dalam bidang pembinaan. Persediaan kewangan yang mantap selain mental dan fizikal adalah asas penting serta sentiasa bersabar, bersikap jujur, kesungguhan dan komitmen tinggi kerana cabaran yang akan dihadapi memerlukan persediaan yang mantap demi berdepan dengan karenah pelanggan yang bakal dihadapi selain pahit-getir dalam mengharungi dunia perniagaan ini.

Kehadiran pelanggan datang memesan barangan dilakukan dengan sempurna. Pendekatan bermusyawarah dan sedia mengemukakan cadangan yang terbaik kepada pelanggan dan bijak mengesyorkan

barangan yang bertepatan mampu menarik minat pelanggan untuk terus mengurus niaga. Sikap ini dipelajari daripada orang tua beliau seperti pepatah kuah tumpah ke nasi.

"Untuk lima tahun akan datang, kami di Tegoh Group mengharapkan agar usaha warisan ini dapat bertahan dan sentiasa berkembang maju selari dengan kemakmuran dan kemajuan negara. Kami merupakan perintis kepada generasi baharu. Mampu bersaing dan ingin menjadi salah satu usahawan yang berjaya dalam bidang berkaitan. Sebetulnya jika tidak mampu memecahkan ruyung manakan dapat sagunya." kata Mazni bersemangat.

"Kami sepakat dan komited menjadikan Tegoh Group satu jenama yang boleh dibanggakan dengan meneroka bidang berkaitan iaitu membekal simen sedia bancuh, mengambil tender kerajaan serta menjadi pemaju. Di samping membuka kilang yang menggunakan sistem IBS serta kilang batu bata. Selain menjimatkan kos ia juga boleh meningkatkan mutu pengeluaran barangan," hurnya terperinci.

Ilmu dan personaliti

"Tegoh Group berharap ramai lagi peniaga bumiputera menceburi bidang ini. Persaingan sihat, penawaran kemudahan kredit untuk mereka yang berpotensi, pengurangan karenah birokrasi serta galakan menerusi pelbagai kursus dapat menarik minat lebih ramai lagi peniaga bumiputera menceburi bidang perniagaan ini. Generasi baharu yang dahulunya berstatus pengguna boleh ditukar menjadi pengeluar dan pemain industri." Ujarnya mengakhiri sesi temu bual.

Kesimpulannya, resipi kejayaan sebenar sesebuah perniagaan amatlah bergantung kepada ilmu dan sikap peribadi. Oleh itu, idea dan kreativiti yang diadakan oleh Tegoh Group amatlah wajar dicontohi oleh generasi pelapis yang memiliki ilmu lebih hebat lagi dengan pembukaan pusat hentian setempat di setiap daerah. Impian ini semuanya dapat direalisasikan jika pelapis muda bermula dari sekarang. ■



KELANTAN SANA SINI

KST NASI ULAM & BUFFET BUKA 18 JAM



RESTORAN KST

Daripada strategi menjadi rangkaian

Restoran KST Selera Nasi Ulam & Buffet, Wakaf Che Yeh.

Oleh: Mustaqim Amir Azuri Mohamed Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Segalanya bermula pada tahun 1998 di Wakaf Che Yeh, Kota Bharu. Pada awalnya ia sebuah perniagaan kecil yang dijalankan secara separuh masa dengan modal permulaan sebanyak RM20,000 dan menunya hanya nasi ayam berharga RM2. Ketika itu, pemiliknya masih bergelar penjawat awam sebelum bersara selepas 30 tahun berkhidmat dengan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN).

Pemilik rangkaian restoran KST, Khir Mohd, menceritakan, pada awalnya mereka tidak mempunyai pekerja dan hanya dia bersama isterinya, Siti Aishah Abdullah, yang menggerakkan operasi kedai makan mereka. Tanpa disangka, nasi ayam RM2 mendapat sambutan hangat dan ia mendorong mereka untuk lebih serlus memajukan perniagaan.

"Perniagaan kami daftarkan atas nama KST, singkatan nama saya dan isteri. Konsep berniaga nasi ayam RM2 pula diambil daripada nasi ayam RM1.90 yang terkenal di tempat kelahiran saya iaitu di Besut, Terengganu. Kami cuba buat di Kota Bharu, Alhamdulillah mendapat sambutan luar jangkaan. Dalam masa setahun, perniagaan ini semakin berkembang dan kami mulai mengambil pekerja. Dari situ juga bermula usaha perluasan rangkaian restoran KST. Ia semakin rancak selepas saya bersara dan selepas anak sulung kami, Mohd Fariz yang merupakan graduan Politeknik ambil keputusan berhenti kerja dengan Petronas untuk bersama-sama dalam perniagaan ini," kata Khir.

70 MAJALAH KORPORAT PMBK



Khir Mohd, pemilik rangkaian restoran KST.

KST Selera Nasi Ulam & Buffet, Wakaf Che Yeh

Tanpa berselindung, Khir memberitahu bahawa usaha memperluaskan rangkaian restoran KST bermula dengan strategi melupakan saingan niaga. Cawangan pertama dibuka adalah Restoran KST Selera Nasi Ulam & Buffet di Wakaf Che Yeh, pinggir bandar Kota Bharu. Premis ini sangat signifikan sebagai tapak mula terhadap usaha perluasan rangkaian restoran KST memandangkan lokasinya yang sangat strategik.

"Bermula daripada strategi tersebut, kini kami telah berjaya membuka sehingga enam cawangan restoran KST di sekitar Kelantan. Ini adalah perniagaan keluarga dan prinsip muafakat adalah resipi kejayaannya. Ia termasuk dalam operasi dan konsep niaga yang kita seragamkan di semua cawangan. Kami juga menggunakan pembekal yang sama untuk ke semua cawangan restoran KST. Modal untuk setiap cawangan adalah RM600,000 berikutan penyeragaman konsep dan operasi kedai. Bagaimanapun modal untuk KST Selera Nasi Ulam & Buffet cuma RM250,000 melibatkan kos pengubahsuaian bangunan asal restoran," katanya.

"Juadah nasi ulam adalah suntikan kreativiti kami sekeluarga. Ia bermula dengan pemerhatian di sekitar Kota Bharu serta lain-lain tempat. Kami dapati restoran yang menyediakan juadah nasi ulam mendapat sambutan positif tetapi kebanyakan hidangan ulam-ulamannya ringkas serta kurang daya penarik," ujarnya.

Berpandukan pemerhatian itu, menurut Khir, mereka sekeluarga cuba membuat kelainan dengan mencari seberapa banyak variasi ulam-ulaman untuk dipersembahkan di restoran KST. Kini semua cawangan restoran KST menyediakan tidak kurang daripada 20 jenis ulam setiap hari.

Usaha itu berjaya menarik pelanggan, terutama pengunjung dari luar Kelantan untuk bukan hanya menjamu selera malah merakam gambar kenangan bersama variasi ulaman yang dipersembahkan. Sekali gus memberi identiti tersendiri kepada Restoran KST Selera Nasi Ulam & Buffet.

"Selain variasi ulaman, kami turut sediakan lima hingga enam pencicah setiap hari, iaitu dari air kicap sehinggalah tempoyak. Budu sudah pasti disediakan kerana ia hidangan tradisi masyarakat Kelantan. Kami turut sediakan hidangan sotong celup tepung KST rangup dan diiktiraf sebagai antara yang terbaik di negeri ini," hural Khir.

KST Selera Ikan Bakar, Wakaf Che Yeh

Kerancangan perniagaan keluarga ini mendorong pembukaan cawangan kedua restoran mereka, iaitu KST Selera Ikan Bakar di Wakaf Che Yeh, Kota Bharu. Menurut Khir, pembukaan cawangan kedua ini adalah usaha mempelbagaikan perniagaan. Berformulakan konsep niaga yang betul, cawangan kedua ini turut mendapat sambutan hangat masyarakat.

"Untuk membuka KST Selera Ikan Bakar ini, saya dan isteri berusaha belajar cara penyediaan ikan bakar termasuk resipi sosnya. Selepas beberapa ketika, kami berjaya cipta resipi sos ikan bakar sendiri yang disempurnakan melalui bantuan serta pandangan daripada pelanggan-pelanggan kami. Resipi itu kami kekalkan sehingga ke hari ini di semua cawangan restoran KST," jelasnya.

Khir sekeluarga bersyukur kerana KST Selera Nasi Ulam & Buffet serta KST Selera Ikan Bakar di Wakaf Che Yeh tidak berdepan banyak masalah. Urus niaga di kedua-dua cawangan berkenaan berjalan lancar dan sentiasa dikunjungi pelanggan. Malah operasinya semakin sibuk pada waktu puncak serta cuti umum.

Pelbagai makanan laut dan pilihan stimbot disediakan untuk pelanggan pada sesi buffet.



Pelbagai pencicah dan ulaman disediakan ketika sesi nasi ulam.



"Boleh dikatakan dua cawangan terawal restoran KST ini tidak berdepan cabaran getir. Malah cawangan-cawangan di sekitar Wakaf Che Yeh pun kurang persaingan membuktikan strategi awal kami berkesan serta membolehkan perniagaan keluarga ini terus bertahan."

"KST Selera Ikan Bakar, Wakaf Che Yeh terletak berhampiran stesen minyak Caltex yang saya uruskan sendiri adalah penyumbang profit terbesar dalam perniagaan keluarga ini. Mungkin faktor lokasi jadi penyebab utama yakni terletak di kawasan tumpuan ramai dan pelanggannya pula daripada pelbagai status serta peringkat usia," tegas Khir.

KST Selera Ikan Bakar, Pasir Tumboh


Menyedari usia semakin meningkat, Khir dan Siti kini menyerahkan pengurusan rangkaian restoran KST kepada lima anak mereka. Muhammad Fariz pula memegang tugas berat untuk menguruskan dua cawangan restoran iaitu KST Selera Ikan Bakar di Pasir Tumboh (sebelah Balai Bomba) dan Tunjong (Batu Empat). Dua cawangan ini berdepan saingan sengit dan cabaran getir dunia perniagaan.

Fariz, berkata, umum mengetahui bahawa Pasir Tumboh adalah bandar satelit di Kelantan dan kebanyakan penduduknya golongan elit. Selain itu, kawasan berkenaan telah mempunyai banyak restoran besar yang mempunyai kekuatan serta daya tarikan tersendiri. Situasi itu mewujudkan cabaran lebih besar dalam usahanya untuk memajukan KST Selera Ikan Bakar.

"KST Selera Ikan Bakar cawangan Pasir Tumboh yang beroperasi dari pukul 4.30 petang hingga 1.00 pagi ini dibuka pada Ogos 2018. Berbeza dengan Wakaf Che Yeh, kami perlu berusaha lebih keras untuk memajukan cawangan di kawasan ini. Pelbagai cara dan strategi perlu digunakan bagi memajukan cawangan ini termasuklah mempelbagai dan memperhebatkan lagi hidangan sedia ada untuk menarik pelanggan. Selain itu, usaha promosi dijalankan secara berterusan bagi membolehkan KST Selera Ikan Bakar dikenali oleh masyarakat di Pasir Tumboh," hurai Fariz mengenai cabaran yang dihadapi.

Beliau turut mengingatkan bahawa perniagaan makanan di Kelantan tidak boleh diambil mudah. Katanya, kualiti makanan perlu dititikberatkan jika ingin maju dalam perniagaan restoran di negeri ini kerana rakyat Kelantan amat pandai memilih makanan dan bercita rasa tinggi.

"Alhamdulillah, perkembangan positif dapat dilihat di KST Selera Ikan Bakar cawangan Pasir Tumboh pada masa kini. Sambutan daripada masyarakat di situ semakin meningkat berbanding peringkat awal cawangan tersebut dibuka. Para peniaga baharu yang ingin beroperasi di kawasan elit seperti Pasir Tumboh perlu kuat semangat, elok perilaku dan mencapai prestasi kerja terbaik. Peniaga juga perlu mempunyai kaedah tersendiri untuk memahami situasi lokasi seperti di Pasir Tumboh," pesan Fariz.



Restoran KST Selera Ikan Bakar, Wakaf Che Yeh dibuka seawal pukul 4.30 petang hingga lewat malam.



Restoran KST Selera Ikan Bakar, Wakaf Che Yeh akan bertukar rupa pada sebelah malam apabila pelanggan memilih menikmati hidangan dengan konsep terbuka.



Restoran KST Selera Ikan Bakar, cawangan Pasir Tumboh.



Pengunjung memenuhi ruang restoran di cawangan Pasir Tumboh.

Sumber Foto: Facebook KST

KST Selera Ikan Bakar, cawangan Ketereh

Restoran cawangan Ketereh ini dibuka pada hari ketiga Hari Raya Aidiladha tahun 2018 dan diluruskan oleh Muhd Aliff Najmi Abdullah. Berikutan lokasi cawangan ini berada di kawasan luar bandar dengan penduduk berpendapatan sederhana dan rendah, beliau perlu mengaplikasikan sepenuhnya langkah promosi melalui media sosial seperti Facebook dan Instagram bagi menarik minat pelanggan berkunjung ke premis tersebut dari pelbagai jajahan berdekatan.

Pelanggan restoran KST di Wakaf Che Yeh hingga Tunjong rata-ratanya adalah masyarakat sekitar Kota Bharu. Namun pelanggan di cawangan Ketereh datang dari Machang, Kuala Kral, Sellsing (Pasir Puteh) dan daerah-daerah sekitar. Pembukaan cawangan ini memudahkan pelanggan untuk menjamu selera di restoran KST tanpa perlu memandu ke Kota Bharu.

"Perbezaan ketara bagi cawangan Ketereh adalah ia berada di kawasan perkampungan, maka pelanggannya adalah penduduk sekitar yang lebih gemar berjimat dalam perbelanjaan mereka berbanding di kawasan-kawasan bandar. Mereka kurang sanggup berbelanja lebih untuk menjamu selera," jelas Muhd Aliff Najmi yang sudah arif dengan budaya penduduk setempat.

Beliau bagaimanapun bersyukur kerana sambutan yang diterima tetap positif dan boleh dikatakan agak meriah. Menurutnya, waktu operasi restoran adalah sama seperti cawangan lain iaitu dari pukul 4.00 petang sehingga 12.30 tengah malam. Waktu puncak di cawangan Ketereh pula adalah sekitar pukul 8.00 sehingga 11.00 malam.

"Alhamdulillah, KST Selera Ikan Bakar cawangan Ketereh masih mampu menjaga keuntungan walaupun tidak besar dan majoriti masyarakat di sini mengenali jenama KST. Bagi perancangan masa hadapan, kami berhasrat untuk menambah lagi kepelbagaian menu hidangan. Di samping itu, kami juga akan tingkatkan keselesaan pelanggan dan cuba beri perkhidmatan terbaik. Persaingan dalam perniagaan akan wujud di mana-mana kawasan. Cawangan Ketereh juga berdepan saingan kerana di sini terdapat banyak kedai. Malah sesetengahnya adalah restoran besar dan ternama," tambahnya.

Perancangan masa hadapan

Fariz turut memaklumkan perancangan untuk memajukan lagi rangkaian restoran KST dengan mengembangkan perniagaan keluarga itu ke peringkat sendiri berhad atau francais.

"Kami memang merancang mewujudkan cawangan-cawangan di luar Kelantan dalam tempoh tiga tahun akan datang lanjutan penjenamaan restoran KST sejak beberapa tahun lalu telah berjaya. Masyarakat di negeri ini telah mengenali nama KST melalui data bancian dengan meletakkan kakitangan kami di pasar raya untuk mengedarkan borang kaji selidik kepopularan KST.



Restoran KST Selera Ikan Bakar, cawangan Ketereh.



Mohd Khir bersama isteri, anak dan menantu ketika sesi temu ramah.

Alhamdulillah, ia mendapat respons cukup positif. Malahan, kami dapat masyarakat dari luar Kelantan turut mengenali nama restoran kami. Berdasarkan data itu, kami yakin penjenamaan cap dagang KST turut boleh dilaksanakan di luar negeri ini," ucap Fariz penuh semangat. ■



Cerita Dari Dapur Istana DiRaja Inggeris; Pengalaman pahit manis buat pedoman generasi pelapis

Oleh: Zanazanzaly

Foto: Koleksi peribadi



Nama Mustafa Othman (Pak Mus) pernah sinonim dengan restoran Me'nate Steak Hub yang menyajikan stik berharga ribuan ringgit. Namun keistimewaan Pak Mus sebenarnya lebih besar daripada itu apabila beliau berhasrat membantu menjadikan negeri Kelantan sebagai pusat rujukan Industri daging suci dan halal serta bermutu tinggi pada masa hadapan.

Anak jati Kelantan kelahiran 15 Mac 1960 di Kampung Seri Akar, berhadapan Masjid Muhammadi, Kota Bharu, hanya menamatkan Darjah Enam namun bercita-cita besar mahu memanfaatkan ilmu, pengalaman dan kepakaran beliau untuk kemajuan rakyat dan negeri Kelantan khususnya dalam menjadikan Kelantan hub makanan negara.

Justeru itu, Pak Mus bekerjasama dengan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) memberi pendedahan tentang teknik penyembelihan haiwan temak yang lebih bersih, sistematik dan menepati standard antarabangsa serta patuh syariah.

Tegar berprinsipkan ajaran Islam, meskipun kehidupan lampaunya penuh kekurangan – miskin dan tidak berpelajaran tinggi, Pak Mus menjadikan ujian tersebut sebagai cabaran untuk mengejar minatnya dalam industri daging.

Berkelana sehela spinggalang ke London, England lebih 30 tahun lalu bagi memantapkan kemahiran dalam industri tersebut, Pak Mus kini boleh berbangga dengan

pengiktirafan sebagai Master Butcher yang berkhidmat untuk Monarki British.

Editor Qidah, Zanazanzaly mewawancara Pak Mus bagi mengupas pandangan dan idea bernas Master Butcher ini dalam usaha memajukan industri ternakan di negeri Kelantan bagi merealisasikan aspirasi kerajaan negeri untuk menjadikan Kelantan Jelapang Makanan Negara.

Qidah: Bagaimana pengalaman lampau mencorak minat kerjaya dan kehidupan Pak Mus?

Pak Mus: Pada saya, untuk menjadi seorang yang berjaya adalah sangat subjektif; orang yang berjaya ini salah satunya disebabkan oleh kerajinannya, kalau rajin dia pasti berjaya. Tidak pernah lagi kita mendengar kisah pemalas yang berjaya di dalam dunia ini. Oleh itu kita perlulah sentiasa rajin, ikhlas dan kenal diri untuk mencapai kejayaan dalam hidup.

Jadi untuk mencapai kejayaan dalam bidang berkaitan daging ini, saya mesti belajar. Untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat tinggi, saya tidak mampu. Oleh itu saya perlu mencari kepakaran melalui cara belajar sambil bekerja. Selama bertahun-tahun saya bekerja di kedai-kedai daging di Petaling Jaya dan Subang untuk mendalami ilmu pemetongan daging; saya rela jadi kuli sebab saya minat dan mahu belajar.



Qladah: Kenapa tuan memilih bidang pemotongan daging atau *butchery*, bunyinya sahaja sudah menggerunkan?

Pak Mus: Saya berminat dengan Industri daging kerana saya suka makan daging. Saya dibesarkan dalam keluarga miskin, ibu bapa saya tidak mampu membeli daging dan musim Hari Raya Aidiladha adalah satu-satunya masa kami sekeluarga menikmati daging.

Apabila kami menerima sumbangan daging korban, pada hari pertama, kami makan daging; hari kedua, menu kami sup daging dan pada hari ketiga, kami makan sup tulang tanpa daging, bayangkan bagaimana mak saya mampu simpan daging korban yang disedekahkan itu untuk dimakan selama tiga hari.

Sekarang, sekiranya isteri saya menyediakan hidangan tanpa sebarang sajian daging, pada saya ia seolah-olah makan tidak berlauk, tidak cukup syarat.

Saya melihat peluang berkerja di England sebagai satu rezeki dan kurniaan Allah. Tanpa memikirkan soal gaji, saya mempromosikan bakat dan kelebihan sendiri.

Kenapa saya memilih England? Saya bercita-cita hendak ke England kerana orang kata United Kingdom (UK) ni "biso" (hebat) dalam segala hal. Maka, saya jual segala harta dan berhijrah sebagai pendatang haram selama dua setengah tahun. Saya merantau dan "hilang" di UK selama lebih 11 tahun sehinggakan ada saudara-mara dan handai taulan di Kelantan menyangka saya sudah mati.

Alhamdulillah, Allah bagi saya bakat. Ketika memohon kerja sebagai *butcher*, majikan beri pisau dan batu asah lalu tinggalkan saya sendirian di dalam bilik simpanan daging. Saya disuruh memotong daging yang biasanya memakan masa 30 minit tetapi saya melakukannya dalam tempoh 15 minit sahaja. Maka saya digaji oleh Dawn Group of Companies, pembekal kedua



Qladah: Boleh ceritakan pengalaman berkelana ke England. Mengapa Pak Mus memilih England?

Pak Mus: Saya sedar sebagai orang miskin, saya mesti berubah. Untuk itu saya perlu berhijrah dengan cekal bersedia menerima cabaran dan berani untuk gagal.

Beruntungnya sebagai orang Islam, kita perlu berbuat baik maka hasilnya akan baik. Bagi saya, sebagaimana yang diajar oleh guru, biar keuntungan mencari kita dengan bekerja bersungguh-sungguh secara berkualiti dan buat sesuatu perkara atas dasar dan sebab yang baik, maka hasilnya Insya-Allah menjadi baik. Begitu juga sebaliknya, buat perkara buruk maka hasilnya jelik.

terbesar daging terbaik di England yang membekalkan daging ke semua Istana DiRaja di UK serta rangkaian pasar raya Tesco di sana.

Saya dinaikkan pangkat di rumah sembelihan sehingga ke tahap Master Butcher yang perlu mahir dalam serba-serbi berkenaan daging. Bermula daripada saat anak lembu dilahirkan sehinggalah ia berakhir sebagai sajian, termasuklah pengetahuan tentang perubahan molekul daging, teknologi makanan, teknik memasak, bahagian daging, pendek kata segala-galanya yang berkaitan dengan daging. Saya mengambil masa lebih 10 tahun untuk mendalami ilmu dan kemahiran ini. Memang tiada sekolah khas untuk kerjaya pemotong daging tetapi kami dilatih di rumah sembelihan kerana



bisnes daging dipandang tinggi di Eropah kerana kerjaya ini bukan sembarangan. Undang-undang UK mengenakan hukuman dan memenjarakan penjual daging segar di jalanan atas kesalahan jenayah membunuh halwan dan menjual dagingnya secara terbuka. Kali pertama hukumannya penjara tiga bulan, kesalahan seterusnya boleh membawa hukuman penjara sehingga enam tahun.

Qladah: Sepanjang Pak Mus berkhidmat di Istana DiRaja Inggeris, apakah pengalaman dan cabaran yang dihadapi?

Pak Mus: Sepasang tangan anugerah Allah ini membolehkan saya bekerja secara cepat dan mahir seni mengukir daging (meat crafting). Kebetulan, seorang Master Butcher bertugas ketika itu cedera dan tidak boleh bekerja, jadi ibarat rezeki jatuh bergolek, saya menjadi Master Butcher gantian. Cara dan persembahan sajian saya disukai maka saya kekal di Istana Buckingham selama dua tahun setengah. Saya enggan meneruskan kontrak kerana protokol Istana yang ketat sedangkan saya orang Islam dan hanya sujud kepada Allah.

Qladah: Apakah juadah paling istimewa pernah disajikan kepada keluarga DiRaja tersebut?

Pak Mus: Alhamdulillah, saya boleh menyediakan stik yang bagus menepati citarasa dan selera Ratu England dan mendiang Puteri Wales berdasarkan saranan pakar diet mereka. Sepatutnya orang Inggeris melakukannya tetapi kita orang Kelantan pun boleh buat dengan lebih baik.

Qladah: Apakah benar keenakan daging bergantung kepada jenis potongannya?

Pak Mus: Sebenarnya ia satu mitos kerana keenakan daging bergantung kepada banyak faktor. Kebanyakan orang suka percaya kepada mitos dan tidak merujuk pakar. Samalah juga, kepercayaan daging segar perlu dinikmati segera selepas disembelih sedangkan realiti dari aspek sains pemakanan dan kesihatan, makanan paling teruk yang manusia suka nikmati di atas muka bumi ini ialah daging segar yang dimasak sebak sahaja haiwan itu disembelih. Ini satu kenyataan kerana daging yang bagus memerlukan satu tempoh ia direhatkan atau disimpan seketika (aging).

Kualiti dan keenakan hidangan daging bergantung juga kepada teksturnya yang terbentuk daripada pemakanan lembu itu. Lembu yang dibiarkan tidak bertambat dan merayau-rayau memakan segala macam sampah, sudah tentu akan menjejaskan kualiti dagingnya. Apatah lagi memakan tanaman orang, sudah tentu haram! Macam mana dagingnya mahu sedap?

Qladah: Apakah jenis potongan biasa yang ada pada seekor lembu?

Pak Mus: Potongan atau *cut* pada seekor lembu ada 2,743 jenis yang boleh dimakan dan ada 182 komponen yang tidak boleh dimakan khususnya kuku, tanduk dan najis. Tiga ini sahaja yang tidak dimakan oleh orang kita. Walaupun kulit, organ dalaman, sumsum, cenonok (lemak pada tulang) dan sebagainya tidak sesuai dan tidak sihat untuk dimakan.



Qiadah: Apakah rahsia daging yang enak?

Pak Mus: Rahsia daging enak berdasarkan prinsip "make it right at the first stage." Kerat dengan betul, masak secara betul maka ia pasti sedap. Sebagai contoh, kita potong daging atas papan pemotong yang telah digunakan sejak berahun-tahun, dipenuhi bakteria. Jadi bagaimana daging kita boleh menjadi sedap? Sebab itu kita berniaga tidak untung-untung atau kaya-kaya sebab caranya tidak betul, kebersihan tidak dijaga, keikhlasan pun entah ke mana.

Sebagaimana kita memasak kerutuk, tidak spesifik yang memerlukan potongan daging "buku besar" sebesar penumbuk, ia bergantung kepada pilihan anda sendiri. Kalau dihiris nipis, apabila masak ia tetap juga akan menjadi kerutuk daging.

Qiadah: Berdasarkan pengalaman dan kepakaran Pak Mus, apakah yang boleh negeri Kelantan pelajari untuk memajukan industri daging?

Pak Mus: Kelantan mempunyai kapasiti dan kelebihan untuk memajukan industri lembu sado dan menjadikan Kelantan sebagai pusat rujukan industri ini dengan mencipta baka lembu jenis Kelgyu sebagaimana Wagyu di Jepun. Gyu maksudnya lembu, dan Wa bermakna Jepun, oleh itu Wagyu bermakna Lembu Jepun. Saya percaya kita mampu melakukannya kerana kita mempunyai suasana kondusif di Lojing yang sesuai untuk menghasilkan ternakan lembu berkualiti tinggi, mungkin tidak secantik daging Wagyu tetapi setanding kelazatannya.

Wagyu tiada cara khusus untuk dihidangkan, ia adalah lembu anugerah Allah kepada manusia yang berkualiti tinggi dengan corak daging (marbling) yang cantik; saya menjual stik wagyu pada harga RM15,000 sepinggan. Apabila kita dihidangkan dengan daging yang

bagus, kita akan dapat melihat dan merasai perbezaan tekstur selembut puding dan amatlah enak rasanya.

Qiadah: Apakah nasihat kepada anak Kelantan yang mahu mengikuti jejak langkah Pak Mus sebagai Master Butcher?

Pak Mus: Memasak perlu ada minat (passion). Untuk mengetahui berminat atau mengenal pasti kebolehan alamiah seseorang dalam bidang pemotongan daging, boleh dilihat melalui cara seseorang memegang atau mengendalikan pisau.

Untuk menarik dan memupuk minat terhadap bidang ini, kita perlu menunjukkan contoh yang bersih, bergaya dan baik, satu gaya hidup yang ada kelas. Oleh itu, kita perlu menunjukkan kerjaya pemotong daging adalah menarik dan mempunyai standard tertentu, dengan cara memakai baju bersih, memandu kereta besar, bekerja di rumah sembelihan yang bersih dan kemas, tentunya ia akan menarik minat mereka untuk mengikuti jejak langkah kita.

Qiadah: Bagaimana Pak Mus melihat potensi negeri Kelantan untuk menjadi peneraju dalam industri daging?

Pak Mus: Serondeng dan daging kering berasal dari Kelantan. Kelantan ada tanah tinggi Lojing dan sudah ada pasukan kerja yang bagus terdiri daripada pakar daging bertaraf dunia, KPKB, Jabatan Veterinar, rumah sembelihan dan banyak lagi pihak berkaitan sebagai bahan rujukan daging lembu terbaik di Malaysia yang berusaha dan berjuang memastikan hasrat ini terlaksana dengan jayanya agar saya dan para pencinta daging tidak perlu lagi mencari daging berkualiti jauh di negara luar seperti di Australia atau New Zealand. Kita akan beli dari Kelantan! ■



Hari Keluarga PMBK

Oleh: Mustaqim Isa
Foto: Ahmad Na'ime Muhammad



Hari Keluarga Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah diadakan pada 7 hingga 9 November 2019 bertempat di Duyong Marina & Resort, Pulau Duyong, Terengganu. Program kali ini menyaksikan sebilangan besar warga kerja PMBK dan keluarga berkumpul beramai-ramai bagi mengeratkan lagi ukhuwah yang sudah sedia terjalin.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang program tersebut berlangsung antaranya sukaneka kanak-kanak dan dewasa, usrah, solat berjemaah serta menyusuri sungai. Selain itu, pada malam terakhir

program juga diadakan penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada warga kerja yang cemerlang beserta anak-anak yang cemerlang dalam akademik masing-masing. Pada majlis makan malam itu juga diselitkan sesi cabutan bertuah dan penyampaian hadiah bagi dua acara utama iaitu Treasure Hunt dan Family Photo Challenge.

Penganjuran Hari Keluarga PMBK pada kali ini tamat pada 9 November 2019 setelah semua acara berlangsung dengan jayanya. ■

Makan malam pada hari pertama program.



Sesi usrah diadakan di surau resort.






Pelbagai acara sukan dipertandingkan bagi memeriahkan program Hari Keluarga kali ini.



Gambar kenangan Majlis Makan Malam pada Hari Keluarga PMBK 2019.



Warga kerja PMBK dan keluarga mengambil kesempatan menaiki bot persiaran pada hari terakhir program.

Asyura Mahabbah Eratkan ikatan ukhuwah

Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Hari Asyura adalah hari yang kesepuluh dalam kalendar Islam iaitu 10 Muharam yang mana Asyura berasal daripada perkataan Arab iaitu asyara yang bermaksud sepuluh.

Hari Asyura juga dikaitkan dengan kisah Nabi Nuh dengan kaumnya selepas berakhir peristiwa banjir besar dan baginda mengarahkan supaya dimasak makanan menggunakan apa sahaja bijian yang ada.

Bersempena dengan bulan Muharam atau lebih mesra dipanggil bulan Asyura, Kelab Mahabbah Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dengan kerjasama JAMIL telah menganjurkan program gotong-royong memasak 2 kawah bubur asyura beserta bubur lambuk pada 26 Muharam 1441 bersamaan 26 September 2019. Program tersebut telah diadakan di parkir bawah, bangunan PMBK.

Proses penyediaan rempah dan peralatan telah bermula seawal 8 pagi dan berakhir 4 petang dengan penglibatan semua ahli Kelab Mahabbah PMBK. Sebanyak 200 bekas bubur asyura telah diagihkan kepada semua warga bangunan PMBK. Di samping itu, jamuan makan tengah hari juga turut disediakan kepada semua ahli kelab yang bertungkus-lumus bekerjasama menyiapkan bubur tersebut.

Dengan penganjuran program sebegini dapat dijadikan sebagai salah satu platform untuk terus mengekalkan ukhuwah yang telah sedia terjalin. ■



Penyediaan bahan dan peralatan sebelum program bermula.



Kawah bubur lambuk.



Kawah bubur asyura.



Penyediaan bahan untuk menu makan tengah hari.



Menggorang ayam untuk menu makan tengah hari.



Ikan rebus untuk digoreng.



Bubur lambuk yang telah masak dimasukkan ke dalam bekas untuk diagihkan.



Pembahagian bubur lambuk dilakukan.



Bubur asyura siap untuk diagihkan.



SEMINAR AUDIT PEMATUHAN

BAGI KUMPULAN PMBK DENGAN KERJASAMA PKINK

“Pengauditan boleh ditakrifkan sebagai suatu pemeriksaan, analisa dan nilai yang berterusan dan sistematik ke atas penyata kewangan, rekod, operasi dan pentadbiran sesuatu organisasi bagi menentukan samada prinsip-prinsip am perakaunan, polisi-polisi pengurusan, peraturan dan prosedur dipatuhi.”

JABATAN AUDIT NEGARA



Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dengan kerjasama Perbadanan Kemaajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah berganding bahu menganjurkan Seminar Audit Pematuhan pada 20 Oktober 2019, bertempat di Kelantan Trade Centre, Kota Bharu, Kelantan. Seminar tersebut telah dihadiri oleh 47 warga kumpulan PMBK dan PKINK dalam menambah baik gerak kerja bagi tugas masing-masing.

Seminar tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Audit Sektor Kewangan, Jabatan Audit Negara (JAN), Haji Johari Ismail. Peserta telah didedahkan dengan konsep pengurusan kewangan, komponen audit pematuhan, pelaporan serta mengenal pasti tajuk pengauditan pematuhan.

Penganjuran seminar tersebut dapat memberi pendedahan kepada peserta mengenai kaedah pengauditan pematuhan yang menggantikan pengauditan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI). Disamping itu juga, dengan penganjuran seminar ini juga dapat memastikan gerak kerja JAD PMBK adalah selaras dengan gerak kerja yang telah ditetapkan oleh JAN. Kerjasama ini juga dapat merapatkan silaturahim dan menghasilkan jaringan kerjasama antara PMBK dan PKINK. ■

BANTUAN BANJIR



Misi menghantar bantuan banjir kepada mangsa banjir ke Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Wakaf Bharu, Wisma Purnama, Tumpat.



KEJOHANAN BOLING PMBK

Foto: Ahmad Naime Muhammad



Kejohanan Boling Antara Jabatan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)

Sempena bulan Sukan Negara, Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah menganjurkan kejohanan Boling Antara Jabatan PMBK pada 14 Disember 2019. Kejohanan tersebut telah berlangsung di KB Land, Kota Sri Mutiara, Kota Bharu. Kejohanan ini merupakan perlawanan persahabatan bagi merapatkan lagi ukhuwah antara warga kerja.

Di samping itu, dengan berlangsungnya kejohanan sebegini dapat meningkatkan kecergasan diri yang pro-aktif dan terbilang serta dapat mencungkil bakat warga kerja PMBK. Sebanyak lapan pasukan telah menyertai kejohanan tersebut.

Bagi johan keseluruhan telah disandang oleh Jabatan Pemasaran, diikuti oleh Jabatan Audit Dalaman dan Jabatan Undang-undang. Penganjuran ini juga dapat memupuk semangat toleransi antara satu sama lain dan memberi peluang untuk bersosial sesama warga kerja. ■



JABATAN PEMASARAN



JOHAN



NAIB JOHAN

JABATAN UNDANG-UNDANG

JABATAN AUDIT DALAMAN



TEMPAT KETIGA



SAGUHATI

JABATAN KPEK

JABATAN KEWANGAN



SAGUHATI



SAGUHATI

JABATAN HARTANAH

JABATAN MODAL INSAN DAN PENTADBIRAN



SAGUHATI



SAGUHATI

JABATAN PERANCANGAN STRATEGIK

KATEGORI INDIVIDU LELAKI



TERBAIK



TERBAIK

KATEGORI INDIVIDU WANITA

KEJOHANAN BOLING


PIALA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN PMBK



Kejohanan Boling Peringkat Kumpulan PMBK telah diadakan pada 18 Januari 2020 bertempat di Kota Sri Mutiara, Kota Bharu. Kejohanan tersebut merupakan rentetan daripada kejohanan boling peringkat jabatan PMBK yang mana juara bagi peringkat jabatan PMBK dipilih untuk mewakili PMBK bagi bersaing dengan anak-anak syarikat.

Sebanyak sembilan anak syarikat telah turut serta menjayakan kejohanan boling pada kali ini. Juara pada kejohanan kali ini menjadi milik PMBK diikuti oleh Air Kelantan Sdn. Bhd dan Kelantan Utilites Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd.

Menariknya, juara bagi kejohanan ini membawa pulang sebuah Piala Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan yang merupakan piala pusingan julung kali diadakan.





PMBK (Johan).



Air Kelantan Sdn. Bhd. (Naib Johan).



Kelantan Utilities Mubarakkan Holdings Sdn. Bhd. (Tempat ketiga).



Jatuhan pin terbanyak (lelaki).



Jatuhan pin terbanyak (wanita).



PMBK Development Sdn. Bhd.



Maajari Services Sdn. Bhd.



Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd.



Kelantan Gold Trade Sdn. Bhd.



Kifaalah Sdn. Bhd.



Bio Tajmeel Cosmeceutical Sdn. Bhd.



PMBK Az-Zahab Sdn. Bhd.

KEJOHANAN BOLING KUMPULAN PMBK

TAKLIMAT INTEGRITI PMBK 2020 SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009



Foto: Nur Hafiza Mohd Nordin



Unit Integriti Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah menganjurkan satu Taklimat Seksyen 17A Akta SPRM 2009 pada 03 Rejab 1441 bersamaan 27 Februari 2020 di Dewan Seminar, MABNA MBI.

Taklimat ini telah disampaikan oleh PsK Hamisah Salleh yang merupakan Penolong Pengarah Pencegahan, SPRM Negeri Kelantan, dan mempunyai pengalaman selama 24 tahun bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pada taklimat tersebut, sebilangan besar kakitangan PMBK diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan telah diberi pendedahan tentang integriti dan bahaya rasuah yang mana semua penjawat awam perlu mengamalkan integriti dan pada masa yang sama perlu bijak menolak rasuah melalui ilmu yang dikongsi bersama.

SPRM turut menerangkan undang-undang liabiliti korporat yang telah dikuatkuasakan mengikut Seksyen 17(A) Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018) menumpukan lebih kepada sektor swasta. Dengan adanya liabiliti korporat itu kelak, jika berlaku kes rasuah melibatkan organisasi komersial, pihak pengurusan tidak dipertanggungjawabkan sekiranya sudah mengambil langkah pencegahan rasuah dan kesalahan hanya terhadap Individu atau pekerja yang melakukan rasuah. ■



TAKLIMAT KESEDARAN KESELAMATAN SIBER

AKTIVITI PMBK



Taklimat Kesedaran Keselamatan Siber (Siber Safe Awareness Program) telah diadakan pada 09 Rejab 1441 bersamaan 04 Mac 2020 bertempat di bangunan PMBK. Taklimat yang bermula pada pukul 9.30 pagi ini telah disampaikan oleh Jazannul Azriq Aripin yang merupakan Eksekutif Senior di CyberSecurity Malaysia. Beliau yang berpengalaman selama 12 tahun dalam bidang keselamatan siber telah berkongsi jenis-jenis jenayah siber dan langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan penggunaan siber adalah selamat sama ada untuk urusan kerja atau peribadi.

Taklimat ini telah dihadiri oleh semua warga kerja PMBK sebagai satu inisiatif untuk mendidik dan memberi pendedahan terhadap bahaya siber pada masa kini. 📺



"Let's make the Internet a safer place"

TEROWONG MASA

TIME TUNNEL

Sumber dan foto ehsan daripada Perbadanan Muzium Kelantan.

KILANG BISKUT EASTERN 1992

Kilang Biskut Eastern terletak di Jalan Pasir Puteh menghala ke Kota Bharu pada tahun 1992.

Eastern Biscuit Factory is located at Jalan Pasir Puteh headed to Kota Bharu in 1992.



KOTA SRI MUTIARA

2019

Tapak asal Kilang Biskut Eastern Ini telah dibangunkan kompleks ber-campur Kota Sri Mutiara. (Gambar diambil pada tahun 2019)

The original site of the Eastern Biscuit Factory has been developed into Kota Sri Mutiara mixed development. (Pictures taken in 2019)




KOTA SRI MUTIARA



Dialek KELANTAN

Oleh: Jabatan Komunikasi Korporat PMBK
Disemak oleh: Munsyl Abdullah bin Mohd Yassin



DDUWA MARAH, PANAS HATI (ANGRY, HOT)

Perasaan panas hati dan berang kerana ditipu, dihina diejek dan sebagainya. Sebutannya ialah 'ddu-wa'.

Feelings of hot and anger over being cheated, insulted and so on. The word is 'do-waa'.

IKUT ERE IKUT KEHENDAK HATI (FOLLOW THE WILL)

Mengikut hajat dihati, keinginan dan kemahuan. Sebutannya ialah 'i-kut e-re'.

According to one's intentions, will and desires. It's called 'ee-coat air-rare'.



GGADIK PEKAT DAN LIKAT (CONCENTRATED AND VISCIOUS)

Pekat dan likat serta melekat dan kental. Sebutannya ialah 'gga-dik'.

It is concentrated and viscous and it is sticky and thick. The word is 'gaa-dick'.

GELEBEK

BAHAGIAN TAJAM BENGKOK; ROSAK (SHARP PORTION BENT; IS BROKEN)

Mata pisau, parang atau pedang yang tidak tajam serta mempunyai permukaan tajamnya tidak rata atau bengkok. Sebutannya ialah 'ge-le-bek'.

The blade, machete or sword is not sharp and has a bent surface. It's called 'gir-lair-back'.



GELECOH

TERGELINCIR (SLIPPED)

Tergelincir atau hampir jatuh ketika bergerak. Sebutannya ialah 'ge-le-coh'.


Slipped or nearly fell while moving. The name is 'gir-lair-coh'.

GELELOK

BENGGANG-BENGGOK (CROOKED)

Tidak lurus, berkelok-kelok dan berliku-liku. Sebutannya ialah 'ge-le-lok'.

Not straight, curved and twisted. It's called 'gir-lair-lok'.



NARAK KO

HINGGA KEPADA (UP TO)

Perakuan hingga kepada suatu yang tidak dijangka. Sebutannya ialah 'na-ghak ko'.


Behaviour to the unexpected. The name is 'na-ghak core'.

JJADA

TINDAKAN ATAU PERLAKUAN SECARA MEMBUTA TULI (DEAFNESS OR ACTION)

Melakukan sesuatu tanpa berfikir panjang, tiada perancangan dan tidak berfikir terlebih dahulu. Sebutannya ialah 'jja-da'.

Do something without thinking thoroughly, without planning and without thinking ahead. The word is 'jja-da'.



JAUH JELAK

SANGAT JAUH (VERY FAR)

Jaraknya terlalu jauh atau tidak dekat. Sebutannya ialah 'ja-uh je-lak'.


Too far or the distance is too far or not near. It's called 'ja-owh

JEBAT

BAU BADAN (BODY ODOUR)

Bau badan manusia atau haiwan yang kurang menyenangkan seperti bau ketiak manusia atau bau badan musang. Sebutannya ialah 'je-bat'.

The smell of human bodies or animals which is unpleasant like the smell of human armpits or the fox's body odor. It's called 'jlr-but'.



JEBEH

MENJUIHKAN MULUT KE HADAPAN (MOUTH FORWARD)

Memuncungkan atau mengerutkan mulut sebagai tanda kurang setuju seperti kanak-kanak merajuk atau untuk menghina orang. Sebutannya ialah 'je-beh'.

Blowing or frowning as a sign of disapproval such as children being angry or to insult people. The word is 'jlr-beah'.

KECEN MATO

TUTUP MATA SEBELAH (CLOSE ONE EYE)

Menutup/memejamkan mata sebelah (seperti orang yang sedang membidik). Sebutannya ialah 'ke-cen ma-tor'.

Closes the other eye (such as the person aiming). It is called 'care-caing ma-thor'.



SAENG

KAWAN ATAU SAHABAT (FRIENDS)

Kawan, rakan atau sahabat. Sebutannya ialah 'sa-eng'.

Friends, or Dude. The word is 'sa-aling'.

SARU

TERGANGGU FIKIRAN ATAU SERABUT (DISTURBED OF MIND)

Fikiran dan perasaan hati yang tidak tenang (kerana memikirkan sesuatu masalah). Sebutannya ialah 'sa-ghu'.

Thoughts and feelings of unease (for thinking about a problem). The word is 'sa-ghoo'.



SEDOK

MENANDUK (HIT WITH HEAD)

Perbuatan menyondol sesuatu dengan kepala atau tanduk. Sebutannya ialah 'se-dok'.

The act of tapping something with a head or a horn. The word is "sair-dok".

Maghi Beli!

Bare Muroh, Rama Suko,
Pakat Punggoh, Ado belako

Textile
PUSAT JUALAN RUNCI & BORONG TEKSTIL

PUSAT USAHAWAN ONLINE KELANTAN
(TINGKAT 3)

POPK
PUSAT SEHENTI OKU NEGERI KELANTAN
(TINGKAT 3)

PUSAT JAHITAN PAKAIAN KOTA BHARU
(TINGKAT 2 & 3)

MEDAN SELERA
(TINGKAT 3)

PESTA
PERGANTIAN SENI DAN WARISAN KELANTAN
GALERI SENI
(TINGKAT 3)

BTG
GALERI SWAFOTO & GRAFTI
(TINGKAT 3)



WAKTU OPERASI
9.00 PAGI-6.30 PETANG
SABTU-KHAMIS

 **014-538 2083 (ADIB)**

www.pmbk.gov.my/pemasaran





بازار توك گورو
BAZAR TOK GURU



SEWA KEDAI MURAH

#BAZARVIRALKELATE

SEWA BELI
RM350
SEBULAN

SEWAAN
RM90
SEBULAN

**KEMPEN
PEMILIKAN
LOT NIAGA
USAHAWAN
KELANTAN**



- www.pmbk.gov.my/pemasaran
- Bazar Tok Guru
- bazarviralkelate

HUBUNGI

019-932 2295 (GEE)
011-25469440 (YUS)

BAUCAR BAUCAR

BAUCAR



DISKAUN BAGI 50 PEMBELI
#BAZARVIRALKELATE

15% LOT BIASA

10% LOT PENJURU

- www.pmbk.gov.my
- Bazar Tok Guru
- bazarviralkelate

NAMA: NO. IC:
ALAMAT:

Baucar ini sah untuk pembelian di lot tingkat 2 & 3 Bazar Tok Guru



PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN
www.pmbk.gov.my



GASING URI KELANTAN



GUNUNG STONG
KELANTAN

NASI KERABU
KELANTAN

تاهون ماہوت كلانتن



Kelantan dihati

keluarga • makanan • perayaan

tourism.kelantan.my

tic.kelantan